

Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA



LANGGAN
AKHBAR
AMANAH
SEGERA!
**PERCUMA
T-SHIRT**

untuk urusan Langganan
011 3233 4322

Tolak Pas untuk tumbangkan BN, seru AMANAH Marang

→ ms2



'Jelajah Harapan'
perkenal calon PM dan TPM

→ ms3



PNB KWSP beli harta tanah RM9 bilion, 1000 kali ganda harga asal

→ ms8

PAS KALAH TERUK


PAS akan kalah teruk hatta di Terengganu dan bakal hilang kerusi parlimen Marang serta DUN Rhu Rendang yang diwakili presidennya Datuk Seri Abdul Hadi Awang jika berlaku pertandingan tiga penjuru antara Pas, PH dan BN.

Penganalisis UTM, Dr Mazlan Ali berkata, empat kajian yang dibuatnya sejak 2015 mendapati 35% penyokong Pas sudah menyertai Amanah selepas berpecah.

"10% lagi ahli Pas kini pro PH manakala 20% dari 65% yang masih kekal dalam Pas itu termasuk dalam golongan yang keliru," kata Mazlan dalam empat pertengangan, tiga di Terengganu dan satu di Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

→ Laporan penuh lihat muka 2



“ Empat kajian yang dibuatnya sejak 2015 mendapati 35% penyokong Pas sudah menyertai Amanah selepas berpecah ,”



PROMOSI TERBARU!!

DAPATKAN SEGERA

01132334322
untuk urusan pembelian



Pas bakal kalah teruk di Terengganu

PAS bakal kalah teruk di Terengganu bahkan presidennya Datuk Seri Abdul Hadi Awang bakal hilang kerusi parlimen Marang dan DUN Rhu Rendang jika berlaku pertandingan tiga penjuru dalam PRU 14 nanti.

Pensyarah Kanan UTM, Dr Mazlan Ali yang membuat empat kajian sejak parti itu berpecah 2015 lalu, Pas hanya berpeluang menang dua kerusi DUN saja iaitu Paka dan Sura dan kalah di semua kerusi parlimentinya.

Sehingga kini, Mazlan telah membuat sekurang-kurangnya empat kali perbentangan mengenai kajian beliau itu, tiga di Terengganu dan satu di Universiti Malaya Kuala Lumpur selain bercakap secara langsung dengan media

mengenainya.

"Punca utamanya adalah Pas kini berebut sokongan kepada kumpulan sasar yang sama dengan Pakatan Harapan (PH) yang selama ini memberikan undi kepada Pas di Terengganu.

"Sedangkan penyokong Umno sehingga kajian saya bulan November 2017 lepas masih belum terusik," kata Mazlan kepada media.

Berdasarkan simulasi yang dibuat beliau, Umno akan menang kesemua kerusi parlimen dan 30 dari 32 kerusi DUN.

Suasana ini akan berubah jika Bersatu yang dipimpin Tun Dr Mahathir Mohamad boleh memecahkan kubu Umno dan membawa lari sokongan kepada PH.

Buat masa sekarang, kata Mazlan, kumpu-

lan pengundi yang selama ini mengundi Pas, yang dinamakan kumpulan 'participant', kini berpecah dua antara Pas dan PH selepas parti itu berpecah dan membentuk Amanah.

Mazlan memecahkan pengundi kepada tiga kumpulan iaitu participant, parochial dan subjek.

Kumpulan participant adalah kumpulan pengundi yang mengundi berdasarkan pemerhatian, ilmu dan fikiran mereka.

Parochial adalah pengundi berdasarkan suasana dan peluang semasa pilihan raya manakala subjek adalah penyokong tegar parti.

Di Terengganu sebelum ini, Umno mempunyai 55% pengundi subjek manakala 45% lagi

ialah penyokong Pas.

Umno pula menguasai pengundi parochial kerana mempunyai jentera yang mantap, wang yang banyak dan mereka kebanyakannya tinggal di kawasan luar bandar.

Menurut Mazlan, melalui kajian beliau, selepas Muktamar 2015, 35% penyokong Pas sudah keluar meninggalkan parti itu di seluruh negara.

"Mungkin di Terengganu kadarnya lebih rendah," katanya.

Buat masa sekarang pula, katanya, dari 65% penyokong Pas yang masih tinggal itu, 10% adalah pro Amanah (Harumanis) manakala 20% lagi adalah penyokong yang keliru dengan halatuju Pas.

Tanah Felda sudah hilang selamanya

AHLI Parlimen Pandan, Rafizi Ramli mendakwa Felda telah hilang tanahnya di Jalan Semarak buat selama-lamanya dan apa yang dibuat oleh pengurusnya Tan Sri Shahril Samad hanyalah sandiwara semata-mata.

"Saya ingin menegaskan bahawa tanah Felda yang diwar-warkan keronnya telah didapat kembali hakmiliknya, sebenarnya telah hilang buat selama-lamanya," katanya Rafizi dalam satu kenyataannya.

Tanah ini hilang apabila menjadi tapak pembangunan projek Kuala Lumpur Vertical City (KLVC) dan bakal dimiliki secara strata oleh pembelinya nanti, katanya.

Menurut Rafizi, kenyataan awal Shahril tidak mahu meneruskan projek KLVC di atas tanah itu adalah kerana bimbang risiko hilang tanah itu.

"Saya faham kenapa Felda tidak berminat untuk meneruskan projek tersebut kerana sekiranya projek diteruskan, hakmilik akan bertukar kepada hakmilik strata dan keseluruhan bangunan dan lot-lot yang dijual itu akan berpindah milik kepada pembeli-pembeli yang mendapat hakmilik strata kelak.

"Hanya dengan tidak meneruskan projek pembangunan KLVC itu barulah Felda dapat mengekalkan tanah-tanah tersebut menjadi pegangan Felda."

"Malangnya tidak sampai sebulan dari kenyataan tegas tersebut, Tan Sri Shahril Samad telah buat pusingan-U demi menjual sandiwara tanah Felda diperolehi kembali," kata Rafizi.

Bagi beliau, Shahril hanya bersandiwara sahaja tentang penyerahan kembali geran tanah ini kepada Felda.

Beliau memetik laporan Utusan Malaysia bertarikh 15 Januari 2018 semasa Tan Sri Shahril Samad dijulang menjadi wira mendapatkan kembali tanah Felda, di dalam laporan bertajuk iFelda dapat kembali hak milik tanah di Jalan Semarak.

"Keputusan Felda untuk meneruskan projek pembangunan KLVC, yang kurang sebulan dari tarikh 15 Januari itu ditentang habis-habisan oleh Tan Sri Shahril Samad sendiri, merupakan sandiwara utama episod tanah Felda yang hilang ini," kata Rafizi.

Beliau memohon Shahril berdebat dengan beliau untuk

mendapatkan kepastian mengenai perkara-perkara ini:

i. Hakmilik tanah yang diperolehi oleh Felda yang diwar-warkan sejak minggu lepas sebenarnya tidak bermakna kerana dengan pembangunan KLVC yang diteruskan, hakmilik strata akan dikeluarkan kepada pembeli lot-lot bangunan dan ruang pejabat/kediaman. Merakalah pemilik sebenar hartanah itu kelak, bukannya lagi Felda

ii. Episod Felda mendapatkan kembali tanah adalah satu sandiwara kerana keadaan sekarang (walaupun Felda dilaporkan mendapat balik hakmilik ke atas plot tanah tersebut) tidak berbeza dengan keadaan sebelumnya; iaitu tanah-tanah tersebut telah diserahkan kepada pemaju swasta untuk dijual sebagai lot ruang pejabat/kediaman

Menurut Rafizi, beliau sudah mendapat beberapa dokumen yang akan ditunjukkan esok dan lusa untuk menguatkan lagi hujah beliau bahawa tanah Felda itu telah hilang selama-lamanya.

"Episod tanah Felda diperolehi kembali hanyalah sandiwara politik yang dimainkan oleh Tan Sri Shahril Samad," tegas Rafizi lagi.

Tolak Pas untuk tumbangkan BN, seru AMANAH Marang

AMANAH Marang menyeru pengundi supaya menolak Pas pada pilihan raya umum ke-14 (PRU14) akan datang bagi memastikan Umno-BN dapat ditumbangkan secara total.

"Kita tak mahu pada sebelah malam hari pilihan raya ke-14 nanti, kita dapat berita BN berjaya ditumbangkan.

"Kemudian esoknya pula, kita dapat berita BN kembali jadi kerajaan dengan sokongan sejumlah kerusi dari Pas," tulis Ketua AMANAH Marang, Miqdad Zakaria dalam Facebooknya.

Menurut beliau, hal ini bukan perkara mainan, rakyat telah menanti dan berjuang selama lima tahun selepas PRU13 untuk menumbangkan Umno-BN.

"Kita tak mahulah undi kita yang lima tahun sekali ini diletakkan dalam kotak undi Pas yang mungkin menjadi talian hayat Umno.

"Bacalah kenyataan pemimpin-pemimpin utama Pas kebelakangan ini, masing-masing kata jika Pas dapat 40 kerusi, Pas akan jadi penantu siapa yang jadi kerajaan sama ada Pakatan Harapan (PH) atau BN.

"Jadi Pas akan kerjasama dengan siapa kalau dia ada kerusi hasil undian kita?" tanya beliau.

Kata beliau lagi, jika Pas tidak mahu bekerjasama dengan PH disebabkan dalam PH ada AMANAH dan DAP, maka pastilah Pas hanya ada satu pihak sahaja lagi untuk bekerjasama iaitu BN.

"Dan jika itu berlaku, maka BN akan kekal jadi kerajaan selepas PRU14 dan kita terpaksa menunggu lagi lima tahun untuk undi sekali lagi.

"Pas kata mereka akan letakkan syarat itu dan ini kepada BN



Miqdad Zakaria

jika BN mahu jadi kerajaan nanti.

"Kita jangan lupa Umno pernah ajak Pas serta Parti Perikatan pada tahun 1969 selepas berlakunya darurat.

"Pas setuju serta Parti Perikatan yang kemudiannya diganti dengan nama BN dengan beberapa syarat, sama seperti sekarang.

"Kemudian Pas tidak dapat kelebihan-kelebihan yang telah dijanjikan oleh Umno sebelumnya, malah pada tahun 1978 Pas telah dipecat BN (meminjam perkataan Presiden PAS)," kata beliau lagi.

Kata beliau, jika Pas ingin diputuk dua kali dari lubang BN, biarkanlah mereka.

"Yang pasti, kita jangan bazirkan undi kita untuk sesuatu yang berkemungkinan akan jadi talian hayat kepada BN.

"Apatah lagi Presiden Pas pernah kata, biar BN perintah semua negeri pun tak apa, asalkan bagi PAS lima negeri.

"Jadi ingatlah nasib anak cucu kita, dengan ekonomi dan sara hidup yang semakin tinggi, peluang pekerjaan semakin berkurangan, kalau kita tak ubah sekarang, makin teruklah negara kita untuk kita wariskan kepada mereka," katanya.



'Jelajah Harapan' perkenal calon PM dan TPM

KUALA LUMPUR: Pakatan Harapan (PH) akan mengajurkan siri 'Jelajah Harapan' ke seluruh negara bagi memperkenalkan calon Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri PH kepada rakyat.

Jelajah yang akan disertai Tun Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail itu dijadual bermula di Kedah pada 28 Jan ini.

Presiden AMANAH Mohamad Sabu yang juga Pengerusi Jawatankuasa Mobilisasi dan Komunikasi PH berkata,

Jelajah Harapan ini juga sebagai sebahagian persiapan pilihan raya dan siri turun padang ke negeri-negeri sebelum pilihan raya umum ke-14 (PRU14) diadakan.

"Tun Mahathir dan Kak Wan (Azizah) sendiri akan bersama. Semua pimpinan utama PH yang lain juga akan bersama.

"Kita mahu memperkenalkan calon PM dan TPM kepada rakyat serta menjelaskan tawaran kita kepada mereka jika diberi mandat membentuk kerajaan selepas PRU14," katanya.

Pada konvensyen Pakatan Harapan

7 Jan lalu, Tun Mahathir diumumkan sebagai calon Perdana Menteri sementara Wan Azizah sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Selain itu, beberapa tawaran turut diumumkan selain peruntukan agihan kerusi kawasan parlimen kepada keempat-empat parti komponen yang telah selesai sepenuhnya.

Ia dilihat sebagai satu pencapaian besar dalam sejarah gabungan pembangkang yang sebelum ini tidak pernah berlaku sama ada ketika Pakatan Rakyat atau Barisan Alternatif mahu-

pun sebelum daripada itu.

Pengumuman itu, khususnya pemilihan Tun Mahathir dilihat telah mewujudkan gelombang sokongan baru kepada PH khususnya masyarakat Melayu luar bandar dan kawasan tanah rancangan Felda.

Sementara itu, pada siri Jelajah Harapan itu nanti juga, program bertemu masyarakat akan diatur pada sebelah siangnya melibatkan pimpinan PH peringkat nasional sementara acara kemuncak rapat umum akan diadakan pada sebelah malam.

Akui kegagalan 1MDB tidak memadai, kata Khalid Samad

KUALA LUMPUR: Pengarah Komunikasi AMANAH Khalid Samad berkata, pengakuan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak bahawa memang ada kegagalan dalam 1MDB tidak memadai.

Menurut Khalid, tindakan masih perlu diambil terhadap pihak bertanggungjawab dan yang mendapat manfaat daripada kesilapan itu.

"1MDB adalah satu pengkhianatan terhadap negara. Kekayaan negara dirompak dan rakyat terpaksa menanggung beban," kata Ahli Parlimen Shah Alam itu kepada FMT.

"Sekadar mengaku ada kelebihan dan kesilapan tidak memadai. Perlu diambil tindakan terhadap yang bertanggung jawab dan mereka yang mendapat manfaat dari kerja merompak kekayaan negara.

Najib baru-baru ini mengakui kegagalan 1MDB dan ada "sebab sah untuk bimbang" mengenai hal ehwal syarikat milik Kementerian Kewangan itu sehingga menyebabkan siasatan dijalankan di beberapa negara lain.

"Sekarang, saya tidak akan menafikan isu ini. Memang berlaku kegagalan dalam syarikat

itu, kelebihan tadbir urus," katanya kepada kira-kira 1,000 hadirin pada persidangan Invest Malaysia 2018, 23 Jan lalu.

Bagaimanapun Najib mendakwa isu 1MDB dieksplorasi secara politik dan ada 'kempen khas' untuk mensabotaj ekonomi Malaysia.

Katanya, kerajaan sedar terhadap kegagalan 1MDB dan itu sebabkan ia menjalankan siasatan membabitkan banyak pihak berkuasa.

"Tiada usaha sabotaj perlu dilakukan mana-mana pihak... dulu dinafikan masalah 1MDB sekarang tiba-tiba men-

gakunya. Jangan nak tudung jari kepada orang lain," sanggah Khalid.

Sementara itu, Ahli Parlimen Klang Charles Santiago mencadangkan Najib menubuhan sebuah badan bebas yang terdiri daripada pakar tempatan dan asing untuk menyiasat isu 1MDB.

Beliau berkata jika Najib betul-betul serius mahu membaiki kesilapan dalam pengurusan 1MDB, siasatan perlu dibuat sebelum pilihan raya umum.

"Najib perlu mengambil langkah-langkah yang serius

jika dia ikhlas bagi membentulkan kesilapannya itu," katanya.

Charles menambah, Najib juga perlu mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang bertanggungjawab terhadap kegagalan 1MDB.

1MDB ditubuhkan kerajaan untuk mempromosikan pembangunan ekonomi jangka masa panjang untuk manfaat rakyat.

Najib berkata 1MDB sudah merasionalisasikan asetnya dan dengan hasil kutipan itu mengambil pendekatan agresif mengurangkan hutang ke tahap yang paling rendah.

Mahathir diyakini bawa lonjakan pengundi Melayu

Oleh ARIF ATAN

MARANG: Pencalonan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri akan membantu meningkatkan sokongan pengundi Melayu kepada Pakatan Harapan (PH), kata Pengarah Komunikasi AMANAH Nasional, Khalid Samad.

Menurut beliau, pemilihan Tun Mahathir disepakati keempat-empat parti komponen PH selepas melalui beberapa siri

perbincangan dan kajian daripada pelbagai aspek.

"Yang penting, kita mahu dapatkan orang yang mampu melakukan tugas untuk mendapatkan undi khususnya daripada masyarakat Melayu untuk menewaskan Umno-BN."

"Dalam perbincangan, kita bersetuju tiada yang mampu mendatangkan lonjakan undi Melayu selain Tun Mahathir. Ini satu fakta."

"Apabila kita bincang dan

kita kaji pelbagai sudut, undi selama ini hasil kepimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim, kita Insya Allah akan kekal dan tambah dengan lonjakan yang dibawa Tun Mahathir. Kita yakin ianya membantu kita mencapai kemenangan," ujarnya pada sidang media sempena pelancaran Bilik Gerakan Utama PH Marang di Kampung Padang Lebam, dekat sini, 19 Jan lalu.

Mengulas cemuh Presiden

Umno, Datuk Seri Najib Razak terhadap pemilihan Tun Mahathir itu, Khalid berkata, rakyat secara umumnya semakin celik membuat penilaian.

"Bila dia (Najib) mengeji dan mencela Tun Mahathir, rakyat pun akan bertanya, dulu pun awak yang memuji dia."

"Bila dia (Najib) mengkritik, orang Umno yang veteran pun akan naik meluat. Lagi banyak dia cela, dia akan lagi membantu buka minda rakyat," ujarnya

dalam sidang media yang turut dihadiri Naib Presiden Keadilan Nurul Izzah Anwar dan Pengerusi PH Terengganu Datuk Raja Kamarul Bahrin.

Sementara itu, Raja Kamarul yang juga Ahli Parlimen Kuala Terengganu berpendapat rakyat kini menilai pemimpin berpanduan prestasi.

"Rakyat hari ini ingin menilai prestasi bukan sekadar jenama. Rakyat yang bijak akan membuat penilaian," ujarnya.

Mufti: Taubat paling baik buat Dr M ialah kembali jadi Perdana Menteri

GEOGETOWN: Taubat paling baik buat seorang ahli politik seperti Tun Dr Mahathir Mohamad ialah kembali membuktikan kesilapan yang dikaitkan dengannya.

Mufti Pulau Pinang Datuk Wan Salim Wan Mohd Noor, berkata orang Islam harus faham bahawa taubat bukan sahaja diucapkan melalui kata-kata seperti beris-

tighfar tetapi yang lebih utama dilakukan dengan perbuatan dan amalan.

"Jika seorang hamba Allah yang pernah menjadi pemimpin atau pemerintah dan banyak melakukan kezaliman dan kejahanan ketika memimpin rakyat jelata dan memerintah negara, maka taubat yang paling baik adalah dengan menegakkan

keadilan dan melakukan kebajikan jika dia berpeluang kembali berkuasa.

"Jadi jika Dr Mahathir ada berniat untuk bertaubat dengan cara yang demikian maka eloklah jika dia kembali memegang kuasa dan menjadi pemimpin negara sekali lagi," katanya kepada FMT.

Wan Salim mengulas ke-

nyataan penceramah kontroversi Zamian Mat Zin baru-baru ini, yang antara lain menyeri Tun Mahathir masuk sekolah pondok dan bertaubat atas dosa-dosanya semasa memerintah negara selama 22 tahun.

Dr Mahathir, 93, yang mempergerusikan Pakatan Harapan, adalah calon perdana menteri gabungan itu.

Salim berkata, orang Islam yang baik mestilah bertaubat daripada segala dosa dan kesalahan sementara kesempatan masih ada.

Oleh itu, sekiranya Tun Mahathir ingin kembali ke arena politik dengan hasrat untuk memperbetulkan kesilapan, maka tiada salahnya dari sudut pandangan Islam.

Minda Pengarang

Jentera PRU14 PH perlu digerakkan segera

Untuk selama puluhan tahun - masa yang sangat panjang - kawasan tanah rancangan Felda seluruh negara menjadi kubu kuat Umno/BN, atas sebab sejarahnya yang panjang.

Kini peneroka Felda sudah sampai ke generasi kedua, malah generasi ketiga dan seterusnya. Namun ia dilihat masih kekal sebagai kubu kuat Umno/BN, hingga kini, terutama kaum wanitanya yang dilihat kekal menjadi penyokong tegar Umno/BN dan sukar digugat.

Namun pada keseluruhan, atas kehendak suasana dan keadaan yang berubah, terutama tempias politik menjelang PRU14 ini, maka sudah jelas ada pelbagai tanda akan berlaku perubahan di kalangan warga Felda. Ini sesuatu yang sangat menarik.

Semakin ketara sokongan secara terbuka warga Felda kepada Pakatan Harapan menjelang PRU14 termasuk mereka berani muncul menghadiri siri ceramah anjuran gabungan pembangkang itu. Ini sesuatu yang sangat jarang berlaku dalam sejarah politik tanah air.

Seperti yang dilaporkan, Ahli Jawatankuasa AMANAH Nasional, Mazlan Aliman memberitahu, situasi positif itu menyaksikan golongan peneroka Felda semakin menyedari mengenai banyak hak mereka pada masa ini yang tidak dipedulikan pemerintahan Umno/BN.

Warga Felda itu semakin ketara menunjukkan sokongan kepada Pakatan Harapan.

Ini dibuktikan dengan sambutan terhadap ceramah Pakatan Harapan di Felda Ulu Tebrau Johor baru-baru ini. Beliau yang juga Presiden Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (Anak) mengulas, sambutan masyarakat setempat yang dilihatnya jauh lebih baik berbanding sebelum ini.

Sambutan yang amat baik telah dilihat, di mana sebelum ini, bukan mudah untuk menembusi kawasan Felda. Jika buat pun, peneroka tidak berani hadir.

Ketua AMANAH Parlimen Tebrau itu gembira apabila golongan muda juga hadir dalam siri Jelajah Selamatkan Felda itu yang turut ditaris pemimpin PKR dan PPBM.

Ramai generasi kedua dan ketiga Felda Ulu Tebrau termasuk yang bekerja di luar, dilihat sanggup balik semata-mata untuk menghadiri ceramah, yang tidak dilihat sebelum ni.

Selain Mazlan, pemimpin yang tuut berceramah. Datuk Mahfuz Omar; Naib Presiden PPBM, Datuk Abd Rashid Asari; Setiausaha Organizasi AMANAH Nasional, Suhaizan Kaiat dan Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Faiz Fadzil.

Turut serta Setiausaha Bersatu Johor, Datuk Osman Safian; Ketua Bahagian PPBM Tebrau, Mazlan Bujang dan Ketua Cabang Keadilan Tebrau, Steven Choong.

Menjelang PRU14, daftar pengundi baru menunjukkan ada kira-kira 570,000 pengundi terdiri daripada warga Felda di seluruh negara.

Pada PRU13 lalu BN tewas dua kerusi Parlimen Felda iaitu di Raub dan Dungun, masing-masing kepada DAP dan Pas. Kali ini Pakatan Harapan akan meletakkan calon Keadilan untuk bertanding di Parlimen Tebrau yang mengandungi Felda Ulu Tebrau.

Usaha Anak, pimpinan Mazlan Aliman ini sangat wajar diberikan sokongan penuh oleh semua komponen Pakatan Harapan, justeru peneroka Felda ini memiliki pelbagai cita rasa, kemauan dan aliran politik.

Gerakan membuat perubahan di kalangan peneroka Felda adalah kerja yang berat, sukar dan memerlukan kesabaran. Maka tidak mustahil keputusan PRU akan datang ini akan memperlihatkan perubahan persepsi di kalangan peneroka.

Dengan itu pengundi dari Felda bukan lagi boleh dianggap sebagai 'simpanan tetap' Umno/BN. Mudah-mudahan episod ini akan berlaku perubahan.

Akhirnya Najib akui IMDB bermasalah

Buat apa tanggung biawak hidup?

CUCU ATUK...

Anak muda, jangan rosakkan kuasa memilih

Alhamdulillah, selepas memberi kejutan minda kepada anak-anak muda dalam kalan-

gan para pengundi negara; saya mendapat banyak respon.

Saya kira saya perlu rumuskan lima perkara atau prinsip penting berikut:

1. Mensia-siakan kuasa memilih pemimpin dalam sistem demokrasi adalah sangat merugikan. Melaksanakan tanggungjawab mengundi adalah tanda kebertanggungjawaban kita.

2. Jikapun kita tidak berpuas hati dengan dasar mana-mana parti politik, sikap terpuji adalah dengan menegur, bertanya dan bersikap ambil tahu. Inilah tanda prihatin dan peduli seorang anak muda kepada negara.

3. Merosakkan kertas undi mungkin pilihan bagi anda, tetapi ia bermakna menyerahkan urusan penentuan pemimpin negara kepada 'nasib' sedang rakyat yang susah dan terbiar menanti-nanti pemilihan pemimpin yang berwibawa.

4. Dalam apa keadaan pun, anak muda Malaysia perlu membuat keputusan daripada opsyen-opsyen yang ada, paling tidak mereka lah yang menjadi opsyen ketiga.



**Pencerahan Mingguan
TANWEER USBU'II**

USTAZ HASANUDDIN MOHD YUNUS
Naib Presiden AMANAH

mensia-siakkannya dengan cara yang tidak menguntungkan negara.

Saya yakin anak muda Malaysia adalah agen perubahan yang sanggup terlibat dalam pembangunan semula negara ini dan tidak akan meninggalkan medan perjuangan ini.

Kami sentiasa bersedia untuk duduk bersama anda berbincang, memahami aspirasi Generasi Y dan Z, malahan berhujah dalam apa jua isu demi kepentingan masa hadapan anda, anak-anak kami juga.

Tahniah dan tahniah sekali lagi. Saya berbangga dengan ketegasan anda semua, wahai anak-anak muda yang saya sayangi.

Muafakat Pakatan Harapan



**Calon Perdana Menteri
TUN DR MAHATHIR MOHAMAD**

**Calon Timbalan Perdana Menteri
DATUK SERI DR WAN AZIZAH WAN ISMAIL**

Proses undang-undang untuk mendapatkan **PENGAMPUNAN DIRAJA** bagi membebaskan **DATUK SERI ANWAR IBRAHIM** akan dimulakan segera, selepas Pakatan Harapan mengambil alih pentadbiran negara, agar Datuk Seri Anwar Ibrahim dapat segera berperanan dalam Kerajaan Persekutuan dan kemudiannya diangkat sebagai **CALON PERDANA MENTERI KE-8**.



PENGAGIHAN KERUSI PARLIMEN SEMENANJUNG MALAYSIA:

- a. Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) – 52 KERUSI
- b. Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) – 51 KERUSI
- c. Parti Tindakan Demokratik Malaysia (DAP) – 35 KERUSI
- d. Parti Amanah Negara (AMANAH) – 27 KERUSI



PRU14: Pertandingan lebih dari 3 penjuru

SEMAKIN hampir PRU14, semakin jelas pelbagai tanda bahawa pertandingan calon kali ini bukan saja 2 atau 3 penjuru, bahkan sudah melebihi dari itu.

Selain calon Umno/BN, Pakatan Harapan akan meletakkan calonnya kesemua kawasan parlimen dan Dun seluruh negara.

Pas sendiri bersama rakan sehaluannya akan meletakkan, kemungkinan, hampir semua kawasan Parlimen dan Dun seluruh negara.

Kemudian pelbagai pihak, atas nama NGO masing-masing, pula sudah berhasrat untuk ikut serta dalam pertarungan sengit dalam apa yang dikatakan 'ibu segala pilihan raya'.

Memang PRU14 kali ini akan menjadi riuh rendah, sengit dan tajam dengan iklim politik yang membara.

Rakyat makin ghairah bercakap mengenai PRU14 ini di mana sebahagian besarnya sangat mengharapkan perubahan supaya keadaan ekonomi yang kini mencengkam kehidupan rakyat dapat



dipulihkan kembali jika Pakatan Harapan memenangi pilihan raya kali ini.

Maka itu rakyat di mana-mana sudah menunjukkan sokongan dan harapan tinggi kepada Pakatan Harapan yang dilihat mempunyai kemampuan untuk mendepani Umno/BN yang telah sekian lama

memerintah.

Oleh itu para calon dari Pakatan Harapan, baik peringkat Parlimen dan Dun perlulah bersiap sedia untuk menghadapi cabaran sengit ini.

Dengan itu, Pakatan Harapan perlu memilih calon yang benar-benar layak dan berpotensi untuk menang.

Dalam masa yang sama, para calon ini mestilah 'bersih' daripada pelbagai sudut, termasuk sudut ekonomi, kewibawaan dan lain-lain.

Rakyat mahu melihat calon terbaik dari Pakatan Harapan.

Sementara itu, diberitakan, rundingan pengagihan kerusi dari peringkat negeri sudah hampir selesai. Selangor masih lagi dalam pringkat rundingan dan diharapkan akan selesai segera.

Di sinilah kita mengingat kembali kenyataan Pengarah Komunikasi AMANAH, Khalid Samad, bahawa "tidak akan ada parti yang cuba mendominasi dalam Pakatan Harapan."

Semuanya 'equal' atau dalam kedudukan yang sama dalam Pakatan Harapan, betapapun besar, lama, berpengaruh dan sebagainya.

Sikap sama rata ini perlu ada dalam kalangan komponen Pakatan Harapan, Ketepikan sebarang bentuk siap yang tidak sihat, Justeru matlamat Pakatan Harapan ialah untuk mengalahkan Umno/BN dalam PRU14 ini.

Inilah matlamat utama Pakatan Harapan. Supaya jika ia menang dan berkuasa selepas PRU14 ini, ia akan memulihkan ekonomi Malaysia, mengembalikan semula demokrasi dan kedaulatan rakyat.

Dari segi ekonomi, memang rakyat – di bandar dan luar bandar – merasa sangat tertekan dengan harga barang terus meningkat. Kesah rakyat sudah lama disarakan, tetapi tidak ada sebarang perubahan. Dengan cukai GST yang mencengkam, harga minyak yang terus naik, nilai ringgit yang terus rendah, pengangguran yang terus bertambah semunya sangat melemaskan rakyat.

Oleh itu, pertandingan lebih dari tiga penjuru dalam PRU14 ini, menunjukkan keghairan sesetengah pihak untuk 'mencuba nasib'.

Tetapi ia bukan jawapan sebenarnya keluh kesah rakyat berdepan dengan masalah yang ada.

Oleh itu, di sinilah rakyat melihat dengan penuh harapan akan kemampuan Pakatan Harapan untuk menamatkan semua kemelut yang dihadapi negara sekarang ini jika memenangi PRU14.

Adapun ramainya calon yang akan bertanding, maka itu hanya 'riuh rendah pilihanraya'. Tidak mengapa, inilah demokrasi.



Bebas dari cengkaman 60 tahun Umno

Oleh TOMMY THOMAS

Semasai parti campuran Perikatan di bawah perdana menteri Tunku Abdul Rahman mengambil alih kuasa sebagai kerajaan pertama kita pada 31 Ogos, 1957 Eisenhower merupakan presiden Amerika Syarikat (AS), Khruschev dan Mao Tze Tung pemimpin tertinggi Kesatuan Soviet dan China, MacMillan perdana menteri United Kingdom, Nehru di India dan Sukarno pula presiden Indonesia.

Dalam dasawarsa yang berikutnya, presiden AS dan perdana menteri United Kingdom bertukar di antara dua parti politik utama mereka. Parti Kongres Nehru kehilangan kuasa di peti undi pada 1977. Sukarno digulingkan melalui rampasan kuasa yang ditaja tentera pada 1965.

Kesatuan Soviet runtuhan pada 1991. Satu-satunya parti politik di antara negara yang dipilih secara rawak ini yang masih memegang tampuk kuasa adalah Parti Komunis China oleh Mao.

Namun di Malaysia, 13 pilihan raya umum (PRU) dan 60 tahun kemudiannya, parti campuran berkennaan, yang dikenali sejak 1974 sebagai Barisan, masih kekal memegang kuasa. Gabungan diketuai Umno adalah perkumpulan politik paling lama bertahan di dunia, memerintah secara berterusan dan tanpa henti selama 60 tahun.

Berikutnya itu kesemua permasalahan yang melanda negara ini, sama ada dari

segi politik, ekonomi, sosial maupun sebaliknya adalah akibat cengkaman Umno ke atas negara ini.

Mereka dipersalahkan atas polarisasi perkauman dan agama, endemik rasuah, pemusatan kuasa di tangan perdana menteri, ketiadaan institusi bebas dan saksama yang diharapkan berperanan sebagai semak dan imbang ke atas kuasa dan pengaruh pihak eksekutif, peningkatan pengaruh Putrajaya yang menjelaskan 14 negeri dan lain-lain lagi.

Dalam minggu yang mendatang, saya akan memerihalkan secara terperinci bagaimana sebuah parti yang memerintah selama setengah abad ini amat memudaratkan kebajikan kita.

Bayangkan jika parti Konservatif memerintah United Kingdom sejak 1957 ataupun jika 11 presiden selepas Eisenhower datang dari parti Republikan. Senario tersebut tidak terbayang oleh sesiapa pun. Jadi mengapa perlu ia diterima oleh kita.

Justeru, sebab paling utama bagi perubahan kerajaan dalam PRU14 yang akan datang ini adalah agar rakyat Malaysia akhirnya dibebaskan daripada cengkaman Umno. Tempoh 60 tahun pastinya sudah lebih daripada memadai bagi mana-mana gabungan politik untuk memerintah mana-mana negara. Cukup-cukuplah.

Meskipun Perikatan mempunyai tiga parti komponen dan Barisan Nasional (BN) ada 14, umumnya tampuk kuasa sentiasa berada di tangan Umno, dengan presiden-

nya secara automatik menjadi perdana menteri.

Dasar utama dibuat dan keputusan diambil oleh Umno, kadang-kadang bahkan di mesyuarat Majlis Tertingginya. Setiap daripada 13 parti komponen tahu kedudukan mereka lebih rendah dalam tatatingkat BN. Hakikat politiknya adalah selama 60 tahun Umno menguasai ruang umum di Malaysia.

Untuk parti yang ditubuhkan sejak 1946, Umno cuma ada tujuh presiden sepanjang 71 tahun sejarahnya. Empat presidennya meninggalkan parti selepas meletakkan jawatan. Onn Jaafar, Tunku, Hussein Onn dan Dr Mahathir Mohamad bukan sekadar meninggalkan Umno bahkan menyertai parti yang menentang Umno.

Ia seolah-olah mereka hanya menyedari sifat sebenar Umno selepas meletakkan jawatan. Tun Razak meninggal dunia sebagai presiden Umno. Satu-satunya bekas presiden yang masih kekal menyokong Umno selepas pengunduran ialah Abdulrahman Badawi.

Oleh itu, PRU14 tahun ini mestilah dianggap oleh pengundi sebagai referendum atas pemerintahan Umno yang berterusan dan tidak pernah putus sejak merdeka.

Bagaimana mereka menguruskan kewangan awam; mentadbir sekolah dan hospital; menguruskan jualan asset negara seperti kemudahan awam, jalan dan landasan kereta api kepada sektor swasta

dalam urus niaga berat sebelah yang tidak memihak kepada kepentingan umum; ruang untuk pihak minoriti, pengkritik dan penentang dinafikan.

Mereka sepaututnya dinilai berdasarkan tadbir urus politik dan ekonomi negara mereka. Bagaimanakah prestasi mereka? Bagaimana pula dengan nepotisme, kronisme, naungan dan ketirisan.

Dilihat dari sudut pandangan itu, tumpuan sepaututnya ditujukan ke atas tadbir urus oleh Umno selama enam dasawarsa, daripada mempertimbangkan pihak pembangkang, dan sama ada Pakatan Harapan (PH) akan dapat memerintah sebagai sebuah kerajaan persekutuan.

Setakat ini, tiada parti ataupun gabungan pembangkang yang pernah diamankan dengan tadbir urus negara, maka mereka tidak mempunyai rekod prestasi untuk dipertahankan.

Memerintah negeri bukanlah suatu perbandingan sebenar kerana selain itu kerajaan tempatan, negeri mempunyai kuasa dan pengaruh kecil ke atas perkara yang mempunyai kesan kepada kehidupan sehari-hari.

Sekiranya prestasi kerajaan negeri Pulau Pinang dan Selangor harus dinilai sekali-pun sejak 2008, secara objektifnya, mereka melaksanakannya dengan baik, dan boleh dipercayai untuk memerintah di peringkat persekutuan.

Undi pembangkang melonjak bila muafakat

oleh ARIF ATAN

TAPAH: Presiden AMANAH Mohamad Sabu berkata, siri pilihan raya lalu menyaksikan undi diperoleh blok parti pembangkang lazimnya akan meningkat apabila wujud kesepakatan.

Beliau berkata, bertanding secara bersendirian atau bergantung pada undi sesuatu kaum sahaja tidak menjamin kemenangan lantaran komposisi masyarakat majmuk di negara ini.

"Kalau PPBM, AMANAH, Keadilan bertanding bersendirian, mesti tidak akan menang. DAP bolehlah menang beberapa tempat tapi tidak boleh ambil negeri dan negara."

"Bila kita ada saja muafakat selalunya undi melonjak. Pas dapat Kelantan balik pada 1990 selepas bermuafakat dengan Semangat 46 yang dipimpin Tengku Razaleigh."

"Kami waktu Pas ketika itu bersama Keadilan bekerjasama (PRU 1999) dapat dua negeri balik ūn Kelantan dan Terengganu," ujarnya ketika berceramah di Tapah, 18 Jan lalu.

Bekas Timbalan Presiden Pas itu berkata, pengalaman pilihan raya lepas juga menjadi bukti pentingnya sokongan kedua-dua segmen pengundi Melayu dan bukan Melayu kepada kemenangan pihak pembangkang.

"Tahun 1998 berlaku reformasi. Sepatutnya, kita masa itu (PRU 1999) sudah boleh menang. Pembangkang sudah ambil alih Malaysia sebab Melayu sudah sokong pembangkang

besar-besaran tetapi kaum Cina tidak sokong.

"Orang Tionghoa secara majoriti masih mengundi BN. Naik Pak Lah ūn Mr Clean. Waktu itulah kami teruk sekali, Keadilan tinggal 1 kerusi, Pas tinggal 6, DAP tak silap saya 9."

"Sekarang Cina semua menyumpah sebab mereka berniaga teruk. Tanyalah siapa pun. Pertimbangan mereka pada ekonomi," jelasnya.

Untuk rekod, keputusan PRU 1999 menyaksikan Pas meraih lonjakan kemenangan memberangsangkan apabila menguat 27 kerusi Parlimen manakala Keadilan (5) dan DAP (10).

Walau bagaimanapun pada PRU 2004, Barisan Alternatif yang hanya dianggotai Pas dan Keadilan masing-masing menang tujuh dan satu kerusi sahaja manakala DAP mendapat 12 kerusi Parlimen.

Mengimbang pola keputusan PRU, Mohamad yang berpengalaman selama empat dekad dalam politik tanah air berkata, keputusan pada 2008 seterusnya membuktikan hasil muafakat antara parti pembangkang.

"Tuntutan Bersih, Hindraf dan sebagainya dan buat pertama kali dalam sejarah parti-parti politik (pembangkang) dapat bergabung disokong oleh NGO (badan bukan kerajaan), kita menang lima negeri."

"Ertinya, nak jatuhkan kerajaan Umno-BN, pembangkang mesti bergabung. Yang nak duduk sorang-sorang, biarkan. 40 tahun saya sebagai pembangkang. Ceramah Pas ramai

datang tapi pilihan raya kalah.

"Pasal kita hanya bergantung undi pada satu kaum. Maka, tahun 2008 mengajar kita kalau ada perpaduan antara pembangkang dan NGO, kita boleh menang. Sebab itu kita menang lima negeri dan menafikan dua per tiga majoriti BN," ujarnya.

Bagaimanapun Mohamad berkata, keputusan PRU-13 menyaksikan sentimen perkauman yang dimainkan BN menjelaskan sokongan pengundi Melayu kepada blok pembangkang.

"Memang PRU 2013 kita menang, anggap kita boleh ambil alih tapi Umno ada 'senjata'. Umno kata DAP kuasai Pakatan Rakyat. Kalau BN jatuh, Cina akan jadi perdana menteri."

"Kempen-kempen begitu tahun 2013 memang undi Melayu merosot sedikit kepada Pakatan Rakyat menyebabkan kita hilang (undi) di kawasan orang Melayu seperti Kedah. Kita kalah Baling, Pendang, Padang Terap, Jerlun, di antaranya kesan kempen perkauman ini."

"Kita hadapi PRU-13, kita menang 52 peratus undi popular, BN kalah tetapi undi tidak seimbang. Cina paling tinggi, India kedua, orang Melayu tidak lagi majoriti mengundi pembangkang."

"Ini menyebabkan kemenangan kita berkisar di sebelah Pantai Barat. Kita hilang Kedah, Perak. Hanya dapat pertahan negeri majmuk di Pulau Pinang dan Selangor selain Kelantan yang memang lama kuat dengan Pas," jelasnya lagi.

Tunjukkan pemegang sebenar hak milik tanah Felda

KUALA LUMPUR: Pengumuman Pengerusi Felda bahawa tanah milik agensi itu di Jalan Semarak, dekat sini, telah dikembalikan tidak meredakan persoalan siapakah pemegang sebenar hak milik tanah kontroversi itu.

Ahli Parlimen Segambut Lim Lip Eng ingin tahu sama ada geran tanah tersebut masih didaftarkan di bawah nama Synergy Promenade Sdn Bhd (SPSB) ataupun Felda dan meminta Tan Sri Shahrir Abdul Samad menunjukkan geran hak milik itu kepada umum.

"Tan Sri Shahrir dilaporkan berkata bahawa skandal tanah Felda di Jalan Semarak, Kuala Lumpur bernalai RM270 juta yang dipindah milik kepada Synergy Promenade Sdn Bhd (SPSB) tanpa satu sen bayaran pun pada tahun 2015 telah diselesaikan, dengan Felda mendapatkan semula hak milik tanah tersebut tanpa sebarang kos.

"Penyelesaian secara 'reset' yang penuh misteri ini menimbulkan lebih banyak persoalan berbanding jawapan ke atas skandal jual beli tanah paling sarat penipuan sepanjang sejarah Malaysia," kata peguam itu.

Menurut Lim, sebarang jual beli harta sepasutnya melibatkan duti setem dan SPSB dianggar perlu membayar sejumlah RM8 juta duti setem bagi mendapatkan hak milik tanah terbabit.

"Itu pun kalau ia dilakukan dengan satu perjanjian jual beli, dan nilaiannya RM270 juta dan bukan RM1 bilion seperti yang didakwa para pengkritik."

"Jadi soalannya, berapakah jumlah duti setem yang telah dibayar SPSB, dan adakah pihak berwajib telah mengembalikan amaun terlibat kepada SPSB, atau adakah SPSB telah dibayar oleh Felda setelah hakmilik tanah itu dikembalikan?" soal beliau.

Lim juga ingin tahu sama ada dalam proses mendapatkan semula tanah terbabit, Felda bebas dari bebanan (free of all encumbrances) atau adakah tanah terbabit telah dicagarkan kepada mana-mana bank untuk sebarang pinjaman.

Umum Mahathir calon PM redakan kempen rasis Umno

TAPAH: Keputusan Pakatan Harapan mencalonkan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai perdana menteri melenyapkan tuduhan Umno yang menggembur-gemburkan kononnya Lim Kit Siang dan DAP yang akan menguasai negara jika BN kalah pilihan raya.

Presiden AMANAH Mohamad Sabu berkata, pengumuman pada Konvensyen Pakatan Harapan (PH) di Shah Alam, 7 Januari lalu penting bagi berdepan dengan politik persepsi rekaan Umno yang selama ini menakutkan sebahagian besar pengundi Melayu untuk melakukan perubahan kerajaan.

"Selepas berbincang dan berbincang, maka kita bersetuju kalau PH menang dan ambil alih Malaysia, perdana menteri kita ialah Tun Mahathir, timbalannya adalah Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail



Mohamad, Tun Mahathir dan para pemimpin utama PH di Konvensyen PH, 7 Jan lalu.

dan kita umum terus PM kelapan, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Pengumuman itu cukup penting kerana Umno berkempen sebelum ini, Shahrizat (Ketua Wanita Umno) dengan suara kuat, terik tangis kata pilihan raya akan datang, sama ada nak pilih Najib atau Lim Kit Siang."

"Mereka letakkan kalau Umno

alah, Kit Siang jadi perdana menteri. Jangan main-main. Politik bukan statistik. Politik adalah persepsi," tegasnya dalam Ceramah Pakatan, dekat sini, 18 Jan lalu.

Mohamad yang sudah 40 tahun bergiat dalam politik berkata, tanggapan negatif mengaitkan Melayu akan kehilangan kuasa politik jika BN kecundang wujud dalam

semua lapisan sosial masyarakat Melayu.

"Persepsi inilah yang ditanam begitu lama menyebabkan orang Melayu dan pegawai kerajaan tidak berani buat perubahan."

"Bukan setakat orang kampung, para profesor, intelektual Melayu pun ada berfikiran begitu kalau BN kalah, Lim Kit Siang jadi perdana menteri."

"Mereka yang mula-mula cipta cerita, akhirnya mereka sendiri percaya. Mereka tahu Najib menyelweng tapi kalau Umno jatuh, Cina perintah Malaysia, apa nak jadi pada Melayu," jelas beliau.

Kempen persepsi ini, ujar beliau berlegar di kursus-kursus anjuran Biro Tata Negara (BTN) namun dengan pengumuman Tun Mahathir sebagai bakal perdana menteri, ia reda dengan sendiri.

Sehubungan itu, Mohamad

yang juga Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi dan Mobilisasi PH berkata, pada masa ini segenap lapisan rakyat yakin Umno-BN perlu diganti dengan PH bagi menyelamatkan negara.

"Pembangkang sebelum ini tidak pernah boleh namakan calon perdana menteri. Tahun 2013 dulu, ada tiga calon perdana menteri ūn Haji Hadi, Ku Li dan Anwar Ibrahim. Keliru tak rakyat?

"Sekarang sudah tidak keliru. Inilah penyelesaian yang kita buat. Manifesto pun sudah siap. Maka mula timbul keyakinan rakyat."

"Mana-mana saya pergi ūn kedai gunting rambut, lapangan terbang, restoran ūn orang ramai sudah mula ucap tahniah. Nak lintas sempadan melawat sebelah Thailand, polis nampak saya, suruh saya turun sebab nak 'selfie'. Keyakinan sudah timbul," katanya yakin.



ALFAJR TRAVEL & TOURS SDN BHD

(768307-X)(KPL/LN 5056)

**20 PAX
JEMAAH
1 FREE**
*Tertakluk Terma
& Syarat

UMRAH
MUSIM
BIASA**HARGA PROMOSI RM4,900 (11h/09m)**CUTI
SEKOLAH**HARGA DARI RM5,690 (11h/09m)**

4@5 orang sebilik

www.alfajrtraveltours.com

AKADEMI MUTAWWIF ALFAJR

SIRI KE-22
(17-18 MAC 2018)INSTITUT
LATIHAN PEGAWAI
AWAM, IPOH, PERAKSILA HUBUNGI :
EN.FAIZUL (+6012-568 1150)Nesma Airlines
نسماء للطيرانPENERBANGAN UMRAH
DARI KUALA
LUMPUR TERUS KE
MADINAH/MEKAH

HARGA TIKET NESMA DARI

LOW SEASON
RM2,750
(KUL/JED/JED/KUL)PEAK SEASON
RM2,850
(KUL/JED/JED/KUL)

DISEMBER (12h/09m)(11h/09m)

| TARIKH | SEKTOR | HARGA |
|--------|-----------------|-------|
| 02 DIS | KUL/JED/JED/KUL | 5,690 |
| 04 DIS | KUL/JED/JED/KUL | 5,590 |
| 07 DIS | KUL/JED/JED/KUL | 5,690 |
| 09 DIS | KUL/JED/JED/KUL | 5,590 |
| 13 DIS | KUL/JED/JED/KUL | 5,590 |
| 14 DIS | KUL/JED/JED/KUL | 5,690 |
| 18 DIS | KUL/JED/JED/KUL | 5,590 |
| 19 DIS | KUL/JED/JED/KUL | 5,590 |
| 23 DIS | KUL/JED/JED/KUL | 5,690 |
| 25 DIS | KUL/JED/JED/KUL | 5,590 |
| 28 DIS | KUL/JED/JED/KUL | 5,690 |
| 29 DIS | KUL/JED/JED/KUL | 5,690 |

JANUARI (12h/09m)(11h/09m)

| TARIKH | SEKTOR | HARGA |
|--------|-----------------|-------|
| 03 JAN | KUL/MED/JED/KUL | 4,990 |
| 04 JAN | KUL/JED/MED/KUL | 4,990 |
| 08 JAN | KUL/JED/MED/KUL | 4,890 |
| 13 JAN | KUL/MED/JED/KUL | 5,090 |

FEBRUARI (12h/09m)(11h/09m)

| TARIKH | SEKTOR | HARGA |
|--------|-----------------|-------|
| 03 FEB | KUL/JED/MED/KUL | 4,990 |
| 05 FEB | KUL/JED/MED/KUL | 4,890 |
| 08 FEB | KUL/MED/JED/KUL | 5,090 |
| 14 FEB | KUL/MED/JED/KUL | 4,990 |
| 15 FEB | KUL/JED/MED/KUL | 4,990 |
| 19 FEB | KUL/MED/JED/KUL | 4,990 |
| 26 FEB | KUL/JED/MED/KUL | 4,890 |

MAC (12h/09m)(11h/09m)

| TARIKH | SEKTOR | HARGA |
|--------|-----------------|-------|
| 01 MAC | KUL/MED/JED/KUL | 5,090 |
| 08 MAC | KUL/JED/MED/KUL | 4,990 |
| 12 MAC | KUL/MED/JED/KUL | 4,990 |
| 19 MAC | KUL/JED/MED/KUL | 5,690 |

22 MAC KUL/MED/JED/KUL 5,090
29 MAC KUL/JED/MED/KUL 4,990

APRIL (12h/09m)(11h/09m)

| TARIKH | SEKTOR | HARGA |
|--------|-----------------|-------|
| 02 APR | KUL/MED/JED/KUL | 4,990 |
| 09 APR | KUL/JED/MED/KUL | 4,890 |
| 12 APR | KUL/MED/JED/KUL | 5,090 |
| 19 APR | KUL/JED/MED/KUL | 4,990 |
| 23 APR | KUL/MED/JED/KUL | 4,990 |
| 30 APR | KUL/JED/MED/KUL | 4,890 |

MEI (12h/09m)(11h/09m)

| TARIKH | SEKTOR | HARGA |
|--------|-----------------|-------|
| 03 MEI | KUL/MED/JED/KUL | 5,090 |
| 10 MEI | KUL/JED/MED/KUL | 4,990 |
| 14 MEI | KUL/MED/JED/KUL | 5,990 |
| 21 MEI | KUL/JED/MED/KUL | 6,390 |
| 24 MEI | KUL/JED/JED/KUL | 5,290 |

TEL : 03-6127 7790 016-332 4452 / 53

FAX : 03-6127 7795 EMAIL : alfajr_travelsb@yahoo.com.my

ALAMAT : C-1-08, 162 RESIDENCY, KM12, JLN IPOH-RAWANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR



WAKIL UMRAH DIkehendaki!!!

KEDAH

UST FITRI /
HJ AZIZAN
04-480709
011-4066 0800 /
013-741 0321MELAKA HJ RAZAK OMAR
012-310 8464SELANGOR HJ NORSHAM
011-3231 4248PERAK EN FAIZUL
012-568 1150KELANTAN CIKGU NASIR
013-906 5903PAHANG HJ YUSOF
016-987 5115PPINANG UST LATIF
019-510 0255NEGERI SEMBILAN HJ RAZAK AMIT
017-327 2205JOHOR HJ KAMAR
019-776 3300SABAH HJ AWANG ADI
013-559 8889SERAWAK HJ IBRAHIM
013-823 5841

SELANGOR

BATU CAVES HJ NOORDIN
AMPANG MOHD ROZAIRIZAL
AMPANG HJ CONNIE
AMPANG HJ ROSNANI
GOMBAK USTAZ ZULFEKAR
KLANG HAJAH FARILAH
GOMBAK HJ AZMAN AGUSTINE
BATANG KALI USTAZ ANAS
SHAH ALAM HJ FAUZAN KISUT
KLANG HJ MUSTAFAR
BANDAR SERI PUTRA PN SUZANA
BANGI HJ MOHD JAJOJI
SHAH ALAM HJ HASSAN
HULU KELANG HJ ROZALI
SUNGAI BULOH USTAZ SAIFUL
BANGI HJ NORIBAH
HULU SELANGOR NORAISSAH
SERENDAH RADZIAH MD ISA

PAHANG

BENTONG HJ ROHANI
JENGKA HJ RABIAH
KUANTAN HJ MARZIANI
PEKAN HJ YUSUF AWANG
TEMERLOH HJ JOHARI
KUANTAN HJ NORMAH
BENTONG HJ ABD MANAN
RAUB NAIM ASHAARI
FELDA BUKIT GOH HJ SHARIFAH

SARAWAK

SG.LADA, SG MIRI ASLI

Wakil Daerah

SABAH SABAH HAJI RAMLI
BANDAR TAWAU HAJAH HASNAH
KALABAKAN USTAZ RAMAN LEE
WP LABUAN EN ZULKIFI
KINABATANGAN MOHD JEFRI
KUNAI ENCIK KASMAN
TAWAU MUHAMMAD TAUFIQURRAHMAN
SANDAKAN ENCIK SAHAR
KUNDAT ARRAHMIN BIN LAJAKAYA
SEMPORNA HAJI AHMAD ABDULLAH
ZAN BELURAN AWANG DAMIT
TUARAN & KB MIASIN BIN MION
BALONG HJH ROSNAH

PERAK

K. LUMPUR BOTA HJ AZIZAH
TAIPING HJ ABDUL RAHIM
IPOH MOHD ANI
MANJUNG ABDUL RAHIM CHE AWANG
BAGAN SERAI MUAWANIR MAHMUD
BAGAN DATO HAJI HAMZAH

Wakil Daerah

WAKIL DAERAH HJ. MASTURA
ALOR GAJAH M.NAZEERY
JASIN PN ROHANI HARUN

Wakil Daerah

KELANTAN KOTA BHARU USTAZ OSMAN
PENGKALANG CHEPA AHMAD TARMIZI
BACHOK CIKGU NURI
NILAM PURI USTAZ MUHAMAD ZULKIFLI
TANAH MERAH AMINUDDIN AB HAMID
PASIR MAS HAJI ALIAS

Wakil Daerah

N. SEMBILAN BAHU UST ZUBIR
NILAI YAHYA OTMAN
GEMAS RIZAL KEMIS
TELOK KEMANG ABD RAHMAN
RASAH AZMAL
SEREMBAN UBAIDAH JELEBU HJ MAZIN

Wakil Daerah

PERLIS KANGAR MOHD SOLEHIN
KEDAH KEDAH HJ. HALIM

Wakil Daerah

BUKIT KAYU HITAM ABD AZIZ
JOHOR AIR HITAM/UTHM HJ. BAHARUDDIN
PARIT RAJA HJ. YAHYA
BATU PAHAT HJ. SULAIMAN
SRI GADING HJ. ABD. JAMIL

Wakil Daerah

YONG Peng HJ. A. RAZAK
P. ABD. RAMDHAN HJ. A. RAHIM
SRI MEDAN HJ. RAMLI

Wakil Daerah

SIMPANG LIMA/SEMERAH EN. MASUD
PONTIAN EN. KHAIRUL FAUZI
TMN. BROLEH PN. HAMIMAH
RENGIT TKG. PECAH HJ. ARFAH
JOHOR BAHRU HJ. ROSLAN
SRI GADING HJ. ZAHARAH
SKUDAI EN. ABD. JAMIL
NUSAJAYA HJ. RUHAIZAT
SENAI EN. ZAINUDIN
INDAHPURA EN. AHMAD SAHRIL
PASIR GUDANG EN. AMBOK SULOH
KULAI/PASIR RAJA PN. PAZIDAH
KOTA TINGGI HJ. SAHRONI
PT.SAUH/TKG. PECAH EN. KASRIM
PARTI RAJA EN. MAIROP
KULAI/ULU TIRAM PN. ROPINAH
SIMPANG RENGGAM AZREEN
KLJUAN HJ. SHAMSUDIN
BANDAR TENGGARA MOHD ARIEFF
MUAR HJ. WAGIMAN
KOTA MASAI HJ. ABD. HALIM
SIMPANG RENGGAM ABD. WAHAB MAH
ULU TIRAM HJ. MARJON
MAJIDEE HJ. SUKARTINI
PLENTONG MUHAMMED ALI
BANDAR BARU UDA PN. SITI MUTIAH
SETIA INDAH HASNIZAN
PASIR RAJA EN. SULAIMAN
TAMAN RINTING USTAZ TUHIDIN
TAMAN BUKIT DAHLIA EN. DAUD
PARTI RAJA MOHD ZAINOL
PASIR GUDANG EN. MD. PAULI
TAMAN PUTERI USTZH NORYAMAHAINI
KOTA MASAI UST MOHAMAD ANAS

739 8477

12-722 8004

013-956 2524

17-752 2803

12-268 9029

019-700 0440

13-777 7044

019-779 9767

019-661 3058

012-798 4778

18-577 8898

019-776 3345

13-749 4432

019-720 2454

013-750 1889

017-712 3556

PNB, KWSP beli harta RM9 billion, 1000 kali ganda harga asal

Oleh ARIF ATAN

Kerajaan Umno-BN didedak bersikap jujur dan mendedahkan secara telus perjanjian pembelian projek Fasa 2 pembangunan semula stesen Janakuasa Battersea di London yang mencecah kos sebanyak RM8.7 billion (1.6 billion pound).

Ini kerana mula timbul dakwaan projek ini digunakan untuk membiayai perbelanjaan Umno menghadapi pilihan raya umum ke 14.

Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Faiz Fadzil berkata, pendedahan itu perlu bagi memastikan tiada wang rakyat yang tiris serta pembelian daripada SP Setia Bhd dan Sime Darby Property itu benar-benar mendatangkan keuntungan tinggi kepada rakyat.

Menurutnya, kewajaran Perbadanan Nasional Berhad (PNB) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) terlibat dalam urus niaga harta paling mahal di Britain itu dipersoal kerana berisiko kepada rakyat Malaysia yang menjadi penyumbang kewangan utama kedua-dua entiti itu.

"Pembelian ini adalah transaksi harta terbesar dalam sejarah United Kingdom di mana kosnya dikhawatir



Stesen janakuasa Battersea merupakan bangunan ikonik di London dan menjadi lokasi penggambaran beberapa filem terkenal.

boleh meningkat berlipat kali ganda daripada nilai asal menjadikan ianya sangat berisiko terutamanya kepada rakyat Malaysia," tegasnya dalam satu kenyataan hari ini.

Difahamkan, PNB dan KWSP akan membentuk sebuah syarikat usaha sama yang akan membeli asset itu dengan membayar lebih 1,000 kali ganda berbanding harga yang dibeli oleh

pembeli asalnya seorang pengusaha taman tema, John Groom.

Groom membeli bangunan itu empat tahun selepas stesen janakuasa tersebut menamatkan operasinya pada

1987.

Pembangunan semula Stesen Janakuasa Battersea dengan pemilikan langsung KWSP sebanyak 20 peratus telah bermula pada 2012 dengan keseluruhan projek merangkumi Fasa 1 hingga Fasa 7.

PNB pula adalah pemegang saham majoriti dalam SP Setia dan Sime Darby Property yang mempunyai pemilikan bersama sebanyak 80 peratus saham dalam pembangunan Stesen Janakuasa Battersea tersebut.

Sehubungan itu, Faiz yang juga Naib Ketua Pemuda Pakatan Harapan turut mempersoal kemungkinan pembelian stesen janakuasa tersebut bertujuan untuk menyelamatkan (*bail out*) projek berkenaan.

Bahkan, ijarnya, wujudkah kemungkinan kerajaan menggunakan dana awam untuk mendapatkan dana pilihan raya BN pada PRU-14 ini memandangkan bayaran yang dibuat mencecah empat kali ganda daripada pembelian asal oleh SP Setia dan Sime Darby.

"Adakah pembelian Battersea Power Station oleh PNB dan KWSP sebanyak RM8.7 billion untuk dana PRU (pilihan raya umum) BN?" soalnya lagi.

Komunis China dijangka dapat keretapi laju KL-Singapura

PKR mendakwa, negara komunis China akan menguasai projek Kereta Api Berkela-juan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura (HSR) yang dilapor bakal memulakan operasi pada 2026.


Menurut Ketua Cabang PKR Tebrau, Steven Choong Shiah Yoon, maklumat itu diketahuinya daripada seorang pengarah sebuah syarikat kejuruteraan yang terlibat dengan projek Kompleks Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) di Pengerang.

"Dia sudah beritahu saya itu 'high-speed rail' dari Singapura ke Kuala Lumpur pasti komunis China ambil. 100 peratus pasti kerana Perdana Menteri Najib perlukan dana."

"Pasti kontrak diberi kepada komunis China," ulangnya lagi dalam siri Jelajah Selamatkan Felda di Ulu Tebrau baru-baru ini.

Projek HSR sepanjang 350 km yang mempunyai lapan stesen disahkan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Johari Abdul Ghani akan menelan belanja kira-kira RM50 hingga RM60 bilion.

Selain China, pembida lain projek infrastruktur terbesar di Asia Tenggara



Projek keretapi laju KL-Singapura juga bakal diserahkan kepada syarikat negara China komunis, dakwa PKR.

itu dilapor mungkin termasuk dari Jepun, Korea Selatan dan Perancis.

Sementara itu di Singapura, enam syarikat republik itu antaranya Clifford Capital Pte. Ltd. dan DBS, Sembcorp Design & Construction dikumpulkan bersama oleh International Enterprise (IE) Singapore bagi menyertai bersama

dalam projek HSR bermula dengan projek HSR Kuala Lumpur-Singapura (HSR KL-SG).

Sebelum ini, komunis China juga menguasai banyak projek-projek besar di negara ini termasuk Forest City di Johor, milik kawasan perindustrian yang dililitupi tembok besar di Pahang

iaitu Malaysia China Industry Park (MCIP) dan banyak projek besar lagi.

Mengulas lanjut, Steven berkata, pentadbiran kerajaan di bawah Najib telah membuat terlalu banyak pinjaman sehingga dibimbangi akan membebankan generasi akan datang.

"Kerajaan kita sudah lebih 10 tahun alami bajet defisit. Maksudnya sumber dana tidak mencukupi untuk membiayai perbelanjaan kita."

"Jadi, kalau tidak cukup, bagaimana? Pinjamlah. Pinjam, pinjam dan pinjam. Di bawah Najib pinjaman wang negara kita sudah meningkat tiga kali ganda."

"(Hutang) kita sekarang sudah dekat RM1 trilion."

Yang kena tanggung bayar balik hutang yang amat tinggi ini adalah generasi anak cucu cicit kita akan datang," tegasnya.

Sehubungan itu, Steven berkata, kerajaan bertindak menjual aset demi aset negara kepada komunis China

bagi mengelak Malaysia jatuh muflis.

"Sebenarnya, (hutang) lagi tinggi tapi bagaimana dia (kerajaan Umno-BN) cuba elakkan negara kita bankrap. Dia jual harta. Apa yang sudah dijual? Proton sudah jual. Banyak tanah, harta sudah jual. Jual kepada siapa?

"Dulu, dia serang komunis tapi semua aset negara ini dijual kepada komunis China. Sekarang, kalau kita pergi ke mana-mana, ini dimiliki oleh China, itu dimiliki oleh China."

"Sekarang negara kita jual aset. Nampak saja ada aset, jual. Nampak okey tapi bila jual, jual kita sudah tidak ada aset lagi," jelasnya.

Bahkan, beliau tidak menolak kemungkinan Felda turut bakal dijual lantaran Najib perlu mencari dana untuk pilihan raya akan datang.

"Bagi saya sekarang ini, Felda juga dalam risiko akan dijual. Saya dengar komunis China sudah berminat dengan Felda kerana banyak tanah."

"Mereka (China) apa pun mahu dan pemimpin kita sanggup jual kerana dia tak cukup dana. Bayangkan pilihan raya akan datang banyak perbelanjaan, jadi dia perlu banyak dana," tambah Steven lagi.

Tukar kerajaan lebih baik untuk penjawat awam

Oleh KANUN

Penjawat awam adalah komponen penting dalam sebuah kerajaan. Penjawat awam adalah antara sektor pengundi yang ramai kerana jumlah penjawat awam adalah kira-kira 1.6 juta orang di seluruh negara.

Penjawat awam selalu dikatakan sebagai penyokong tegar Barisan Nasional dan sering menyokong dasar-dasar kerajaan. Namun, kebelakangan ini ramai penjawat awam mula sedar dasar-dasar kerajaan di zaman Datuk Sri Najib Tun Razak banyak menyusahkan rakyat.

Penjawat awam berasa sengsara dengan pengenaan cukai GST dan ke-naikan harga minyak sedangkan tangga gaji mereka masih di tahap yang sama. Penjawat awam juga sedar bahawa kerajaan BN pada hari ini adalah kerajaan kleptokrasi. Sehingga kini itu 1MDB masih lagi menghantui kerajaan BN dan penjawat awam tahu bahawa wang 1MDB itu adalah wang kerajaan yang sepatusnya dimanfaatkan untuk rakyat.

Adakah penjawat awam berani untuk mengundi Pakatan Harapan dalam PRU 14 kelak? Ini bergantung kepada kepada sejauh mana penjawat awam memahami hak-hak perlombagaan mereka. Mana-mana penjawat awam yang sedar betapa pentingnya PRU 14 untuk perubahan pasti tidak ragu-ragu untuk memilih kerajaan PH.

Pertama, penjawat awam adalah pekerja yang lebih sukar untuk dibuang kerja berbanding dengan pekerja swasta. Kedudukan penjawat awam adalah dilindungi dalam Perkara 132(2) Perlombagaan Persekutuan yang menyatakan, "(2) Tiada seorang pun anggota sesuatu perkhidmatan yang disebut terdahulu boleh dibuang kerja atau diturunkan



pangkat tanpa diberi peluang yang munasabah untuk didengar".

Ini bermakna seorang penjawat awam tidak boleh dibuang kerja dengan sewenang-wenangnya tanpa melalui proses perundangan. Sebelum seorang penjawat awam itu tidak boleh dibuang kerja atau diturunkan pangkat tanpa diberikan peluang yang munasabah untuk didengar.

Ini bermakna penjawat awam itu perlu diberikan notis tunjuk sebab yang menyatakan apakah kesalahan yang dilakukan olehnya sehingga boleh menyebabkan beliau kehilangan jawatan. Setelah diberikan notis berkenaan, beliau akan diberikan peluang untuk menjawab tuduhan yang dikenakan itu.

Sekiranya beliau mempunyai alasan yang munasabah, beliau boleh meminta supaya kes itu dibawa kepada peringkat pendengaran lisan dan beliau boleh menggil saksi-saksi yang terlibat. Setelah itu barulah tahu sama ada penjawat awam itu bersalah atau tidak.

Dalam konteks mengundi pembangkang, ianya bukanlah satu kesalahan

yang boleh dihukum dibuang kerja atau diturunkan pangkat. Ataupun untuk diberikan notis tunjuk sebab. Jika ada pun perkara sedemikian berlaku, penjawat awam berkenaan masih tetap boleh membawa hal itu ke mahkamah dan mahkamah pasti akan mengubah keputusan yang tidak adil itu.

Keduanya, undi rakyat Malaysia adalah rahsia. Sesiapa pun tidak akan tahu penjawat awam mengundi calon mana melainkan penjawat awam itu sendiri yang mendedahkan undinya sendiri. Perjalanan proses pengundian dibuat dalam keadaan tidak mungkin ada yang mengetahui secara tepat undi penjawat awam.

Apabila seseorang pengundi itu masuk bilik mengundi, namanya akan dibaca di dalam daftar pemilih dan jika nama itu sama dengan kad pengenalan baharulah pengundi itu ditandakan jarinya dengan dakwat kekal dan seterusnya diberikan kertas undi.

Selepas pindaan peraturan penjalanan pilihan raya dipinda, kerani SPR sudah ditegah daripada menulis nombor siri pengundi dalam buku daftar pemilih di atas kaunterfoil (slip dalam buku kertas undi). Oleh itu, tiada sesiapa tahu kertas undi itu diberikan kepada pengundi

mana.

Begitu juga, selepas pusat pengundian ditutup, kesemua buku kertas undi, kertas undi yang tidak habis digunakan dan buku daftar pemilih akan dimasukkan dalam karung khas dan dimeterai-kan.

Karung khas itu kemudian akan disimpan oleh SPR untuk tempoh selama 6 bulan selepas pengundian sebelum ia dimusnahkan selepas itu. Karung khas itu tidak boleh dibuka oleh sesiapa pun dalam tempoh itu melainkan hanya dengan mendapat perintah daripada Mahkamah. Justeru, kerahsiaan undi penjawat awam akan kekal rahsia.

Penjawat awam juga tidak perlu khawatir jika kerajaan bertukar kerana kerajaan yang baru daripada Pakatan Harapan tetap akan menjaga kebijakan penjawat awam.

Kerajaan baru tidak boleh sesuka hati untuk membuang mana-mana penjawat awam melainkan dalam hal keadaan yang telah dinyatakan sebelum ini.

Penjawat awam juga boleh melihat perubahan kerajaan negeri di Pulau Pinang dan Selangor. Tiada mana-mana penjawat awam dalam negeri tersebut dibuang atas dasar politik. Malah, manfaat yang diterima oleh penjawat awam di Selangor lebih besar daripada penjawat awam di peringkat Persekutuan.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Azmin Ali dalam pembentangan belanjawan 2018 telah memberikan insentif khas atau bonus 3 bulan gaji kepada penjawat awam di Selangor.

Penjawat awam di Selangor juga dimasukkan di bawah Skim Komprehensif Takaful Selangor. Di bawah skim tersebut penjawat awam akan mendapat dana terkumpul dan faedah simpanan yang lumayan melalui faedah persaraan pada umur 55 tahun.

Penjawat awam juga akan mendapat pampasan kewangan jika berlaku kematian atau keilatan kekal dan menyeluruh akibat sebab biasa ataupun penyakit. Penjawat awam juga akan mendapat pampasan kewangan sekali ganda jika kematian atau keilatan kekal dan menyeluruh akibat kemalangan.

Selain itu, penjawat awam juga akan mendapat faedah pendapatan harian hospital apabila dimasukkan ke wad dan perbelanjaan pengkebumian kepada penjawat awam, pasangan dan anak-anaknya.

Bagi penjawat awam di Pulau Pinang pula telah mendapat bonus sebanyak RM2,000 untuk pekerja perkhidmatan awam negeri itu yang mempunyai rekod disiplin yang baik pada tahun 2017. Bayaran bonus itu telah diberikan kepada hampir 8,000 penjawat awam negeri.

Bagi penjawat awam yang tidak mempunyai rekod disiplin yang baik seperti mana yang ditentukan oleh Setiausaha Kerajaan negeri telah dibayar sebanyak RM1,000.

Maka, jelas sekali pertukaran kerajaan daripada kerajaan BN kepada kerajaan PH tidak akan mendatangkan akibat yang buruk kepada penjawat awam. Malah, manfaat yang diterima penjawat awam di Selangor dan Pulau Pinang adalah melebihi manfaat yang diterima oleh penjawat awam di peringkat Persekutuan.

Penjawat awam perlu kali ini menunjukkan kuasa undi mereka bagi mengubah kerajaan supaya penjawat awam akan bertambah maju dan mendapat manfaat yang lebih besar. Penjawat awam tidak perlu risau akan apa-apa tindakan diambil ke atasnya akibat menyokong PH kerana penjawat awam adalah dilindungi di sisi undang-undang dan Perlombagaan Malaysia.



Henti Felda jadi bahan jenaka, pinta Anak

Felda didesak menjelaskan secara telus penyelesaian yang dibuat dalam isu tanahnya di Jalan Semarak bagi menutup segala andaian dan tuduhan sehingga dijadikan bahan jenaka terhadapnya.

Presiden Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (Anak) Mazlan Aliman berkata, dakwaan yang dibuat oleh ahli parliment Pandan, Rafizi Ramli ada asasnya.

"Isu ini kini penuh misteri dan tanda tanya. Semacam ada yang cuba disembunyi. Puncanya tak telus dan bagi saya belum selssai."

"Sebab itu apabila dikatakan isu ini selesai dengan Felda telah dapat kembali tanah itu, ia telah menimbulkan kekeliruan bahkan ketawa orang ramai."

"Saya yakin Rafizi ada asas yang kukuh dalam dakwannya. Kami pun mempunyai tanda tanya tentang terma penyelesaian antara syarikat Synergy Promenade dengan Felda yang tidak didekahkan," kata Mazlan kepada The Malaysian Insight.

Dalam kenyataannya, Rafizi mendakwa, Felda kehilangan tanahnya itu buat selama-lamanya apabila bangunan di Kuala Lumpur Vertical City

(KLVC) dijual kepada orang ramai dan syarikat persendirian nanti.

"Saya ingin menegaskan bahawa tanah Felda yang diwar-warkan kononnya telah didapati kembali hakmiliknya, sebenarnya telah hilang buat selama-lamanya," katanya Rafizi dalam satu kenyataannya.

Tanah ini hilang apabila menjadi tapak pembangunan projek KLVC dan bakal dimiliki secara strata oleh pembeli bangunan dan lot-lot kedainya nanti, katanya.

Sebab itu, kata Mazlan, Anak dari awal lagi telah mendesak kerajaan agar mendedahkan butiran penyelesaian kehilangan tanah itu.

"Kami telah membuat laporan kepada SPRM. Felda sendiri telah membuat laporan polis dengan dakwaan fraud atau penipuan telah berlaku."

"Syarikat itu telah didakwa oleh Felda melakukan penipuan. Sekarang syarikat itu juga dibenarkan meneruskan projek KLVC yang ditolak oleh Pengurus Felda, Shahrir Samad sebelum ini," katanya.

Mazlan mempertikaikan, bagaimana Felda muh meneruskan projek ini dengan syarikat yang dibuat laporan polis ke atasnya itu.

Sehingga kini, katanya, Anak belum mendapat maklum balas dari laporan SPRM yang dibuatnya dan orang ramai belum mendapat sebarang penjelasan dari polis terhadap isu ini.

"Boleh jadi Rafizi ada cukup bukti mengenainya dan kami pun ingin tahu," kata Mazlan.

Felda mendakwa, kehilangan tanahnya di Jalan Semarak selesai apabila geran-geran tanah itu telah diserahkan kembali kepada Felda oleh Synergy Promenade Sdn Bhd yang memajukan tanah itu.

Sebelum ini, Shahrir mengesahkan syarikat itu diberikan 'Power of Attorney' (PA - surat kuasa) untuk menguruskan tanah itu.

Namun, awal tahun lalu, Felda mendapat mereka telah kehilangan tanah itu apabila nama pada gerannya bertukar kepada syarikat itu melalui satu urusan jual beli namun Felda tidak mendapat satu senpun bayarannya.

Ekoran itu, pada Disember tahun

lalu, Felda telah membuat laporan polis terhadap syarikat itu.



Usah sia-siakan kuasa pilih pemimpin

oleh HUSIN MAHAT

KUALA LUMPUR: Hasrat kumpulan anak-anak muda untuk merosakkan kertas undi semasa pilihan raya adalah tindakan yang merugikan malah tidak menguntungkan negara.

Naib Presiden AMANAH Ustaz Hasanuddin Mohd Yunus juga menyifatkan tindakan itu sebagai mensia-siakan kuasa memilih pemimpin dalam sistem demokrasi.

Mengulas respon kalangan anak-anak muda terhadap cadangan beliau agar mereka yang menjalankan kempen merosakkan kertas undi diambil tindakan, beliau berterima kasih dan memohon kemaafan kepada mereka yang tercabar dan tersinggung dengan cadangan itu.

"Sekurang-kurangnya anak-anak muda menyemak kembali kompas masing-masing dan mereka sama sekali tidak akan merosak-

kan kuasa memilih atau mensia-siakannya dengan cara yang tidak menguntungkan negara.

"Saya yakin anak muda Malaysia adalah agen perubahan yang sanggup terlibat dalam pembangunan semula negara ini dan tidak akan meninggalkan medan perjuangan ini," ujar beliau dalam satu kenyataan.

Menurut Hasanuddin, walau-pun kalangan anak muda tidak berpuas hati dengan dasar mana-mana parti politik, mereka boleh menegur, bertanya dan



bersikap ambil tahu.

Merosakkan kertas undi, tambah beliau bermakna menyerahkan urusan penentuan pemimpin negara kepada 'nasib' sedangkan rakyat yang susah dan terbiar menanti-nanti pemilihan pemimpin yang berwibawa.

"Dalam apa keadaan pun, anak muda Malaysia perlu membuat keputusan daripada opsyen-opsyen yang ada, paling tidak mereka lah yang menjadi opsyen ketiga," ujarnya.

Beliau menambah, Seksyen 124B Kanun Keseksian menyatakan, sesiapa yang terlibat dalam aktiviti yang membahayakan atau merosakkan demokrasi adalah terlibat dalam

**Ustaz Hasanuddin
Mohd Yunus**

jenayah yang boleh dihukum sehingga 20 tahun penjara.

"Apakah kempen merosakkan undi termasuk dalam definisi 124B Kanun Keseksian tersebut?" soal beliau.

Menurutnya, campur tangan penguasa undang-undang seperti polis dalam kebebasan untuk berkempen agar orang tidak keluar mengundi atau merosakkan kertas undi, adalah pilihan terakhir sekiranya terjadi sesuatu yang benar-benar boleh mengancam negara.

"Kami sentiasa bersedia untuk duduk bersama anda berbincang, memahami aspirasi Generasi Y dan Z, malahan berhujah dalam apa jua isu demi kepentingan masa hadapan anda, anak-anak kami juga."

"Tahniah dan tahniah sekali lagi. Saya berbangga dengan ketegasan anda semua, wahai anak-anak muda yang saya sayangi," ujar beliau.

Usah mimpi rampas Selangor, kata Keadilan pada Pas

SHAH ALAM: Keadilan Selangor menasihati rakan sekutu pemerintahannya supaya memfokuskan Kelantan dan Terengganu dan bukannya 'bermimpi' merampas Selangor pada pilihan raya umum ke-14 (PRU14).

Ketua Biro Komunikasi Keadilan Selangor, Nor Hizwan Ahmad berkata, Pas perlu bersikap realistik dengan mengambil kira komposisi pengundi berbilang kaum di Selangor.

Beliau yakin Selangor akan kekal di tangan PH yang turut dianggotai PPBM, DAP dan AMANAH kerana negeri itu kini ditadbir dengan baik.

"Tak perlu tunggu Pas jadi model contoh di Selangor. Prestasi ditunjukkan di Selangor sekarang lebih baik daripada negeri lain. Mustahil Pas nak rampas Selangor," katanya kepada FMT.

Baru-baru ini, Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang dilaporkan berkata, parti itu mahu merampas Selangor dan menjadi contoh kepada negeri lain.

Beliau juga berjanji akan berlaku adil kepada rakyat berbilang kaum di Selangor, jika Pas berjaya menawan negeri itu.

Pengerusi AMANAH Selangor, Ir Izham Hashim berkata, tindakan Pas hendak menawan negeri itu hanya akan memberikan kemenangan kepada BN.

"Kita tak nampak dalam ucapan Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang akan menentang Umno, Datuk Seri Najib Razak perlu diganti, ada (beliau) sebut?

"Pas serang AMANAH, DAP dan PH tetapi Umno jarang kita dengar. Ini membuktikan mereka memang mahu lihat pembangkang berpecah dan kebiasaannya akan membolehkan BN menang."

"Kenal pasti siapa musuh kamu sebenarnya, BN ke PH? Kena pilih nak berkawan dan bermusuhan," tegas beliau.



Ir Izham Hashim

Izham bagaimanapun yakin PH akan mempertahankan Selangor pada PRU14 berdasarkan perpaduan antara 4 parti pembangkang itu.

Dalam perkembangan berkaitan, Abdul Hadi tidak menolak kemungkinan Pas akan bergabung dengan parti lain untuk membentuk kerajaan campuran selepas pilihan raya umum ke-14 (PRU14).

"Kita akan bertanding lebih 130 kerusi (daripada keseluruhan 222 kerusi Parlimen) sekurang-kurangnya (untuk) dapat majoriti mudah.

"Pas muhi bentuk kerajaan atau menyertai pembentukan kerajaan, bukan lagi sebagai pembangkang yang lemah selepas PRU," katanya tanpa memaklumkan parti politik pilihan Pas, ketika berucap di Himpunan Fastaqim 2.4 dan pelancaran jentera pilihan raya Pas Selangor di Stadium JKR Seksyen 17, 21 Jan lalu.

Pemerhati politik bagaimanapun yakin Pas akan memilih untuk bergabung dengan Umno/BN berbanding PH jika berpeluang membentuk kerajaan ekoran sikap permusuhan parti itu dengan DAP, AMANAH dan PPBM.

Pas mensasarkan menang 40 kerusi daripada 130 kerusi parlimen yang bakal ditandinginya pada PRU akan datang sekaligus membolehkannya menjadi 'king maker' dalam politik negara.

Pada PRU13, Pas memenangi 21 daripada 73 kerusi Parlimen yang ditandinginya, tetapi 6 daripada Ahli Parlimennya menyertai AMANAH manakala seorang menyertai Keadilan.

La turut kehilangan satu lagi kerusi Parlimen di Pokok Sena apabila Datuk Mahfuz Omar keluar parti awal tahun ini dan hilang satu kerusi Dun dan jawatan Ketua Pembangkang Dun Kedah apabila Adun Anak Bukit Ir Amiruddin Hamzah mengisyiharkan menyertai PPBM.

Jangan rosakkan undi, ambil pengajaran dari Brexit

KUALA LUMPUR:

Anak muda perlu mengambil iktibar daripada peristiwa Brexit dua tahun lalu yang kini membantakan generasi baru Britain, kata Ketua Pemuda Pakatan Harapan Kedah, Asmirul Anuar Aris.

Brexit merujuk kepada referendum yang berlangsung di Britain bagi mendapatkan undian umum sama ada negara itu patut keluar atau kekal dalam Kesatuan Eropah.

"Keputusan referendum merekodkan jumlah orang muda yang keluar mengundi adalah rendah berbanding orang tua. Walaupun kira-kira 74 peratus anak muda berusia bawah 24 tahun dilaporkan mahu kekal dalam Kesatuan Eropah (EU), namun orang tua yang lebih ramai keluar mengundi akhirnya menentukan keputusan akhir referendum tersebut."

"Maka orang muda di UK diwariskan bukan sahaja dengan keadaan ekonomi yang lebih buruk berbanding dulu tetapi juga mereka perlu hidup dengan keputusan yang membebangkan mereka yang dipaksa ke atas mereka oleh generasi yang lebih tua akibat daripada tindakan mereka sendiri," jelasnya.

Mengulas tindakan kumpulan anak muda tertentu yang akan membuang undi rosak sebagai tandas protes, beliau berpendapat sikap tersebut hanya akan mengembawa-



Asmirul Anuar Aris

likan BN untuk terus berkuasa.

"Persoalannya, apakah ia langkah terbaik bagi sebuah negara yang belum pernah mangalami peralihan kuasa di peringkat persekutuan?"

"Apakah anak muda bersedia membayar harg-

anya, jika lau undi rosak mereka menyumbang kepada kembalinya majoriti dua pertiga kepada BN di Dewan Rakyat?" soal Ketua Pemuda AMANAH Kedah itu.

Lebih memburukkan keadaan, kata Asmirul statistik terbaru Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mendakwa sejumlah 3.6 juta rakyat Malaysia yang berusia 21 tahun ke atas masih belum mendaftar sebagai pemilih setakat September 2017.

"Sejarah dunia juga merakamkan peranan besar anak muda seperti yang direkodkan dalam peristiwa pemuda gua (Ashabul Kahfi), Usamah bin Zaid yang mengetuai pergerakan pada usia muda serta ketokohan Sultan Muhammad Al Fateh yang menakluki Kota Konstantinopel pada usia 21 tahun."

"Nasi sudah menjadi bubur bagi anak-anak muda UK. Ayuh anak muda marilah sama-sama menyertai arus perubahan ini. Sedarlah kalian bahawa nilai undi anda amat berharga ke arah Malaysia yang lebih baik," ujarnya dalam satu kenyataan.

TAWARAN ISTIMEWA

& 2017
2018**PROMOSI****SEOUL**

| TARIKH | HARGA(RM) | |
|---|--------------|--------------------|
| | DEWASA | KANAK ² |
| NOVEMBER 09 - 13 NOV 2017 | 3,150 | 2,840 |
| APRIL 13 - 22 APR 2018 | 3,150 | 2,840 |
| FEB 01 - 05 FEB 2017 08 - 12 FEB 2017 | 2,990 | 2,680 |

PAKEJ ZAAFARAN**PAKEJ RUMMAN****PAKEJ TAMAR**
PELBAGAI DESTINASI MENARIK!**TURKI**

| TARIKH | HARGA(RM) | |
|--|--------------|--------------------|
| | DEWASA | KANAK ² |
| NOVEMBER 30 NOV - 9 DIS 2017 | 4,199 | - |
| WINTER 07 - 16 FEB 2018 NOVEMBER DISEMBER | 4,199 | - |
| SPRING 13 - 22 APRIL 2018 | 3,999 | - |
| SUMMER 21 - 30 JUN 2018 | 4,100 | - |
| AUTUMN OCTOBER | 4,100 | - |

PAKEJ UMRAH

| TARIKH | HARGA(RM) | | HOTEL MEKAH | HOTEL MADINAH |
|------------------------------|--------------|--------------------|---|--|
| | DEWASA | KANAK ² | | |
| NOVEMBER 29 - 10 DIS 2017 | 7,950 | 7,650 | MEKAH SAFWA TOWER (SETARAF) 50-10M | MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M |
| FEBRUARI 14 - 25 FEB 2018 | 7,550 | 7,250 | | |
| MAC 14 - 25 MAC 2018 | 7,750 | 7,250 | | |

| TARIKH | HARGA(RM) | | HOTEL MEKAH | HOTEL MADINAH |
|------------------------------|--------------|--------------------|--|--|
| | DEWASA | KANAK ² | | |
| DISEMBER 13 - 24 DIS 2017 | 7,150 | 6,800 | | |
| JANUARI 17 - 28 JAN 2018 | 6,890 | 6,590 | MEKAH MALAK AT-TAQWA (SETARAF) 200-300M | MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M |
| FEBRUARI 01 - 12 FEB 2018 | 6,890 | 6,590 | | |
| MAC 01 - 12 MAC 2018 | 6,890 | 6,590 | | |
| APRIL 04 - 15 APRIL 2018 | 6,890 | 6,590 | | |

| TARIKH | HARGA(RM) | | HOTEL MEKAH | HOTEL MADINAH |
|------------------------------|--------------|--------------------|--|--|
| | DEWASA | KANAK ² | | |
| DISEMBER 18 - 28 DIS 2017 | 6,790 | 6,490 | MEKAH LU'LU'AT (SETARAF) 200-300M | MADINAH CONCORDE (SETARAF) 150M |
| APRIL 18 - 29 APRIL 2018 | 5,890 | 5,590 | | |

Apa guna angka muluk jika hutang negara cecah RM1 trillion!

“ Tolak tepi kritikan pembangkang kalau itu yang Najib kurang senang. Nah, kita perhatikan apa kata pakar-pakar ekonomi tempatan tentang 'keajaiban' polisi ekonomi Najib (atau Najibnomics) yang mahu dijaya dan diperaga sebelum PRU-14 ini? ”

PADA 23 Januari, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak memberi ucaputama sempena seminar Invest Malaysia 2018.

Seperti lazimnya, Najib sekali lagi memperaga angka-angka muluk tentang ekonomi negara termasuk pertumbuhan, pelaburan, pasaran modal, pekerjaan dan sebagainya. Najib memberi jaminan kerajaan akan sentiasa memastikan Malaysia mesra pelabur dan perniagaan.

Beliau juga menyatakan komitmen untuk meningkatkan pengukuhan ketelusan, akauntabiliti dan keberkesanan. Mampukah Najib menyuntik keyakinan pelabur?

Mentelahan 2018 tahun pilihan raya umum ke-14 (PRU14), Najib tidak lengah mengambil kesempatan mengecam pihak pembangkang. Kata-katanya sinis dan keras terhadap pengkritik dasar dan amalan pengurusan dan tadbir-urusnya.

Najib acap lupa, komuniti pelabur adalah golongan amat peka dan berpengetahuan tentang ekonomi makro dan mikro termasuk perihal skandal-skandal mega sebuah negara. Mereka membayar maklumat untuk mengetahui profil risiko pelaburan mereka.

Apakah tidak adil untuk sebuah majalah kewangan 'Finance Asia' meletakkan Najib sebagai 'Menteri Kewangan Paling Corot' pada tahun 2016? Najib jangan ingat pelabur macam sesetengah orang Pekan yang beliau boleh temberang! Ingat ketika itu, skandal 1MDB meletup dan nilai ringgit menjunam dan rakyat sakit terbeban kos sara hidup (inflasi). Amat munasabah, prestasinya buruk!

Sementara Najib ghirah dengan angka-angka 'ajaibnya', bagaimana agaknya Finance Asia akan menilai beliau untuk 2018, akibat perihal skandal 'Felda-KL Vertical City'?

Juga begitu pertikaian urusniaga pembelian tanah RM2 bilion oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan MOF Inc yang menggunakan syarikat RM2, MKD Signature SB, yang membeli 51% saham dari Mulia Property Development, pemilik 'The Exchange 106' di Tun Razak Exchange (TRX). Banyak tanda tanya pihak pelabur yang mesti dijawab.

Bagaimana pula dengan 'bailout' mega oleh dana PNB dan KWSP sebanyak RM8.7 bilion (£1.6b) dalam kes 'Battersea Power Station' di London milik konsortium Sime Darby-Setia? Cakap-cakap Najib tentang meningkat ketelusan dan akauntabiliti memang macam tin kosong! Kenapa mangsakan lagi dana rakyat PNB dan KWSP?

Bercakap tentang pertumbuhan, Najib tentunya banggakan dengan 5.8% KDNK. Tetapi malangnya, segera ditempelak oleh seorang pakar ekonomi tempatan Dr Muhammad Khalid.

Muhammad dalam kenyataannya baru-baru ini mengingatkan Putrajaya bahawa angka 'pertumbuhan' bukanlah ukuran terbaik menilai 'kesihatan' ekonomi negara. Ia hanyalah pengeluaran negara di segi jumlah produk dan perkhidmatan.

Pertumbuhan, contohnya tidak memparkan kadar hutang akibat pacuan 'pembangunan', pencemaran akibat pembalan atau perlombongan bauksit, serta tidak menerangkan sama ada kekayaan dijana KDNK dinikmati semua lapisan rakyat.

Mengaitkan KDNK dengan kesejahteraan (well-being) 'kerja bodoh', tegas beliau.

Ini bukan pembangkang cakap, walau saya sendiri telah lama menulis hal ini.

Isunya tegas beliau, sama ada pertumbuhan menjana peluang pekerjaan yang adil dan upah yang baik serta 'bermaruah'.

Ekonomi dikatakan 'sihat-sejahtera' apabila semua kategori khususnya 'Bawah-40' (B-40) mendapat manfaat bersekali dengan golongan Menengah (M-40) dan T-20.

Najib wajar diingatkan, di antara 2014 dan 2016, ketika ekonomi tumbuh, data dari Unit Perancang Ekonomi (EPU) menujukkan pendapatan golongan rendah menurun.

Nisbah jumlah pendapatan isi-rumah (share of total income) golongan B-40, mengikut EPU, menurun ke dari 16.8% pada tahun 2014 ke 16.4% pada 2016! Najib tidak layak berbangga kerana beliau gagal menjana pertumbuhan yang 'inklusif'.

Persoalan besar yang mesti dijawab adalah mengapa dan bagaimana untuk mencapai pertumbuhan yang mapan dan inklusif (terangkum) serta tidak meminggirkkan

golongan berpendapatan rendah?

Seorang Profesor Ekonomi dari Universiti Sunway, Dr Yeah Kim Leng berpendapat, kita perlu merubah ekonomi daripada berdasarkan penggunaan (consumption-based) kepada lebih berdasarkan pelaburan (investment-based). Kerajaan perlu menimbang beberapa dasar agar lebih mapan dan produktif dalam jangka panjang.

BRIM tidak salah tetapi, tegasnya, kerajaan mesti perbanyakkan peluang pekerjaan dan kurangkan penerima BRIM. Persoalan kebolehpekerjaan adalah pokok seperti yang selalu ditegaskan PH.

Seorang pakar ekonomi terkemuka Prof Tan Sri Kamal Saleh juga berpandangan bahawa "pendekatan menambah pendapatan" (increase of wages) adalah lebih baik dari program BRIM (cash handout).

Menurut beliau, sementara bantuan BRIM tahunan mempunyai kesan kecil sebanyak 0.04% daripada pendapatan negara, bayaran gaji minima mempunyai kesan penting pada 4%. Tegasnya, negara tidak akan mencapai prestasi ekonomi yang tinggi dengan 'Ekonomi BRIM' ini.

Sementara itu Bekas Penolong Gabenor BNM, Lin See-Yan mengingatkan Najib bahawa cakap-cakap tentang TN50 mesti bermula dengan reformasi pendidikan, hentikan penggunaan buruh asing yang murah dan pertingkatkan industri dan produktiviti serta produk yang punya nilai-tambah yang tinggi.

Beliau ingatkan supaya tidak perlu menyolek angka pertumbuhan (sugar-coated) yang lemah (fatigue). Wujud jurang (disconnect), tegas beliau antara statistik kerajaan yang 'cantik' dengan kehidupan rakyat yang terbeban dengan hempitan kos sara hidup yang tinggi.

Indeks Sentimen Pengguna semua merosot akibat GST dan kos barang tinggi. Jualan runcit jatuh dan pertumbuhan dipacu oleh eksport terutama dalam bidang pembuatan iaitu elektrik dan elektronik (E&E). Umum tahu, produk E&E negara punya nilai tambah yang kecil dan bahan-bahan hampir semua diimpot. Tak boleh sangat hendak berbangga.

Bercakap tentang disiplin fiskal, cukup



ANALISIS

DR DZULKEFLY AHMAD

untuk dipetik kritikan seorang lagi Profesor Ekonomi tersohor, Dr Jomo Kwame Sundaram. Akibat dari ekonomi yang 'berbelanja besar' (excessive spending), hutang Kerajaan Persekutuan meningkat sebanyak 10% setiap tahun dari RM123.1 bilion pada 2007 dan melonjak ke paras RM687.43 bilion pada Sept 2017.

Unjurian hutang akan mencecah RM1 trillion pada 2021, RM2 trillion pada 2028 dan RM3 trillion pada 2032! Bayaran bunga (interest) hutang sahaja mencecah RM30.88 bilion pada 2018. Ini bermakna 71% dari pungutan hasil GST (RM43.8 bilion) adalah untuk bayaran bunga hutang!

Profesor Jomo berpandangan amat mustahak untuk kepimpinan negara membuat perbelanjaan pembangunan dan bukan meningkatkan kos pengurusan.

Salah satu 'kecurangan' Najib adalah menyembunyikan perbelanjaan pembangunan infrastruktur dari belanjawan (off-budget or off balance-sheet spending), sekaligus menjadi urusniaga pelaburan ini tidak telus dan tidak bertanggungjawab kepada Parlimen dan melonjakkan jumlah hutang secara 'senyap' (contingent liabilities).

1MDB dan Felda adalah 'mercu-tanda kejayaan' Najib serta cerminan disiplin fiskalnya yang bobrok. Begitu jugalah dalam hampir semua pelbagai pembangunan mega termasuk ECRL, TRX, Bandar Malaysia dan lain-lain.

Jomo dan ramai pakar ekonomi lain telah kerap mengkritik Najib akan pelbagai perihal tadbir-urus ekonomi negara. PH juga telah acapkali menyelar kecemasannya!

Meringkaskan erti Najibnomics, penulis cenderung untuk menggunakan akronim seperti kesukaan beliau... yakni 4B! Sifat 'Borus dan Bazir' beliau dan isteri sukar untuk diatasinya, sementara kerakusan sifat 'Bolot dan Bocor' penguasa politik serta pentadbiran kleptokratnya, menjadikan ekonomi negara tercinta ini hampir mustahil untuk dipulihkan.

Justeru, Najib mesti dikalahkan untuk rakyat dan negara 'diselamatkan'!

■ Dr Dzulkefly Ahmad ialah Pengarah Strategi AMANAH.

Komitmen Malaysia bantu pelarian Rohingya diragui

KUALA LUMPUR: Walaupun Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berpuas hati dengan peranan Malaysia dalam menangani isu pelarian Rohingya yang menjadi mangsa kempen pembersihan etnik di Myanmar, pertubuhan hak asasi manusia global, Human Rights Watch (HRW) tidak berkongsi sentimen itu.

Dalam Laporan Dunia 2018 yang diterbitkan di New York, HRW sebaliknya mempertikaikan komitmen Malaysia melindungi pelarian, ketika puluhan ribu orang Islam Rohingya melarikan diri ke negara ini.

HRW berkata walaupun lebih 150,000 pelarian dan pemohon suaka berdaftar dengan agensi PBB UNHCR, mereka tidak boleh bekerja, bergerak atau mendaftarkan diri di sekolah kerajaan.

"Pemohon suaka yang ditahan pihak berkuasa dilayan seperti 'pendatang haram' dan ditahan di pusat tahanan imigresen yang sesak dan tidak menyihatkan," kata laporan itu.

HRW juga mempertikaikan mengapa tiada sebarang tindakan selepas penemuan kira-kira 100 mayat di Wang Kelian, Perlis pada 2015, dipercaya mangsa pemerdagangan manusia.

"Dua belas anggota polis yang didakwa dalam kes itu dilepaskan dan dibebaskan pada Mac 2017," kata HRW.

Meskipun begitu, Jabatan Negara Amerika Syarikat menaiktaraf kedudukan Malaysia ke Tahap 2 dalam Laporan Pemerdagangan Orang (TIP) tahunan.

"Kerajaan Malaysia gagal melaksanakan secara berkesan pindaan undang-undang anti-pemerdagangan yang diluluskan pada 2014, khususnya mengambil langkah-langkah pentadbiran yang perlu untuk memberikan bantuan dan kebenaran kerja kepada semua mangsa pemerdagangan yang menginginkannya, saman memastikan kebebasan mereka bergerak," laporan itu dipetik.



Kanak-kanak pelarian Rohingya di Malaysia memegang kad UNHCR.

Dalam perkembangan berkaitan, seramai 62,153 etnik Rohingya berdaftar dengan Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNHCR) setakat 30 Sept 2017.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Shahidan Kassim memberitahu Dewan Rakyat 13 Nov lalu, daripada jumlah itu, 53,811 adalah pelarian manakala 8,342 adalah pemohon suaka.

"Untuk tempoh yang sama juga, seramai 2,061 etnik Rohingya telah ditempatkan ke negara ketiga oleh UNHCR," katanya menjawab soalan Datuk Noor Azmi Ghazali (BN-Bagan Serai) mengenai langkah kerajaan dalam menangani isu penganiayaan terhadap Rohingya serta statistik terkini pelarian etnik itu di negara ini.

Bagaimanapun Shahidan berkata maklumat taburan etnik itu berdasarkan negeri masih belum diterima daripada suruhanjaya tersebut.

Dalam pada itu, beliau berkata kerajaan sentiasa berusaha menangani isu

Rohingya termasuk membuat gesaan terhadap kerajaan Myanmar berhubung penganiayaan etnik itu dalam forum serantau antarabangsa Asean dan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

Menurut Shahidan, pemegang kad UNHCR bebas bergerak di dalam negara ini, bagaimanapun mereka perlu mematuhi undang-undang yang ditetapkan.

Kepada soalan tambahan Datuk Kamardin Jaffar (Keadilan-Tumpat), sama ada kerajaan bercadang mewujudkan mekanisme tersendiri untuk menghitung jumlah pelarian Rohingya di negara ini, Shahidan berkata Kementerian Dalam Negeri sedang dalam langkah membuat 'exchange of letter' dengan pihak UNHCR untuk mendapatkan maklumat bukan sahaja berkaitan Rohingya tetapi juga pelarian lain di negara ini.

Sementara itu, beliau berkata lokasi khusus pembinaan hospital medan tajau Malaysia bagi membantu pelarian Rohingya di Bangladesh akan ditentukan oleh Kementerian Kesihatan dan Majlis Keselamatan Negara.

Melayu Singapura yakin untuk melangkah jauh

SINGAPURA: Masyarakat Melayu/Islam Singapura telah menunjukkan prestasi yang baik sebagai sebuah masyarakat, justeru mereka harus lebih berkeyakinan dan bersikap positif bagi mengharungi tahun baru 2018, kata Menteri Bertanggungjawab Bagi Ehwal Masyarakat Islam, Dr Yaacob Ibrahim.

"Terdapat tanda dan isyarat bahawa adanya peningkatan keyakinan dalam masyarakat kita. Apa yang lebih penting lagi, kita mesti terus menjadikan diri kita relevan supaya dapat menyesuaikan diri dalam apa juga perubahan," kata beliau yang juga Menteri Perhubungan dan Penerangan dan Menteri Bertanggungjawab bagi Keselamatan Siber, dalam wawancara eksklusif bersama Berita Minggu Sg, baru-baru ini.

Bagi 2018, Dr Yaacob berkata beliau yakin lebih ramai pelajar Melayu/Islam

dapat menunjukkan prestasi yang lebih baik dari segi kerencaman bakat.

"Momentum yang telah pun kita mulakan boleh diteruskan dengan melangkah lebih jauh lagi. Kita mahu kan 2018 untuk terus menunjukkan trend peningkatan."

"Kita boleh berasa lebih positif dalam melangkah ke 2018 kerana kita telah menunjukkan kelakonan yang baik sebagai sebuah masyarakat," tambah beliau.

Dalam wawancara lebih sejam itu, Dr Yaacob menyentuh pelbagai isu - termasuk pencapaian dan cabaran yang menjelaskan masyarakat Melayu/Islam Singapura.

Antaranya termasuk daya ketahanan badan Melayu/Islam membuat penyesuaian dalam mengharungi masa dan zaman yang pantas berubah, persediaan menghadapi perubahan teknologi

dan ekonomi digital, mengenal pasti bakat muda sebagai pemimpin organisasi dan badan Melayu/Islam serta dalam arena politik, pemilihan Halimah Yacob sebagai Presiden serta cabaran media aliran utama.

Bagi daya ketahanan masyarakat, Dr Yaacob menyingkap pencapaian mem banggakan beberapa badan Melayu/Islam termasuk Majlis Ugama Islam Singapura (Muis), Yayasan Mendaki, Persatuan Pemudi Islam Singapura (PPIS) dan juga Masjid Khalid.

Namun sedang masyarakat secara umum, ujarnya menunjukkan pencapaian yang baik sepanjang tahun lalu, Dr Yaacob bagaimanapun turut melahirkan rasa prihatin sama ada masyarakat Melayu/Islam sudah bersedia sepenuhnya bagi menghadapi dan mengharungi perubahan ekonomi digital.

"Kita memang mempunyai beberapa

Yusuf al-Qaradawi dijatuhi hukuman penjara seumur hidup

KAHERAH: Mahkamah tentera Mesir menjatuhkan hukuman mati kepada lapan tertuduh termasuk empat orang tanpa hadir, atas dakwaan terlibat dengan keganasan pada 2015.

Sejumlah 17 individu dijatuhi hukuman penjara seumur hidup termasuk ulama terkemuka dunia Sheikh Yusuf al-Qaradawi.

Sheikh Yusuf yang hidup dalam buangan di Qatar bersama tujuh individu lain dibicarakan tanpa kehadiran mereka pada Rabu lalu.

Tuduhan melakukan keganasan itu termasuk membunuh pegawai polis di Kaherah, sumber mahkamah memberitahu agensi berita Anadolu.

Maklumat berhubung sumber dirahsiakan ekoran larangan pihak berkuasa untuk bercakap kepada media, lapor Aljazeera.

Sheikh Yusof al-Qaradawi, ulama kelahiran Mesir yang mengetuai Kesatuan Ulama Islam Sedunia berpusat di Doha, Qatar didakwa atas tuduhan 'menghasut sehingga membawa pembunuhan, menyebarkan berita palsu dan memusnahkan harta awam'.

Sejumlah 26 tertuduh (defendant) dalam kes yang sama dilepaskan daripada hukuman termasuk empat pemimpin kanan Ikhwanul Muslimin Mesir.

Bagaimanapun keputusan mahkamah itu masih boleh dirayu dan defendant yang dibicarakan tanpa hadir (tried in absentia) akan dibicarakan semula jika mereka ditangkap atau menyerah diri kepada pihak berkuasa.

Mesir dilanda keganasan sejak pertengahan 2013 apabila Mohamed Morsi, pemimpin Ikhwanul Muslimin yang dipilih sebagai presiden dalam pilihan raya bebas pertama negara itu, digulingkan dan ditahan dalam rampasan kuasa tentera berdarah.

Pada Sept tahun lalu, Interpol mengeluarkan nama Sheikh Yusof al-Qaradawi, 91, dari senarai 'orang yang dikehendaki'.

Tindakan polis antarabangsa itu dibuat setelah menilai dakwaan Mesir terhadap ulama yang hidup dalam buangan itu.

pencapaian dalam soal ini. Namun, jika anda bertanya pada saya, ia adalah tidak mencukupi.

"Kita memerlukan hampir seperti satu revolusi (mind) tentang bagaimana kita dapat melihat dunia kerana ia sedang berubah pesat, dan kita tidak boleh berpura-pura yang ia tidak berlaku."

"Momentum yang telah pun kita mulakan boleh diteruskan dengan melangkah lebih jauh lagi. Kita mahu kan 2018 untuk terus menunjukkan trend peningkatan," ujarnya.

Menteri harus belajar terima kritikan

KUALA LUMPUR: Presiden Persatuan Patriot Kebangsaan (Patriot), Brid Gen (B) Datuk Mohamed Arshad Raji mengingatkan ahli politik bahawa kritikan tidak semestinya berunsur negatif.

Menurut beliau, jika kritikan itu berasas dan demi kebaikan bangsa dan negara, maka pengkritik itu sekadar menjalankan tugas patriotiknya.

Di sisi lain pula, ujarnya jika seorang penjawat awam tahu tentang salah laku yang berlaku dan memilih untuk berdiam, maka dia juga bersalah dari segi undang-undang dan moral.

Arshad mengulas kenyataan Menteri Pendidikan, Mahdzir Khalid yang menggesa kabinet kerajaan supaya melepaskan jawatan.

"Menteri berkenaan didakwa membuat

kenyataan itu semasa menyampaikan taklimat dasar Kementerian Pendidikan di Putrajaya," jelas Arshad.

Ketika menyampaikan taklimat Mahdzir dilapor berkata bahawa kerajaan BN tidak akan membenarkan kakitangan kerajaan terus bekerja dengan agensi kerajaan sekiranya mereka menyertai pembangkang dan memegang jawatan parti.

Bagaimanapun menurut Mahdzir, kakitangan kerajaan yang menyertai parti pemerintah (BN) dan memegang jawatan dalam parti dibenarkan aktif dalam politik.

Arshad berkata, walaupun tidak mengetahui konteks sebenar ucapan Mahdzir, menteri berkenaan tidak wajar memberitahu penjawat awam yang mengkritik kerajaan supaya melepaskan jawatan.

Jelas beliau, kritikan boleh dibuat secara terang-terangan dan langsung atau konstruktif.

Pihak atasan sebaliknya harus menerima kritikan secara positif, menilai titik-titik perdebatan (points of contention) dan berkomunikasi secara efektif mengapa sesuatu keputusan yang dibuat.

"Profesyen pendidikan pada umumnya disanjung tinggi dan majoriti guru adalah lulusan universiti. Adalah kurang bijak bagi YB Menteri untuk menggunakan ancaman dan bukan memberi penjelasan yang munasabah.

"Negara kita perlu cemerlang dalam semua bidang, termasuk profesyen pendidikan. Kita memerlukan menteri yang menunjukkan contoh kepimpinan yang baik, mendengar kritikan dan juga memoti-

vasi guru-guru untuk mengajar dengan baik anak-anak yang bakal menjadi pemimpin masa depan," katanya.

Arshad menambah, daripada mengherdik guru-guru besar, adalah lebih baik jika menteri terbabit mencabar mereka supaya menghasilkan keputusan yang lebih baik di sekolah-sekolah masing-masing.

Mahdzir juga, tegas beliau perlu mencabar pegawai pendidikan daerah dan negeri untuk menghasilkan keputusan yang baik dalam bidang tanggung jawab mereka.

"Kami berpendapat adalah satu lelucon bagi Mahdzir Khalid untuk mengatakan bahwa ia boleh diterima jika penjawat awam memegang jawatan aktif dalam parti politik yang memerintah tetapi bukan dalam parti pembangkang," kata beliau.

Ugut penjawat awam bukti BN bimbang hadapi PRU14

Oleh MOHD ALI HASHIM

PENDANG: Gertakan keras yang dibuat oleh pemimpin kerajaan terhadap guru-guru dan penjawat awam yang menyokong parti pembangkang menggambarkan kebimbangan BN untuk menghadapi pilihan raya umum (PRU).

Malah desakan agar guru-guru serta penjawat awam terlibat melepaskan jawatan menyerlahkan sikap jumud dan jahil menteri terbabit tentang sistem demokrasi berparlimen di negara ini.

Ketika ditemui selepas majlis ceramah Pakatan Harapan (PH) di Kampung Bukit Jambul, dekat sini, baru-baru ini, Pengurus PPBM Pulau Pinang Marzuki Yahya menyifatkan BN kini semakin terdesak apabila menyedari ramai guru dan penjawat awam tidak lagi menyokong mereka.

"Umno-BN terpaksa meletakkan perangkap untuk menjerat mana-mana guru mahupun penjawat awam yang tidak bersama mereka.

"Namun begitu sekiranya ada



Marzuki (dua dari kiri) bersama Tun Mahathir dan para pemimpin Pakatan Harapan di pentas ceramah.

guru-guru maupun penjawat awam yang menyokong mereka, tiada sebarang tindakan yang akan diambil.

"Tindak-tanduk pemimpin kerajaan BN ini memperlihatkan kebimbangan mereka sehingga terdapat pemimpin Umno yang sanggup membuat laporan polis

mendesak supaya kakitangan awam yang bersama pembangkang dipecat," ujarnya.

Marzuki berkata, kerajaan tidak sepaututnya menjadikan guru-guru dan penjawat awam sebagai mangsa politik.

"Sebagai guru mereka sedar membiarkan perkara salah berlaku



Orang ramai yang menghadiri ceramah di Kampung Bukit Jambul, Pendang.

akan rugikan negara.

"Membarkan BN terus berkuasa akan menjadikan negara lebih parah, rakyat semakin susah dan negara bertambah celaru," tebasnya.

Sehubungan itu, beliau menasihati rakyat negeri ini agar melakukan perubahan politik dan tidak membiarkan diri mereka diperalatkan oleh Umno-BN.

"Kemiskinan semakin melarap di negeri Kedah. Kepimpinan kerajaan yang dipimpin Ahmad Bashah lemah dan tidak bermaya untuk meningkatkan taraf hidup rakyat," ujarnya.

Pakatan Harapan, ujar Marzuki sudah bersedia dengan pelbagai agenda perubahan untuk mengubah masa depan dan nasib rakyat yang tidak diberi pembezaan oleh kerajaan BN.

Hentikan amalan maki hamun lawan politik, nasihat Mufti Perlis

KUALA LUMPUR: Para pemimpin politik dinasihatkan menghindari amalan memaki hamun semasa berkempen dalam pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Mufti Perlis Prof Madya Dr Mohd Asri Zainul Abidin yang membuat peringatan itu berkata amalan berkenaan dilarang oleh Islam apatah lagi orang yang dimaki itu hanya musuh politik.

Beliau menyatakan demikian pada



Contohhilah amalan Nabi Muhammad s.a.w. yang tidak pernah sama sekali memaki hamun orang yang menentang baginda semasa berdakwah..."

kuliah mingguannya di Masjid Alwi, 16 Jan lalu, lapor Bernama.

"Contohhilah amalan Nabi Muhammad s.a.w. yang tidak pernah sama sekali

memaki hamun orang yang menentang baginda semasa berdakwah," katanya.

Mohd Asri berkata terdapat hadis mengisahkan Nabi Muhammad s.a.w. memarahi

isteri baginda, Saidatina Aishah a.s. kerana membala salam seorang bangsa Yahudi yang membawa maksud tidak baik dan tidak melambangkan keindahan ajaran Islam.

Beliau kesal kerana segerintir pemimpin parti politik di negara ini memulakan ceramah dengan memberi salam tetapi sepanjang ceramah dipenuhi dengan maki hamun dan membuat pelbagai tuduhan dan fitnah terhadap musuh politik parti mereka.

Tun M akan aktif berkempen di Pekan

Oleh ARIF ATAN

KUALA LUMPUR: Tidak menganggap wujudnya masalah besar untuk berstanding di sejumlah kerusi Parlimen yang 'pekat' Umno termasuk Pekan, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) mempunyai pendekatan tertentu dalam menawar kawasan terbabit pada pilihan raya umum ke-14 (PRU-14).

Ketua Biro Strategi dan Dasarnya, Dr Rais Hussin berkata, partinya akan bekerja keras memenangi PRU-14 susulan keputusan pembahagian kerusi Parlimen antara komponen Pakatan Harapan (PH) baru-baru ini.

Menurutnya, terlalu awal untuk mana-mana pihak menjangkakan kekalahan PPBM sebagai parti pengganti Umno di kerusi-kerusi yang disandang parti pemerintah itu.

"PPBM ini sepatutnya menggantikan parti Umno. Kita fokus kepada kawasan-kawasan majoriti Melayu, Felda dan sebagainya.

"Kenapa fikir Pekan, kita tidak boleh

menang? Saya mahu beritahu, Tun Mahathir dan pucuk pimpinan PPBM akan turun di Pekan kempen secara aktif. Kita kena berani berhadapan dengan parti ini (Umno)," tegasnya.

Bahkan, Dr Rais menyifatkan gelanggang PRU-14 bukan sekadar pertempuran antara PH dengan BN tetapi sebenarnya adalah tsunami seluruh rakyat Malaysia.

"Kita tidak mahu pilihan raya ini hanya PH melawan BN. Kita mahu ini adalah pilihan raya di mana satu gelombang rakyat akan bangun menentang BN," ujarnya.

Dr Rais dalam forum anjuran Invoke Malaysia 16 Jan lalu turut mengingatkan situasi dan kesedaran politik masyarakat Melayu di luar bandar sudah berbeza berbanding

dahulu.

"Sekarang rakyat memang hidup susah. Kita lihat banyak kajian yang mendedahkan rakyat pada masa ini terbebani dengan kenaikan melambung kos hidup.

"Setiap minggu hari Rabu, orang akan fikir naik atau tidak harga minyak. Berapa banyak lagi kena belanja? Ini semua mendatangkan ketidaktentuan hidup rakyat.

"Perhatian paling utama rakyat adalah beban kos hidup. Kita mempunyai strategi tertentu untuk menyelesaikan isu kos sara hidup dan mereformasi institusi untuk memelihara rakyat bukannya menjaga Najib," tempelaknya.

Sehubungan itu, beliau menegaskan gerak kerja akar umbi adalah

Dr Rais Hussin



menyampaikan mesej PH menggunakan pendekatan yang tidak sukar difahami segera lapisan rakyat.

"Bila kita dapat menyampaikan hal ini secara yang mudah difahami rakyat, rakyat sekarang bukan macam dahulu. Dulu bolehlah bagi kain batik dan beras, semua okey," sinisnya merujuk kepada kelaziman Umno memancing undi.

Sebaliknya, kata Dr Rais, rakyat termasuk pengundi di Felda dan pedalaman sudah celik dan tahu tentang isu kos sara hidup tidak terkecuali pengundi di Grikk.

"Kalau dulu nak masuk kawasan Felda pun susah. Sekarang Alhamdulillah, keadaan sudah berbeza," tambahnya lagi.

Turut hadir sebagai ahli panel diskusi Muafakat Harapan yang disiar secara langsung di Facebook Live itu ialah Pengarah Komunikasi AMANAH Khalid Samad, Setiausaha Organisasi DAP Anthony Loke serta Ahli Parlimen Keadilan Kelana Jaya Wong Chen.

Saya wariskan Proton yang buat untung, kata Tun Mahathir

PUTRAJAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad mempertahankan projek kereta nasional, Proton yang dilancarkannya 3 dekad dahulu dengan berkata, penggantinya mewarisi sebuah syarikat menguntungkan, sebelum prestasi syarikat itu merosot disebabkan dasar dilaksanakan dua penggantinya.

"Dahulu projek untuk kereta nasional (mendapat) banyak duit hingga menyebabkan kita lakukan projek (membina kilang) di Tanjung Malim menggunakan wang sendiri, tanpa sebarang pinjaman dari bank atau bantuan kerajaan.

"Semuanya berjalan lancar di negara ini apabila saya melepas-

kan jawatan. Disebabkan itu, saya tunggu dan tidak melepaskan jawatan pada 1998, ketika kita hadapi krisis ekonomi.

"Saya tinggalkan negara dalam keadaan baik dan selepas dua (pemimpin) ini ambil, kita ada masalah," katanya merujuk penggantinya, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Najib Razak.

Proton ditubuhkan Dr Mahathir pada 1983 dan ia mula mengeluarkan kereta nasional pada 1985 untuk mencapai aspirasi negara perindustrian.

Syarikat itu pernah menguasai pasaran kenderaan tempatan dengan hampir 80% kereta penump-

“Banyak pengedar dan penjual kereta akan tutup kedai mereka kerana sudah diberikan arahan untuk mengurangkan kos sebanyak 30%...”

ang baharunya dijual.

Selepas persaraannya, Dr Mahathir dilantik sebagai pengurus Proton, tetapi beliau meletak jawatan pada Mac 2016 setelah meninggalkan Umno kerana tidak puas hati dengan pentadbiran Najib.

Tahun lalu, DRB-Hicom menjual 49.9% pegangannya dalam Proton kepada syarikat gergasi China, Zhejiang Geely.

Jualan Proton ketika ini turun

kepada 70,991 tahun lepas, berbanding 72,291 unit yang terjual pada 2016.

Mengulas lanjut, Dr Mahathir berkata, kegagalan Proton ada kaitan dengan pasaran automotif terbuka Malaysia dan beliau tidak menolak kemungkinan syarikat itu bakal ditutup atau bankrap.

"Banyak pengedar dan penjual kereta akan tutup kedai mereka kerana sudah diberikan arahan untuk

mengurangkan kos sebanyak 30%.

"Akhirnya, semua bahagian komponen akan diimport dari China, saya fikir inilah dasar Najib dan syarikat Proton ini tidak akan eksport kereta ke China, tetapi di Thailand dan Indonesia yang pasarnya tidak luas," katanya.

Pengerusi PH itu turut menjawab tuduhan Najib yang beliau mengabaikan pengangkutan awam kerana terlalu obses dengan Proton.

"Saya rasa dia sepatutnya lihat cermin dan bercakap dengan cermin kerana tidak ada sesiapa yang memahami logiknya," ujarnya dilapor FMT.

Status Nik Nazmi kekal, mahkamah kekal denda RM1,500

PUTRAJAYA: Mahkamah Rayuan 17 Jan lalu mengekalkan denda RM1,500 diputuskan Mahkamah Tinggi ke atas Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Seri Setia Nik Nazmi Nik Ahmad bagi kesalahan menganjurkan perhimpunan Black 505 tanpa permit pada 2013.

Panel tiga hakim terdiri daripada Datuk Wira Mohtarudin Baki, Datuk Yaacob Md Sam dan Datuk Abdul Karim Abdul Jalil sebulat suara menolak rayuan pihak pendakwaan untuk menaikkan jumlah denda itu.

Hakim Mohtarudin yang mempengerusi panel itu berkata tiada sebarang merit dalam penghujahan dikemukakan Timbalan Pendakwa Raya K. Mangai.

"Denda RM1,500 diputuskan Mahkamah

Tinggi tidak semestinya tidak memadai," katanya.

Beliau berkata Nik Nazmi, sebagai wakil rakyat yang dipilih tidak sepertutnya bertindak membela kangkan undang-undang.

Berikutnya keputusan mahkamah itu, Nik Nazmi layak untuk bertanding dalam pilihan raya umum ke-14 (PRU14) akan datang.

Kelayakan beliau untuk bertanding dalam PRU14 akan terlucut sekiranya denda dinaikkan kepada lebih RM2,000.

Perkara 64(1)(e) Undang-Undang Tubuh Negeri Selangor menetapkan seseorang itu lucut kelayakan sebagai anggota Dewan Undangan Negeri sekiranya beliau disabitkan kesalahan dan dijatuhi hukuman penjara bagi tempoh tidak

kurang daripada setahun dan didenda tidak kurang daripada RM2,000 tanpa mendapat pengampunan.

Nik Nazmi, 35, didenda RM1,500 atau penjara dua minggu jika gagal membayar denda itu oleh Mahkamah Tinggi di Shah Alam pada 8 Dis 2016 selepas beliau mengaku salah terhadap pertuduhan gagal memaklumkan ketua polis daerah Petaling Jaya dalam tempoh 10 hari sebelum menganjurkan perhimpunan di Stadium Majlis Perbandaran Petaling Jaya pada 8.30 malam pada 3 Mei 2013.

Beliau membayar denda itu.

Dalam hujahannya, Mangai mendesak denda itu dinaikkan kepada RM5,000 kerana mendakwa jumlah RM1,500 adalah tidak memadai dan kepentingan awam hanya ter-

pelihara sekiranya jumlah denda dikenakan berbentuk pengajaran.

Beliau berkata hakim Mahkamah Tinggi semasa mengenakan jumlah denda itu tidak harus menimbangkan sama ada Nik Nazmi, yang juga anggota majlis eksekutif Selangor akan kehilangan kerusi Dewan Undangan Negeri diwakilinya.

Peguam Syahredzan Johan yang mewakili Nik Nazmi pula berhujah hakim Mahkamah Tinggi telah mempertimbangkan semua faktor sebelum menjatuhkan hukuman ke atas Nik Nazmi.

Beliau berkata dengan mengaku ber salah terhadap pertuduhan itu, Nik Nazmi menerima hakikat bahawa beliau telah melakukan kesalahan dan mengakui kesila-puan dibuatnya.



MESRA... Mahfuz menyampaikan sumbangan kepada seorang penduduk di Bukit Lada



Pengerusi AMANAH Kedah Dr Ismail Mohd Salleh bertanya khabar pembeli dan penjaja dalam program 'walk-about' di Pekan Hari Kota Sarang Semut.



Khidmat pemeriksaan kesihatan aktivis AMANAH di pekan hari Kota Sarang Semut.



Ahli Parlimen Pokok Sena Datuk Mahfuz Omar bergambar bersama penduduk kampung di Bukit Lada.



Berbual mesra dengan seorang pesakit dalam program ziarah di Hospital Sultanah Bahiyah.



Menyusun gerak kerja di Pusat Daerah Mengundi (PDM) Taman Bersatu dalam Dun Pengkalan Kundor.

Menemui masyarakat di pekan Semut.

Pakatan Harapan Kedah bentuni rakyat



Perasmian bersama masyarakat Tionghoa di kota Sarang



Mengedar risalah tujuh tawaran Pakatan Harapan kepada pengunjung pekan hari.



Sebahagian hadirin pada program dialog dan sumbangan Pakatan Harapan Parlimen Alor Setar di Taman Saga, Alor Mengkudu.



Beratur menunggu giliran mendapatkan khidmat pemeriksaan kesihatan di pekan hari Kota Sarang Semut.



Presiden AMANAH Mohamad Sabu dipakaikan selendang oleh aktivis Pakatan Harapan kaum India dalam program lawatan di Langkawi.



Ketibaan Pengurus Pakatan Harapan Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali di Terminal Feri Langkawi disambut meriah penduduk Langkawi dan para pelancong.

Sikap anti Tun Mahathir dibidas

Kelolaan ARIF ATAN

RATA-RATA pimpinan Pemuda AMANAH membidas kelompok anak muda tertentu yang menolak pencalonan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri bahkan berkempen memboikot Pakatan Harapan pada pilihan raya akan datang.

Exco Pemuda AMANAH Nasional, **Zainal Lutfi Zainal Fitry** berpendapat desakan anak muda yang mahu suara mereka didengar termasuk menuntut calon Perdana Menteri lebih



Hasbie Muda

muda tanpa mengambil kira aspek merit adalah keterlaluan.

Walaupun

mengakui

pentingnya

suara anak

muda didengari tetapi ujarnya, tuntutan itu sukar dipenuhi jika anak muda sendiri tidak menunjukkan kredibiliti dan komitmen setanding dengan individu yang terbukti lebih jauh komited dan berpengalaman.

"Betullah, anak muda kena diberi peluang. Tapi tak semestinya anak muda terus naik atas macam orang yang dah berpuluhan tahun pengalaman.

"Sekarang ini kita duduk dalam dunia meritokrasi. Semua benda berdasarkan merit. Orang lama pun ramai yang rasional. Kalau nampak anak muda itu layak, mereka tidak teragak ambil kamu walaupun lagi muda dari mereka," katanya.

Sehubungan itu, Zainal mencabar kelompok anak muda yang tidak berpuas hati dengan pemilihan Tun Mahathir supaya membuktikan diri mereka lebih



layak menduduki jawatan nombor satu pentadbiran kerajaan itu.

"Kalau kamu semua boleh lawan kerja keras orang tua 93 tahun itu (Tun Mahathir) yang setiap hari ceramah, mesyuarat dari pagi sampai ke



Zainal Lutfi

tengah malam, bolehlah sembang pasal nak jadi calon PM (Perdana Menteri).

"Pakcik-pakcik dalam PH (Pakatan Harapan) ini pun kau kena belajar dulu cara mereka kerja. Pulun habis, berkorban, sanggup bersusah tanpa selalu merungut," ujar Ketua Penerangan Pemuda Pakatan Harapan Negeri Sembilan itu lagi.

Soal logik kumpulan yang melancarkan boikot Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) selain berkempen undi rosak melalui

media sosial turut mendapat perhatian Ketua Pemuda Pakatan Harapan Terengganu, **Hasbie Muda**.

Menurutnya, kelompok berkenaan sepatutnya berkempen untuk menumpaskan Tun Mahathir di kerusi yang ditandingi Pengurus Pakatan Harapan itu.

"Kalau mereka tak setuju dengan Tun M, kenapa mereka tak kempen untuk kalahkan Tun di kerusi yang Tun bertanding saja? Jangan boikot 221 orang calon PH di kerusi yang lain," tegasnya.

Hasbie juga menyarankan pihak terbabit meletakkan calon Bebas menentang Tun Mahathir memandangkan tindakan memulaukan keseluruhan Pakatan Harapan secara tidak langsung memberi ruang untuk rejim Umno-BN terus berkuasa.

"Kalau mereka kuat, letak calon Bebas lawan Tun M lagi bagus. Itu cara terbaik untuk sampaikan mesej mereka. Bukananya boikot PH sekaliguskekalkan Najib," jelas Ketua Pemuda AMANAH Terengganu itu lagi.



SANTUNI RAKYAT... Ketua Pemuda AMANAH Kedah, Asmirul Anuar beramah mesra dengan antara peniaga di Pasar Malam Kuala Kedah, 18 Januari lalu. Turut dibuka kaunter untuk pendaftaran keahlian AMANAH, semakan daftar pemilih dan kemaskini permohonan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M).

Boikot hanya untungkan BN

Tindakan kumpulan tertentu yang melancarkan kempen boikot pilihan raya hanya akan menguntungkan BN, kata Ketua Pemuda AMANAH Terengganu, Hasbie Muda.

Menurutnya, generasi muda sepatutnya berkerja lebih keras dan kreatif dalam menerajui gerakan perubahan selain mencadangkan calon lain sebagai Perdana Menteri.

"Bukannya mencari jalan mudah meraih perhatian dengan aksi protes dan boikot yang jelas menguntungkan rejim Umno.

"Jika mereka mahu calon lain jadi Perdana Menteri, elok mereka kempen habis-habisan 'calon' lain tersebut dan partinya," dipetik daripada kenyataan beliau di Facebook.

Beliau berkata, terdapat pelbagai

kemungkinan dan perubahan yang boleh berlaku daripada begitu berlebihan menolak pencalonan Tun Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri.

"Saya tidak faham bagaimana mereka terlalu takut dengan pencalonan Tun M sedangkan seribu kemungkinan masih boleh berlaku."

"Adakah Tun M pasti menang di kerusinya? Adakah PH (Pakatan Harapan) akan tetap calonkan Tun M jika kerusi (dimenangi) PPBM jauh lebih rendah berbanding parti lain?"

"Katakan jika PKR menang 45 kerusi dan PPBM sekadar 25, saya percaya bahawa suara mereka akan didengari sekaligus mendesak pimpinan PH agar keputusan awal dikaji semula," hujahnya lagi.

Buang binaan bahayakan nyawa



Hazmi menziarahi mangsa yang patah kaki dan mendapat rawatan di Hospital USM akibat dihempap struktur batu berlogo Pas.

KETUA Pemuda AMANAH Kelantan, Hazmi Hassan menggesa seluruh pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri itu membuang mana-mana struktur yang usang dan berisiko membahayakan keselamatan orang awam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas insiden murid Muhammad Alif, 12, di Bachok yang cedera dan patah kaki ditimpak dinding konkrit tertera logo Pas pada 19 Januari lalu.

Binaan batu setinggi kira-kira satu meter itu menghempap Alif yang sedang

menunggu bas sekolah untuk pulang ke pusat tafhib Ulul Albab di Bachok sejurus menunaikan sembahyang Jumaat.

Akibat binaan tanpa kerangka besi yang runtuh secara tiba-tiba itu, mangsa dikejarkan ke Hospital Universiti Sains Malaysia (USM) Kubang Kerian, Kota Bharu.

Mengulas lanjut tentang reaksi pemimpin Pas dan pihak berwajib, beliau memberitahu biarpun selepas empat hari nahas itu berlaku, wakil Majlis Daerah Bachok dan pemimpin Pas Kelantan tidak muncul men-

ziarai mangsa.

Hanya selepas insiden dialami Alif dihebahkan di Facebook, Ahli Parlimen Bachok, Ahmad Marzuk Shaary pada 23 Januari lalu menghubungi Hazmi bertanyakan tentang nombor telefon ibu mangsa.

Walhal, Hazmi sebelum ini memberitahu keluarga mangsa telah menghantar mesej memaklumkan kemalangan itu kepada pemimpin Pas berkenna tetapi tiada maklum balas dan tindakan sewajarnya.

Gaji graduan sengaja mahu di takuk 90-an?

Oleh ARIF ATAN

Buletin Utama TV3 baru-baru ini melaporkan tentang pengangguran graduan yang kyonnya berpunca kerana meminta gaji permulaan tinggi sehingga ada yang mencecah RM6,500.

Walaupun sepantas lalu angka itu dilihat tidak munasabah tetapi posisi yang diminta selain kelayakan dimiliki dan reputasi syarikat perlu diambil kira.

Dalam keadaan peluang kerja yang semakin terhad ketika wujud lambakan lepasan universiti di pasaran, pastinya majoriti mereka masih waras meletakkan angka gaji yang munasabah.

Daripada puluhan ribu graduan baharu berijazah, individu yang meminta gaji sehingga RM6,500 itu hanyalah kes terpencil.

Majoriti graduan memohon gaji sekitar lingkungan RM2,000 hingga RM3,000 sebulan bagi posisi eksekutif bahkan kurang daripada RM2,000 walaupun ada berpendapat dengan jumlah pendapatan itu lebih baik memandu Uber atau Grabcar.

Ini memandangkan kos sara hidup semasa tidak sama dengan situasi 10, 20 tahun lalu yang belum ada banyak lagi penarikan subsidi keperluan rakyat atas nama 'rasionalisasi' serta pelaksanaan rejim cukai menindas, GST yang tidak mengec-



alikan bayi yang baru pertama kali melihat dunia sekalipun.

Malangnya, dalam sebuah negara yang kerajaannya tidak pernah bertukar sejak merdeka, tangga gaji graduan masih tidak banyak berubah berbanding tahun 1990-an walaupun Najib Razak pada Invest Malaysia 2018 di Kuala Lumpur, 23 Januari lalu mendendangkan deretan fakta pertumbuhan ekonomi negara yang serba baik sepanjang pentadbirannya sejak 2009.

Rata-rata graduan pun sedar jika minta gaji lebih-lebih pasti berputih mata. Berbalik pada laporan berita dari media yang dikuasai Umno-BN itu, mesejnya seolah-olah graduan perlu akur untuk menerima gaji permulaan era masyarakat kita belum mesra dengan dunia internet dengan masih ramai menggunakan telefon awam dan bas mini!

Sikap sesetengah pekerja senior

yang turut mengecam graduan meminta gaji lebih tinggi dengan membandingkan mereka 10, 20 tahun lalu pula menggembirakan pihak majikan yang hanya tahu untuk memaksimumkan keuntungan.

Ironinya pula, TV3 di bawah *Media Prima* yang saban malam melaporkan keadaan ekonomi negara serba mantap dan berada di landasan terbaik pun berdepan masalah kewangan dengan khabarnya ratusan staf akan dibuang tahun ini.

Mencanangkan kyonnya graduan terlalu memilih kerja termasuk meletakkan paras gaji asas yang tinggi tidak lebih satu sindrom penafian di pihak kerajaan yang gagal menjadikan ekonomi semasa menyediakan banyak peluang pekerjaan.

Memaksa graduan menerima tangga gaji yang tidak jauh beza dengan graduan era 90-an bukti agihan kek ekonomi negara tidak adil biarpun Najib yang juga Presiden Umno melalui transformasi ekonomi tajaannya mendakwa sebanyak 2.26 juta pekerjaan diwujudkan antara 2009 dan 2016.

Walhal, kerajaan ketara gagal melak-

sanakan mekanisme untuk menangani ketidaksamaan sama ada dari segi pendapatan, pendidikan, pemilikan hartanah, pemilikan aset kewangan kalangan Bumiputera dan bukan Bumiputera.

Pakar ekonomi, Dr Muhammed Abdul Khalid turut pernah mengakui jurang pendapatan antara Bumiputera dengan Cina semakin melebar sejak 2009 dengan kebanyakan polisi terutama kepada Bumiputera lebih ke arah memberi projek dan kontrak kepada golongan usahawan.

Padahal, menurut penulis buku *The Colour Of Inequality* itu sebanyak 80 peratus orang Melayu makan gaji. Oleh itu, hasrat Najib yang mahu mencapai status negara berpendapatan tinggi hanya ke laut jika gaji graduan masih di takuk 1990-an.

Pada masa sama, isu pekerjaan dan gaji ini jugalah cabaran kepada Pakatan Harapan jika mendapat mandat di Putrajaya. Iltizam Pemuda Pakatan Harapan melalui tawaran utama mereka berkenaan pekerjaan, gaji dan kehidupan yang layak bukti masa depan graduan dan anak muda lebih terjamin dengan syarat mereka bersedia untuk melakukan perubahan di peti undi nanti.

Jauhi lupa prinsip demokrasi, keadilan

Catatan Pengingat Buat Kawan dan Lawan bukan sekadar catatan suka-suka. Tujuh topik catatan pengarangnya, Azmi Sharom dimulai tentang undang-undang diikuti perkauman, demokrasi serta ahli politik dan parti-nya bukti pensyarah Universiti Malaya (UM) ini bukan main-main meskipun penyampaiannya ringan.

Buku terbitan ZI Publications tahun 2011 ini sebenarnya himpunan 50 rencana terpilih Azmi terjemahan daripada bahasa Inggeris seawal tahun 2006 yang turut membicarkan idea tentang kebebasan, dasar-dasar negara dan universiti.

Bagi pensyarah di Fakulti Undang-undang UM berkenaan, gagasan tentang hak asasi manusia, faham keperlembagaan dan kedaulatan undang-undang melalui sejumlah artikelnya di akhbar The Star ekoran sukarnya menembusi akhbar berbahasa Melayu.

Justeru, buku yang mengajak masyarakat sedar tentang prinsip



kehidupan bernegara dengan cuba melawan eksplorasi dan proses pembodohan elit penguasa di negara ini harus ditelaah oleh mahasiswa apa lagi lahir daripada seorang ahli akademik sendiri.

Dwi-peranan Azmi yang juga sebagai peguam meletakkan prinsip keadilan dan kesaksamaan dalam setiap artikelnya hatta apabila menyentuh Pilihan Raya Kampus (PRK). Tegas menyifatkan AUKU sebagai drakonian, beliau dalam salah satu artikelnya mengkritik proses PRK yang mengenakan pelbagai peraturan tidak munasabah, melerang mahasiswa membentuk pakatan-pakatan rasmi sekali gus mempersenda gagasan tentang demokrasi tulen.

Usaha pengarang merakyatkan nilai *constitutionalism* dalam masyarakat dengan hujah rasional terhadap isu-isu semasa wajar dicontohi generasi pelapis dunia akademik biarpun bagi pihak yang mala berfikir akan pukul rata mendakwa sebagai pekat liberal.



hujah rasional terhadap isu-isu semasa wajar dicontohi generasi pelapis dunia akademik biarpun bagi pihak yang mala berfikir akan pukul rata mendakwa sebagai pekat liberal.

Sepintas

Tidak buang masa

Minat, kesungguhan dan tidak suka membuang masa menjadi prinsip Pensyarah Penyelidikan Universiti Oxford, Dr Masliza Mahmood, 45.

Ketua Kumpulan Penyelidikan Klinikal, Pusat Penyelidikan Resonans Magnetik Klinikal (OCMR), Bahagian Perubatan Kardiovaskular universiti terkenal itu dilapor sebagai anak Malaysia pertama mengungguli bidang kardiovaskular.

Penerima Anugerah Pensyarah Penyelidikan itu memperoleh geran RM16 juta untuk kajian berkaitan penggunaan ubat baharu yang dijangka lebih baik bagi merawat tahap kesihatan pesakit akibat kegagalan jantung.

Beliau berupaya menamatkan pengajian doktor falsafah (PhD) di universiti tersebut hanya dalam tempoh kurang tiga tahun bahkan tesis anak kelahiran batu Pahat, Johor ini menjadi rujukan pelajar kedoktoran lain.

Kelas pintar UTHM

Murid Islam sepatutnya mempelajari adab melalui Pendidikan Islam dengan mengubah kaedah pengajaran lebih kepada pemahaman dan amalan, kata Ketua Kluster Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan, Majlis Profesor Negara.

"Persoalannya, sejauh manakah mereka diajar akhlak melalui pelajaran Tauhid, Fekah, al-Quran, atau Hadis? Mampukah mereka menjadi insan yang baik?" ujarnya dipetik daripada tulisannya, 25 Januari lalu.

Beliau berpendapat pembentukan akhlak dan pendidikan moral penting bagi supaya murid boleh menjalani kehidupan dalam masyarakat berbilang kaum di negara ini dengan menghayati nilai murni dan nilai sosial.

Kelas pintar UTHM

Kedatangan Revolusi Industri 4.0 yang melalui penciptaan robot terutama dilengkapi dengan kecerdasan buatan (AI) mampu mencabar manusia termasuk kehilangan pekerjaan, kata Nurhuda Hazirah Kamaruddin.

Sehubungan itu, penuntut Pentadbiran Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia itu berata, generasi muda perlu mempersiapkan diri dan negara dengan kemunculan era tersebut supaya seiring dengan kemajuan dunia.

"Namun, kita haruslah bijak menangani segala kemungkinan yang akan berlaku susulan revolusi ini dengan bersedia bersama perancangan yang terperinci," dipetik daripada artikelnya baru-baru ini. lalu.

Pilihan raya paling epik

BEBERAPA hari lalu Lim Guan Eng menyifatkan PRU14 akan datang sebagai ibu segala pilihan raya. Beberapa bulan lalu selepas pembentangan Bajet 2018, Najib Razak juga menyifatkan PRU14 sebagai ibu segala pilihan raya. Ia turut diulas sama oleh Zahid Hamidi dan Shahrizat Jalil tidak lama kemudian.

Menurut carian Google pula, lebih kurang lima tahun lalu, Muhyiddin Yassin, Salahuddin Ayub dan Wan Saiful Wan Jan (sekadar menyebut beberapa nama) pernah pula menyifatkan PRU13 sebagai ibu segala pilihan raya. Mujur juga Pilihan Raya Kecil (PRK) 2008 Permatang Pauh dahulu hanya digelar sebagai ibu segala pilihan raya kecil.

Tidaklah pasti berapa kali sebelum ini kita pernah mendengar ayat tersebut dirujuk kepada satu-satu pilihan raya yang bakal berlangsung. Mungkin PRU15 akan datang, kalau Pakatan masih belum menembusi pagar masuk Putrajaya sebagai kerajaan, ia juga akan digelar sebagai ibu segala pilihan raya.

Letak tepi dahulu sebarang ayat retorik untuk menunjukkan betapa penting dan signifikannya sesuatu pilihan raya oleh pemimpin politik, hampir pasti selagi

Umno-Barisan Nasional masih berkuasai setiap pilihan raya adalah ibu segala pilihan raya. Sekurang-kurangnya untuk PRU14 akan datang ini, yang saya pasti ia adalah PRU paling epik sekali bakal kita lalui semenjak 1999.

Epiknya PRU14 ini datang dalam pelbagai bentuk. Seperti yang saya tulis minggu lalu, semenjak riak-riak pilihan raya semakin kelihatan, pelbagai drama mulai muncul. Semuanya serba tidak kena. Drama-drama pilihan raya inilah yang menjadikan PRU14 akan datang cukup epik, bukan sahaja buat Pakatan Harapan, juga buat Umno Barisan Nasional.

Buat gabungan pembangkang yang kini mengusung nama Pakatan Harapan, kehilangan Pas sebagai rakan kongsi dalam pilihan raya buat pertama kali sejak 1999 sendiri sudah cukup besar tanda dan maknanya.

Situasi ini bukan situasi yang biasa dilihat dan dialami oleh Pakatan. Situasi ini



ADAM ADLI

universiti
ketiga

sendiri sudah meletakkan Pakatan dalam keadaan serba tidak kena. Pas bukan sahaja menarik diri daripada pakatan pembangkang, malah dalam nampak tidak nampak, menjalinkan hubungan politik yang kompleks dan rumit bersama Umno.

Pas biarpun bukan parti penguasa, tidak pula kelihatan seperti sebuah parti pembangkang. Malah dalam banyak situasi, Pas dilihat megah dapat duduk bersama Umno. Umno yang bukan main garang apabila berhadapan dengan Pakatan Harapan, ikut tersipu-sipu apabila berhadapan dengan Pas. Gayanya seperti orang yang baru bertunang, menunggu hari untuk menikah. Maka tidaklah salah kalau orang mempertikaikan kedudukan Pas dalam spektrum politik kita.

Maka datang PRU14 akan datang, beta-pa epiknya buat kita kelak untuk melihat bagaimana agaknya apabila memandang Pas sebagai musuh persaingan, bukan teman seperjuangan buat kali pertama. Benar, kita sudah mengutip pengalaman berhadapan Pas dan Umno bersekali dalam PRK Sungai Besar dan Kuala Kangsar namun ia sama sekali tidak sama dengan PRU. PRU berlangsung di seluruh

negara, dan melibatkan seluruh warga. Jurukempennya bukan lagi handalan politik dari luar, melainkan jiran tetangga dan adik-beradik sendiri juga.

Tidak kurang epiknya juga apabila untuk pertama kali pula, undi rosak mulai dianggap sebagai pilhan politik. Malah, seminggu dua ini sahaja, tidaklah mampu kita lari daripada mendengar orang membincangkan tentang undi rosak, terutama dalam kalangan anak muda yang lama melepak dalam lapangan politik. Biarpun kempennya mungkin hanya ikut rancak di bandar-bandar besar dan dalam kalan-gan individu yang sama sahaja, tidak sedikit impak yang ditinggalkan. Untuk seminggu dua ini sahaja, anak-anak muda dari parti politik pening kepala memikirkan kempen balas ke atas panggilan undi rosak tersebut.

Keadaan serba tak kena dalam PRU14 inilah yang bakal menjadikannya sebagai pilihan raya paling epik setakat yang pernah tercatat. Dan tentu sekalilah, antara yang paling epik sekali adalah dalam PRU yang akan datang ini, rakyat diminta buat pilihan yang tidak pernah terfikir selama ini – mengembalikan Dr Mahathir ke tumpuk kuasa. Tidak cukup epik lagikah?

PRU untuk 'reset' dan 'jumpstart' negara

Oleh ZIN MAHMUD

SISTEM demokrasi berparlimen dengan pelbagai parti memberi peluang kepada rakyat untuk melakukan "reset" atau perbetulkan kembali apa-apa perkara yang dirasa tidak betul setelah berlalu satu penggal pentadbiran.

Setiap pilihan raya umum (PRU) mempunyai cabaran unik masing-masing yang muncul daripada perkembangan yang berbeza. Perkara ini dapat dilihat sejak PRU yang pertama iaitu pada 1955 sebelum Malaya mencapai kemerdekaan diikuti dengan tahun 1959.

Sementara PRU pertama sejak Malaysia ditubuhkan diadakan pada 1964, 1969, 1974, 1978, 1982, 1986, 1990, 1995, 1999, 2004, 2008, 2013 dan selanjutnya dijangka berlangsung pada tahun 2018 ini.

Setiap PRU menghadapi cabaran yang berbeza walaupun ia merupakan hanya sepenggal lalu. Umpamanya PRU 2018 adalah jelas berbeza dengan apa yang berlaku pada 2013.

Harapan untuk rakyat melakukan "reset" juga tidak semestinya berlaku pada setiap pilihan raya. Hanya bagi tahun-tahun PRU tertentu keperluan untuk melakukan "reset" adalah diperlukan. Apa yang dimaksudkan dengan "reset" di sini ialah suasana untuk memberi pembaharuan kepada negara serta "semangat baharu" pada rakyat untuk memulakan kembali perjalanan atau "jumpstart" negara.

Jadi jika dilihat sejarah PRU negara

ini, tahun-tahun yang dianggap sebagai PRU untuk "reset" berlaku pada 1955, 1959, 1964, 1969, 1974, 1982, 1990, 1999 dan 2008.

Tahun 1955 adalah penetapan bakal kerajaan yang membawa Malaya kepada kemerdekaan. Pada 1959 pula ialah penetapan negara Malaya yang hendak dibentuk. Tahun 1964 menentukan Malaysia yang macam mana. Pada tahun 1969 negara menyaksikan rasa tidak puas hati rakyat yang mahukan pembaharuan dalam bidang ekonomi, sosial dan budaya. Ketika itu rakyat mahukan perdana menteri baharu.

Tahun 1974 di bawah Barisan Nasional (BN), dengan Dasar Ekonomi Baru membawa hala-hala baharu negara. Pada 1982, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membawa "reset" pada negara. Tetapi beliau menghadapi cabaran bagi "reset" baharu dalam PRU tahun 1990 dengan pihak pembangkang yang diketuai oleh Tengku Razaleigh Hamzah. Sekali lagi beliau menghadapi cabaran "reset" baharu dalam PRU tahun 1999 dalam bentuk gerakan Reformasi pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Hasil cabaran untuk "reset" ini lebih jelas dalam PRU tahun 2008 dan daripadanya tertubuh Pakatan Rakyat.

Tetapi pada 2018 ini, Pakatan Rakyat sudah tidak ada. Sebuah parti penting Pakatan Rakyat juga iaitu PAS menubuhkan pakatannya sendiri bernama Gagasan Sejahtera yang banyak pihak dalam kalangan pembangkang hanya melihatnya sebagai tindakan untuk memecah

undi penentang Barisan Nasional bagi membolehkan Umno terus menguasai kerajaan.

Tetapi Pas dan BN pada 2018 ini sudah berbeza dan berubah. Pakatan Harapan (PH) yang dilihat sebagai pewaris Pakatan Rakyat juga sudah berlainan. PH bukan Pakatan Rakyat seperti mana Pas dan BN 2018 tidak sama dengan parti itu pada 2013.

Nama saja sama tetapi ia berbeza kerana dalam politik, pelakunya sudah berubah. Bukan saja manusia berubah tetapi suasana politik juga berbeza.

"Reset" yang hendak dilakukan oleh PH juga sudah berbeza.

Apa yang membuat Pas tahun 2013 dan 2018 berbeza adalah kerana golongan progresif sudah tiada dalam parti itu. Mereka sudah berada dalam AMANAH.

Begitu juga dengan BN tahun 2013 adalah berbeza dengan apa yang ada sekarang. Tun Dr Mahathir dan Tan Sri Muhyiddin Yassin sudah tidak bersama Umno. Sememangnya PPBM hanyalah parti kecil berbanding dengan Umno. Begitu juga AMANAH adalah kecil berbanding Pas. Tetapi Umno sudah tidak sama tanpa Dr Mahathir. Begitu juga Pas tidak serupa tanpa Mohamad Sabu, Khalid Samad dan lain-lain.

DAP dan PKR tahun 2018 bagaimanapun adalah masih sama. Tetapi PH adalah berlainan daripada Pakatan Rakyat. Kehadiran Dr Mahathir dan PPBM dalam PH di samping adanya AMANAH yang sosoknya berbeza daripada Pas ketika

Pakatan Rakyat dulu membuatkan harapan untuk "reset" dalam PRU 2018 berbeza dan memberi dimensi baharu kepada Malaysia. Iaitu dalam bentuk bahawa rakyat dahagakan pembaharuan dan semangat untuk "jumpstart".

Dua pemimpin utama PH iaitu Dr Mahathir dan Anwar walaupun pada suatu waktu dulu pernah menjadi pemimpin utama Umno, BN dan Malaysia adalah juga tidak sama.

Suasana politik menuntut perubahan yang pelbagai dimensi. Begitu juga dengan pengundi. Walaupun ada antara mereka yang merupakan penyokong tegar sebuah parti atau fahaman, tetapi dalam masa satu, atau lebih daripada 2 penggal, undi mereka juga boleh berubah.

Lebih-lebih lagi dengan adanya media sosial, semuanya menjadikan "reset" dan "jumpstart" boleh berlaku dengan lebih cepat dan mendadak, berbanding tahun 1974 atau 1982 yang ketika itu penyebaran maklumat hanya berlaku melalui radio, televisyen dan akbar yang dikuasai oleh kerajaan.

Namun amalan birokrasi lambat hendak berubah walaupun tuntutan daripada teknologi pasti memaksa pembaharuan. Dr Mahathir mengadu mengenai ketiadaan jawapan daripada Pendaftar Pertubuhan (ROS) mengenai permohonan pendaftaran Pakatan Harapan sedangkan PRU14 semakin hampir.

BERSAMBUNG KE MUKA 21...

Menonton filem Ranjau adaptasi Kemboja

MINGGU lepas Seniman Paksi Rakyat (Paksi) bersama Institut Darul Ehsan (IDE) telah memulakan siri program apresiasi karya Sasterawan Negara, yang dirancang untuk dibuat pada setiap bulan sepanjang 2018, bertempat di IDE, Shah Alam. Terima kasih Mohd Nasser Mohamed yang mencetuskan idea ini dan menguruskan pelaksanaannya juga.

Program apresiasi atau mengikut Mohd Nasser dinamakannya program Mengimarah Sasterawan Negara ini, dibuat dalam tiga sesi. Dan Sasterawan Negara yang pertama dipilih untuk program ini ialah Shahnon Ahmad.

Pada 17 Januari 2018, Rabu, mulai jam 2.30 petang, bermula dengan sesi pertama, Wacana Pemikiran Shahnon Ahmad, dibicarakan oleh Hasni Abas dan Dr Awang Azman Awang Pawi. Diikuti dengan pengisian secebis peristiwa dari pengalaman seorang aktivis seni-budaya yang pernah berurusan dengan Shahnon. Aktivis tersebut ialah Shirley Idris, Presiden Ikatan Kopi Sastera (Ikosas), Pulau Pinang.

Program Mengimarah SN ini disambung pula dengan sesi kedua pada malamnya: Baca Puisi Bumbung, iaitu program baca puisi bulanan Paksi dan IDE yang telah dimulakan akhir 2016 dan dihentikan semestara pada pertengahan 2017, dan kini diaktifkan semula. Dinamakan Puisi Bumbung kerana ia dibuat di aras bumbung bangunan IDE, iaitu di atas aras tiga.

Namanya Puisi Bumbung, tetapi tidaklah semuanya baca puisi sahaja. Oleh kerana Shahnon adalah pengarang novel dan cerpen, maka turut dibacakan petikan-petikan daripada novel-novel dan cerpen-cerpennya juga.

Sesi ketiga dibuat pada hari Sabtu 20 Januari: Bicara Filem. Filem pertama yang dipilih bagi memulakan sesi Bicara Filem @ IDE ini ialah adaptasi terhadap novel 'Ranjau Sepanjang Jalan', yang dibuat oleh seorang pengarang Kemboja yang bergiat di Perancis, Rithy Panh. Filemnya diberi judul "The Rice People".

Filem ini sangat menarik. Pertamanya kita melihat masyarakat yang diceritakan itu atau digambarkan di dalam filem ini bukan lagi masyarakat Melayu beragama



Dr Awang Azman, Mohd Nasser, Shirley Idris dan Hasni Abas.

Islam seperti yang diceritakan oleh Shahnon, tetapi sudah diubah menjadi masyarakat Kemboja yang beragama Buddha. Latar tempatnya pula ialah suasana kampung petani di Kemboja.

Maka persoalan percaya kepada nasib yang sudah ditentukan oleh takdir yang menjadi pegangan hidup Lahuma dan Jeha di dalam novel RSJ itu tidak timbul di dalam filem ini.

RSJ pada umumnya ialah cerita manusia berhadapan dengan alam. Dan alam yang diceritakan oleh Shahnon di dalam novel RSJ ialah sawah padi. Dan alam sawah padi yang terdapat di Kedah ialah alam yang luas saujana pandangan.

Saya masih ingat lagi sewaktu menonton filem 'Ranjau Sepanjang Jalan' arahan Jamil Sulong dulu, seperkara yang saya kurang puashati ialah sawah padinya yang tidak luas; tidak seperti yang selalu dikenali umum di Kedah. Saya lahir di sebuah kampung di tengah-tengah alam sawah padi di Kedah yang luas terbentang saujana mata memandang. Apabila menonton sawah padi yang lanskapnya tidak luas, ia tidak memberi impak seperti yang sepatutnya. Itu yang sangat terkesan pada saya.

Seperti yang dibicarakan oleh A Wahab Hamzah dalam sesi perbincangan selepas menonton filem 'The Rice People' itu, gambaran lanskap adalah suatu yang penting di dalam filem. Ia boleh memberi atau menyampaikan kesan yang dikehendaki oleh cerita berkenaan.

daki oleh cerita berkenaan.

Keindahan alam luas saujana mata memandang di sawah padi itu memang tidak digambarkan dalam kedua-dua filem, arahan Jamil Sulong mahupun arahan Rithy Panh. Soalnya bukan keindahan, tetapi kesan daripada lanskap itu.


Apabila ditunjukkan keluarga Lahuma di sawah, ketika membajak atau menuai, kelebihan begitu ramai orang yang sedang bekerja di sawah itu, sebagai latar. Saya tertanya-tanya mengapakah diperlukan orang yang ramai begitu? Padahal di dalam novel RSJ tidak digambarkan demikian. Yang digambarkan di dalam novel adalah sebaliknya.

Hal ini ada hubungannya juga dengan gambaran suasana kampung. Kampung dalam 'The Rice People' bukanlah kampung sepertimana yang digambarkan oleh Shahnon dalam novelnya. Lahuma tidak tinggal bersebelahan rumah dengan ramai jiran-jiran di dalam kampungnya.

Walaupun terdapat banyak suasana kampung di negara ini yang mempunyai rumah-rumah berdekatan, tetapi Shahnon tidak bercerita demikian. Shahnon memilih suasana yang agak terpencil bagi keluarga Lahuma-Jeha dan anak-anak perempuannya. Ada sebab kenapa Shahnon memilih demikian.

Shahnon sengaja memilih untuk bercerita mengenai manusia dan hubungannya dengan anasir-anasir alam yang sentiasa mencabar dan menguji hidupnya

TEKAD BUDAYA DINSMAN



dan keluarganya. Maka sengaja dikurangkan kehadiran ramai manusia di dalam RSJ. Lahuma dan Jeha diletakkan dalam suasana yang agak terpencil daripada manusia-manusia lain, hingga hubungan mereka dengan alam itu menjadi lebih dekat. Mereka benar-benar dikelilingi oleh alam.

Samada pengaruh 'The Rice People' kurang menyedari perkara ini atau dia sengaja memilih untuk membuat gambaran yang sedikit berbeza kepada watak utama filem adaptasinya ini. Mungkin itu baginya lebih sesuai dengan masyarakat Kemboja.

Tetapi bagi saya, walaupun telah lama membaca novel RSJ, kesan keterpencilan keluarga Lahuma itu masih melekat dalam ingatan. Dan ini adalah kejayaan pengarang novel ini. Dengan gaya penceritaannya yang tersendiri, pengulangannya, dan pelukisan yang sengaja dilebih-lebihkan, dia berjaya memberi kesan yang mendalam ke hati pembaca.

Pengaruh filem "Dia Ibuku" Yassin Salleh yang turut hadir menonton juga menyatakan kesan yang sama. Proses Jeha menjadi gila akibat kematian Lahuma itu, katanya, terasa agak mendadak. Hanya ditunjukkan dia pergi minum arak di kedai bersama sekumpulan lelaki, dan pulang dari situ kemudian dia digambarkan mulai gila.

Adegan Jeha datang ke kedai dan minum arak itupun sangat janggal bagi budaya hidup di kampung kita; dan saya kira amat tidak sesuai dengan semangat novel Shahnon. Tetapi pengaruh filem tentulah punya kebebasan dan kewajarannya sendiri untuk berbuat demikian. Kita hormati hak kebebasannya itu.

Dan saya sekadar menyatakan kesan yang saya alami sewaktu menonton. Walau apapun, kita berterima kasih kepada pengaruh dari Kemboja ini, yang memilih novel hasil karya pengarang Malaysia untuk menjadi asas pembikinan filemnya. Barangkali ini novel kita yang pertama difilemkan oleh pihak luar.

PRU untuk 'reset' dan 'jumpstart' negara

DARI MUKA 20...

JENTERA kerajaan dalam demokrasi berparlimen dengan pelbagai parti berperanan supaya sistem ini dapat berlangsung dan bergerak secara berkesan untuk kepentingan rakyat dan negara. Institusi seperti Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan ROS adalah antara lain untuk memudahkan supaya parti politik dapat ditubuhkan dan bergerak serta mengambil bahagian dalam proses demokrasi. Institusi SPR dan ROS adalah penting dalam kehidupan berdemokrasi.

Dr Mahathir mahukan supaya PH

didaftarkan dengan satu lambang bagi mewakili PPBM, PKR, AMNAH dan DAP seperti mana BN menggunakan satu logo. Usaha keras untuk tujuan ini menjadikan PRU14 kali ini juga berbeza.

Dalam sejarah Malaya dan Malaysia, sukar untuk pihak pembangkang mendaftarkan gabungan mereka. Sememangnya mudah bagi Perikatan dan BN. Perikatan didaftarkan pada 30 Oktober 1957. Sementara BN ditubuhkan pada 1 Januari 1973 dan didaftar pada 1 Jun 1974. Ketika itu Umno yang berkuasa.

Tetapi pada awal kemerdekaan dulu, ia masih mudah untuk menubuhkan

gabungan. Parti Rakyat Malaya (PRM) dan Parti Buruh Malaya (LPM) mengisyaratkan penubuhan Front Sosialis Rakyat Malaya (SF) pada hari merdeka, 31 Ogos 1957 dan berjaya mendaftarkannya pada 29 Julai 1958. Tidak sampai setahun.

Selepas itu tiada usaha parti-parti pembangkang untuk menubuhkan gabungan yang berjaya, atas pelbagai sebab. Daripada Harakah Keadilan Rakyat (HAK) (1986), Angkatan Perpaduan Ummah (1990), Gagasan Rakyat (1990), Barisan Alternatif (1998) dan Pakatan Rakyat (2008).

Maka perasaan sebahagian rakyat untuk melakukan "reset" dan "jumpstart" bukan setakat berkaitan dengan klep tokarsi atau mediokrasi pada Barisan Nasional. Juga bukan setakat nilai yang pernah diperjuangkan dalam gerakan Reformasi pada tahun 1999 yang menentang korupsi, kolusi dan nepotisme.

Tetapi untuk "reset" ini ialah tuntutan untuk melaksanakan sebuah negara demokrasi berparlimen yang meletakkan negara ini normal, maju dan memberikan keselesaan hidup pada rakyatnya.

Yang corot dan yang dominan dalam PH Perak

BEBERAPA hari yang lepas, saya diajak untuk membaca sebuah posting dalam media sosial. Oleh kerana nama saya di'tag' dalam postingnya, maka pintu 'rumah' saya diketuk berkali-kali. Khabarnya, ada 'maklumat' panas tentang Pakatan Harapan (PH) Perak.

Sudah beratus-ratus di'likes', di'share' dan kemudian disiarkan oleh akhbar politik di talian. Selanjutnya merebak menjadi bualan yang langsung tidak membina negara. Orang kampung kata 'buang beras'.

Ia tentang pembahagian kerusi di kalangan PH di Perak. Tajuknya, 'DAP mendominasi PH Perak. AMANAH pula di tempat corot'.

Headline atau tajuk berita itu sendiri mempunyai motif negatif dan mengajak pembaca mengikut acuan yang dikehendaki. Tajuk itu sudah ada unsur propaganda dan provokasi. Pemilihan terma 'dominasi' dan 'corot' bukan kebetulan tetapi adalah usaha pemberian doktrin kepada pembaca. Manakala DAP dan AMANAH menjadi objek utama untuk 'dikerjakan' sebaik-baik yang mungkin demi kepentingan tertentu.

Memang jika dilihat dari 'maklumat' yang dihuraikan dalam tulisan itu dengan pemilihan terma propaganda dan provokasi tertentu, ia akan menguak emosi sekutika. Sayangnya 'maklumat' yang dihuraikan itu adalah mentah dan lebih bersifat imaginasi. Eloq renungi puisi Usman Awang yang bertajuk 'Melayu' yang berbunyi:

Berbuahlah pisang tiga kali
Melayu itu masih bermimpi
Walaupun sudah mengenal universiti
Masih berdagang di rumah sendiri

Memang jika seseorang melihat dari segi kuantitatif dan berfikir selapis, cepat membuat rumusan bahawa 18 lebih besar daripada 15 dan 15 lebih besar daripada 10. Itu memang saya tidak menafikan rumusan sebegitu sekiranya diandaikan politik itu semata-mata matematik.

Politik itu logik. Politik itu rasional. Politik itu lebih kurang seperti menonton hikayat ringan sambil makan kunyah 'pop corn'. Hoi! Politik tidak semudah itu untuk difahami dan difikirkan, kawan.



PENDAPAT
DR MUHAMMIN SULAM

SENI BERGAUL

Secara skema akademiknya, politik itu adalah suatu tatacara mempengaruhi sesuatu kelompok bagi mendapat kuasa untuk memerintah sesuatu kelompok, wilayah atau tempoh tertentu. Menurut Johannes Althusius politik itu adalah seni bergaul dengan manusia. Mao Tze Tung pula berkata, kuasa politik ditegakkan dengan kotak senjata dan Francis Bacon menyebut pula bahawa ilmu pengetahuan adalah kuasa. Bahkan ada berkitab-kitab menimbun menceritakan makna politik dan kuasa yang tak akan terkhatam oleh pemilik akal yang sendat dan singkat.

Aristotle mengajar kita tentang konsep manusia lahiriahnya sebagai haiwan politik. Mereka tinggal bersama atas sebab yang dipersekutui bersama bagi mencapai kehidupan yang sejahtera. Lalu terbentuklah budaya bersama-sarakan yang memastikan segala tujuan kehidupan dapat tercapai. Wujudnya kelompok yang ditadbir dan pentadbir. Kedua-dua kelompok sama penting tetapi berbeza peranannya. Sekiranya pentadbir dikuasai iblis, mementingkan kelompok sendiri, itulah petanda kehancuran masyarakat. Masyarakat juga akan hancur jika golongan yang ditadbir bersikap mementingkan dirinya sendiri.

DAP DOMINAN

Sejarah DAP dominan di Perak sebagai parti pembangkang bukanlah sejak dua tiga pilihan raya umum kebelakangan ini. Kerusi yang DAP bertanding di Perak adalah kerusi yang majoritinya pengundi majoriti bukan Melayu. Mengambil kira kemungkinan perempadian semula dalam pilihan raya umum ke-14 (PRU14) ini, perkiraan tersebut mungkin sahaja boleh berubah. Tarikh penamaan calon masih jauh lagi. Ada seribu satu kemungkinan yang akan berlaku.



“ Penghakisan politik perkauman dan keagamaan bukan kerana kaum dan agama sudah tidak penting. Masyarakat mula sedar wujudnya pihak yang berlindung di sebalik kepentingan kaum dan agama.”

Kiranya dominasi DAP adalah suatu ancaman pada keamanan rakyat di Perak, apakah pengundi di Perak berani memilih DAP sebagai parti pilihan mereka? Mengapa pengundi di 18 Dewan Undangan Negeri (Dun) memberi sokongan kepada DAP dalam dua kali pilihan raya lalu? Apakah DAP menggunakan ilmu hitam sehingga pengundi tidak punya akal sihat untuk membuat keputusan yang waras?

DAP semakin dominan kerana 'gerrymandering' SPR telah menghimpunkan pengundi DAP dalam karung yang sama. Dalam kondisi kecenderungan pengundi Cina yang masih bersama pembangkang, DAP terus memiliki keistimewaan yang diperolehi dari sistem pilihan raya negara kita. DAP dibarkan dominan (dalam pembangkang) untuk kekal menjadi hantu bagi menakut-nakutkan pengundi yang miliki emosi melebihi akal. Saya fikir, DAP tidak selama-lama dijadikan hantu yang langsung tidak menguntungkan politik mereka.

LANDSKAP POLITIK

Situasi landskap politik negara sudah banyak berubah. Politik perkauman dan sentimen keagamaan tidak lagi satu-satunya

tiket untuk mendapat sokongan politik. Tanpa menafikan kedua-dua pendekatan masih wujud dalam masyarakat namun kadarnya sudah banyak terhakis.

Penghakisan politik perkauman dan keagamaan bukan kerana kaum dan agama sudah tidak penting. Masyarakat mula sedar wujudnya pihak yang berlindung di sebalik kepentingan kaum dan agama.

Hari ini DAP lebih terbuka dan ramai orang Melayupun menyertai dan ada yang menjadi pemimpinnya. DAP terpaksa menerima hakikat bahawa mereka tidak boleh berjuang sendirian untuk berperanan lebih dalam negara demokratik ini. Sebagaimana parti-parti lain juga berpandangan sama.

Zaman 'big brother' sudah berlalu. Mana-mana parti sekali pun samada dalam PH, BN atau Gagasan Sejahtera usah mendabik dada konon 'pemegang kunci surga'. Hegemoni politik yang dinikmati oleh Umno selama ini dimusnahkan sendiri oleh pemimpin-pemimpin mereka. Parti yang berlagak memiliki 'dragon ball' akan memusnahkan kekuatan dirinya kerana terperangkap dengan minda tahuyl. Didodoi mimpi panjang yang tiada kesudahannya.

AMANAH dikatakan tercorot dalam pengagihan kerusi di Perak

kerana hanya diperuntukan 13 kerusi saja. PPBM dan Keadilan masing-masing memiliki 14 kerusi. Sebaliknya semasa Pakatan Rakyat dahulu Pas memperolehi 22 kerusi, manakala Keadilan dan DAP bertanding di 19 dan 18 kerusi.

Hujah itu kelihatan agak munasabah untuk AMANAH kecewa untuk menjadi gah seperti Pas yang mampu bertanding hingga 59 kerusi di Perak. AMANAH Perak rasanya tiada kudrat segah Pas Perak yang bersemangat kental itu. AMANAH tidak perlu sebiji menjadi Pas. Ada eloknya difikirkan tentang kewajaran analogi 'kecil-kecil cili api'. Begitulah juga dalam politik yang serba memungkinkan. Perlu berfikir secara 'kuih lapis', jangan berfikir lurus bendul.

TUGAS NASIONAL

Berbalik kerja sebagai penulis. Kerja menulis adalah tugas nasional. Dalam konsep yang lebih luas ia adalah ibadah. Tulisan seharusnya membina dan membangkitkan martabat akal dan mengelakkan diri diperhamba dengan kebodohan diri sendiri dan kejahatan sang cerdik pandai.

Kita tidak perlu bersikap neutral bagi mempamerkan keegoan sarkas. Sebagai penulis, kita ada idea dan pendirian sendiri. Pertahankan pendirian tanpa memperbodohkan pembaca.

Posting sebegitu hanyalah suatu gerakan mendodoi orang Melayu agar terus tidur nyenyak. Bangkitlah!

Dr Muhammin Sulam ialah Naib Pengerusi AMANAH Perak.

PH Johor yakin tawan Pulai

PULAI: Pakatan Harapan (PH) Johor yakin dapat menawan kerusi Parlimen Pulai daripada BN berdasarkan pengaruh Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tan Sri Muhyiddin Yassin di negeri ini.

Pengarah Pilihan Raya PH Johor, Salahuddin Ayub yang sedia bertanding di kerusi itu buat kali kedua pada pilihan raya umum (PRU) akan datang berkata, selain pengaruh dua pemimpin pembangkang itu, PH berpeluang menang di Pulai berdasarkan majoriti kecil diperoleh BN pada 2013.

"Atas persetujuan PH, saya rasa tidak ada apa-apa masalah untuk terus bertanding di Pulai."

"Kita sudah ada apa kita dapat pada PRU13 dan dengan faktor Dr Mahathir dan Muhyiddin sebagai tokoh yang dikenali di Johor dan telah muktamadkan perundingan kerusi secara harmoni, kita yakin boleh menang."

"Umno hari ini hadapi masalah besar seperti isu rakyat iaitu kenaikan harga barang, cukai barang dan perkhidmatan (GST) serta 1MDB. Saya yakin kita

lebih mudah atur strategi kemenangan pada kali ini atas isu-isu yang berlaku itu," katanya kepada FMT.

Pada PRU13, penyandang kerusi Parlimen Pulai, Datuk Nur Jazlan Mohamed mendapat 43,751 undi menewaskan Salahuddin yang bertanding atas tiket Pas dengan 40,525 undi.

Pada 2008, Nur Jazlan memperoleh 38,036 undi mengalahkan calon Pas, Abdullah Ideris yang meraih 17,587 undi pada PRU12.

Majoriti diperolehi BN berkurangan daripada 34,926 undi pada PRU11 kepada 20,449 undi pada PRU12 dan 3,226 undi pada PRU13. Pulai mempunyai 47% pengundi Melayu, 41% Cina dan 10% India.

Mengulas lanjut, Salahuddin yang juga Timbalan Presiden AMANAH sedia menghadapi pertandingan tiga penjuru di Pulai.

"Pulai saya rasa tidak ada masalah sebab semua perhitungan telah dibuat pada awal lagi sebab sejak tubuhkan AMANAH, kita sudah bersedia untuk bertanding tiga penjuru," katanya yang yakin PH mampu mengambil alih Johor daripada BN berdasarkan persefahaman dan perpaduan di kalangan empat parti pembangkang itu.

Pengarah Pilihan Raya PH Johor itu juga ber-



Salahuddin Ayub

Amanah
www.amanah.org.my

puas hati dengan jumlah kerusi Dun yang diperuntukkan kepada AMANAH.

"Saya rasa kerusi Dun yang telah diputuskan oleh PH amat memuaskan untuk AMANAH."

"Kita akan umumkan dalam masa terdekat iaitu di Konvensyen PH Johor. Kita akan umum jumlah kerusi Dun yang diterima parti-parti dalam PH dan calon-calon bertanding sekali," katanya.

Ubah kerajaan jika inginkan manfaat seperti P. Pinang

GEOGETOWN: Rakyat Kedah yang ingin menerima manfaat seperti diperolehi penduduk Pulau Pinang tidak perlu berpindah ke negeri itu malah cukup dengan mengundi Pakatan Harapan (PH) bagi mengubah kerajaan dalam pilihan raya umum (PRU) akan datang.

"Orang Kedah yang nak dapat RM130 di bawah program warga emas (Program Penghargaan Warga Emas) tidak perlu pindah ke Pulau Pinang, kekal tinggal di Kedah, tapi beri undi untuk ubah kerajaan negeri dan Putrajaya," kata Ketua Menteri Lim Guan Eng.

Beliau berkata, kerajaan Pakatan Har-

pan negeri mengotakkan janji untuk menaikkan jumlah sumbangan RM130 setahun kepada penerima Program Warga Emas, berbanding RM100 sebelum ini.

Menurutnya, sejumlah RM22,652,110 bakal disumbangkan kepada 174,247 penerima bagi pembayaran Program Penghargaan Warga Emas Fasa I 2018.

"Dalam Belanjawan Marhaen 2018, kerajaan negeri berjanji untuk menaikkan bayaran ini.

"Kenaikan daripada RM100 kepada RM130 ini ialah sebagai pengiktirafan kejayaan urus tadbir CAT (Cekap, Akauntabel dan Telus) dalam meneruskan 'dividen antirasuah' ke-

pada rakyat Pulau Pinang, khususnya warga emas," ujarnya pada Majlis Penghargaan Warga Emas Peringkat Kadun Dato' Keramat di Komtar, dekat sini.

Turut berucap, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo yang juga Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar Phee Boon Poh serta Pegawai Daerah Timur Laut, Zulkifli Long.

Dalam perkembangan berkaitan, Guan Eng memberitahu Laporan Ketua Audit Negara 2016 merekodkan Pulau Pinang

mencatat lebihan belanjawan RM89.2 juta.

"Ini bermakna, keuntungan secara terkumpul (surplus) sejak 2008 adalah RM667 juta berbanding dengan RM105.7 juta untuk tempoh sembilan tahun yang sama sebelum 2008.

"Jumlah RM667 juta adalah lebih daripada jumlah RM373 juta oleh kerajaan BN negeri selama 50 tahun (1957-2007).

"Apabila kerajaan negeri mempunyai sedikit untung (surplus), kita memang nak kongsi sedikit untung ini bersama rakyat Pulau Pinang terutama warga emas yang kita kasih," jelasnya.

Buat cadangan majukan negeri bukan pecat kakitangan awam

Oleh AKMAL HAZIQ

KANGAR: Gesaan Pemuda Umno Perlis supaya kakitangan kerajaan yang mengkritik pemerintah dipecat tidak menghormati prinsip demokrasi berparlimen yang diamalkan di negara ini.

Sehubungan itu, Pemuda Pakatan Harapan (PH) Perlis mendesak Pemuda Umno negeri memohon maaf kepada seluruh kakitangan awam Perlis kerana cuba menafikan hak mereka untuk bersuara.

Ketua Pemuda PH Perlis Syazwan Fahmi berkata, laporan polis yang dibuat Pemuda Umno dan Majlis Belia Perlis terhadap seorang pegawai kanan Jabatan Pendidikan Negeri Perlis amat dikesal.

Pegawai kanan Jabatan Pendidikan Negeri Perlis itu didakwa berkongsi kandungan bersifat tomohan ke atas

Perdana Menteri di media sosial.

"Dalam laporan akhbar Sinar Harian bertarikh 15 Jan itu, Pemuda Umno Perlis mencadangkan agar kerajaan mempermudahkan proses pemecatan kakitangan kerajaan yang anti-kerajaan.

"Pemuda PH Negeri Perlis tidak berkompromi dengan sebarang salah laku mana-mana penjawat awam yang bertentangan dengan undang-undang, peraturan atau pekeliling kerajaan, namun kami tidak bersetuju kebasan mereka untuk mengkritik kerajaan disekat," ujarnya.

Beliau juga kesal dengan gesaan Pemuda Umno Perlis agar proses pemecatan kakitangan awam yang didakwa sebagai antikerajaan diperlakukan.

"Barangkali Pemuda Umno terlepas pandang bahawa fahaman politik seseorang kakitangan kerajaan bukanlah faktor utama kerosotan imej dan kualiti sistem penyampaian kerajaan seperti dakwaan mereka,

"katanya.

Malah jelas beliau, Menteri Besar Datuk Seri Azlan Man pernah berkata bahawa kemerosotan imej dan kualiti perkhidmatan awam negeri itu berpunca daripada sikap malas bekerja, tidak komited menjalankan tugas, tidak memberi perhatian semasa bekerja, buang masa dan sibuk dengan urusan peribadi serta mengutamakan kerja lain.

Malah tambah Syazwan, menteri besar juga mendedahkan terdapat pakar perunding swasta yang mengemukakan cadangan tertentu untuk membantu membangunkan Perlis, namun kecewa dengan kelemahan tugas sesetengah kakitangan perkhidmatan awam negeri.

Secara jelas, ujarnya menteri besar tidak langsung menjadikan fahaman politik kakitangan awam sebagai faktor yang menyumbang kepada kegagalan proses penyampaian kerajaan.

Sehubungan itu, Syazmi menasihati

Pemuda Umno supaya mengemukakan cadangan yang lebih bermanfaat bagi memajukan negeri dan meningkatkan kebajikan rakyat daripada sibuk dengan soal-soal politik remeh.

"Pemuda Umno Perlis sepatutnya membantu menyumbang idea supaya kerajaan negeri mampu untuk membawa lebih banyak pelaburan ke negeri ini bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

"Memecat kakitangan kerajaan bukanlah penyelesaian kepada masalah pengangguran anak muda," katanya.

Beliau mengingatkan bahawa kebebasan bersuara adalah satu daripada sembilan perkara yang dijamin Perlembagaan Persekutuan.

"Fasal (1)(a) Perkara 10 menyatakan, 'tiap-tiap warganegara adalah berhak bebas bercakap dan mengeluarkan fikiran'" ujarnya.

Fokus tawaran PH, kelemahan BN



Bersama melaungkan kata-kata semangat untuk melakukan perubahan politik negara.

A LOR SETAR: Jentera komunikasi Pakatan Harapan di seluruh negara perlu memberi fokus memberi penerangan berhubung tawaran-tawaran kepada rakyat jika diberi mandat memerintah negara pada pilihan raya umum ke-14 (PRU14) nanti.

Pada masa sama, Presiden AMANAH Mohamad Sabu berkata, jentera juga perlu membongkar segala kelemahan dan kerosakan yang telah dilakukan oleh kerajaan BN khususnya dalam isu skandal rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

"Tidak perlu terlalu banyak fokus. Teraangkan kepada rakyat berkenaan tawaran Pakatan Harapan (PH), belanjawan PH dan pada sama ceritakan kelemahan pentadbiran Umno-BN.

"Itu tumpuan kita selaku jentera penerangan perlu buat sehingga hari mengundi," katanya.

Mohamad yang juga Timbalan Presiden PH berkata demikian pada taklimat penerangan kepada jentera komunikasi dan mobilisasi PH zon utara, dekat sini, 20 Jan lalu.



Mohamad menyampaikan Kit Penerangan PRU14 kepada wakil PH Pulau Pinang.

Program ini melibatkan jentera komunikasi dari keempat-empat parti iaitu AMANAH, PPBM, Keadilan dan DAP dari Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

Pada program itu juga, Setiausaha Agung Keadilan Datuk Saifuddin Nasution Ismail turut memperincikan Tawaran PH supaya dapat difahami oleh peserta.

Beliau turut memberi penjelasan terperinci berhubung skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB), menggantikan Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara Tony Pua yang tidak dapat hadir ke program itu.

Selain itu, Ketua Srikandi PPBM Rina Mohd Harun membentangkan tentang kedudukan analisa terkini kerusi-kerusi yang bakal ditandingi PH di seluruh negara.

Selain siri penerangan, para peserta juga turut dibekalkan dengan kit bahan-bahan kempen berupa grafik dan video untuk kegunaan jentera di peringkat masing-masing.

Program ini adalah siri kedua selepas zon selatan yang melibatkan Negeri Sembilan, Melaka dan Johor pada minggu sebelumnya dan berikutnya akan ke Pantai Timur.

Tun Mahathir tingkatkan sokongan Melayu pada PH

PARIT BUNTAR: Sokongan orang Melayu di seluruh negara terhadap Pakatan Harapan (PH) semakin meningkat selepas PH menamakan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai calon Perdana Menteri.

Ahli Parlimen Parit Buntar, Datuk Dr Mujahid Yusuf Rawa berkata, tarikan utama PH pada masa ini ialah Tun Mahathir kerana beliau lebih popular di kalangan pengundi Melayu terutama dari kawasan luar bandar.

"Dr Mahathir yang menjadi perdana menteri paling lama berkhidmat selama 22 tahun sangat dikenali dan dikagumi orang Melayu."

"Saya lihat ke mana saja Tun Mahathir pergi, terutamanya program ceramah umum dia masih jadi daya penarik nombor satu di Malaysia sekarang," katanya ketika ditemui semasa melakukan ziarah ke rumah seorang penduduk di Parit Haji Abdul Rahman, dekat sini, baru-baru ini.

Program ziarah sambil menyampaikan sumbangan barang keperluan ini melibatkan beberapa rumah di Parit Haji Abdul Rahman, Parit Tok Kip, Parit Teluk Pial dan

Batu Enam.

Program ini turut disertai Adun Kuala Kurau Abdul Yunus Jamhari dan Ketua Pemuda PH Perak Hasnul Zulkarnain Abdul Munaim.

Menurut Dr Mujahid, Tun Mahathir ialah nama besar dunia dan telah mengagas Wawasan 2020, konsep 'Bersih Cekap Amanah', Dasar Pandang ke Timur dan seorang ahli politik yang berkhalib.

"Rakan pemimpin lain yang bersara diam dengan gelaran 'mantan PM', Tun Mahathir sebaliknya memilih jalan sukar dan pahit menentang parti yang dia terajui selama 22 tahun.

"Dia malah bersedia bekerjasama dengan 'musuh lamanya' demi menyelamatkan negara. Kesungguhan dan keazaman Tun Mahathir muhi melihat Malaysia diselamatkan adalah jaminan keikhlasan Tun kepada rakyat Malaysia yang mahukan perubahan kerajaan persekutuan pada PRU ke-14 nanti," katanya.

Dr Mujahid percaya gandingan Tun Mahathir dan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail diyakini dapat meyakinkan pen-



Dr Mujahid menjelaskan sesuatu kepada seorang penduduk yang diziarahi sambil ditemani Hasnul Zulkarnain.

gundi Melayu bahawa PH adalah gabungan dominasi Melayu.

"Gandingan ini penting kerana selama ini PH sering didakwa dengan sentimen perkauman yang bertujuan memecahbelahkan gabungan ini."

"Bilangan kerusi adalah pantulan kepada azam untuk menguasai kerusi-kerusi yang belum dimenangi khususnya majoriti Melayu. PPBM diasaskan antara lain sebagai saingan Umno, sudah tentu kelebihan kerusinya terletak pada rasional tersebut," katanya.

KCC mercu tanda baru projek terbengkalai Perlis

Oleh MOHD ALI HASHIM

KANGAR: Majlis pecah tanah projek Kangar City Centre (KCC) telah disempurnakan Menteri Besar (MB) Perlis Datuk Seri Azlan Man hampir setahun lalu, namun pembinaannya kini terbengkalai dan tiada tanda-tanda akan diteruskan.

Mungkinkah akan ada lagi projek pecah tanah atas tapak yang sama menjelang pilihan raya umum ini dan rakyat negeri ini akan terus dibuaikan dengan janji-janji manis BN?

Ketua Angkatan Wanita AMANAH (Awan) Negeri Perlis Che Mazlina Che Yob yang turun padang bersama beberapa pemimpin Pakatan Harapan (PH) Perlis ke tapak KCC amat terkejut dengan apa yang dilihat.

"Semak samun masih lagi menghiasi tapak projek pecah tanah yang disempurnakan oleh MB sejak Februari 2017 lalu.

"Genap bulan hadapan maka ia sudah setahun, tapi janji untuk menyiapkan projek tersebut pada 2020.

"Rakyat Perlis amat mengharapkan projek ini siap sepenuhnya seperti apa yang mereka janjikan kerana ia menjanjikan lebih 2000 peluang pekerjaan," ujarnya.

Menurut Che Mazlina lagi, adalah tidak logik projek yang telah pun disempurnakan pecah tanah oleh



Papan tanda projek KCC masih berdiri kukuh.



Para pemimpin PH negeri menunjukkan binaan KCC yang sudah ditumbuh belukar.

MB sejak hampir setahun dengan kos RM368 juta tidak dilaksanakan lagi.

"Kita tidak mahu banyak pecah tanah disempurnakan, tapi bayang projek pun tidak nampak walau-pun telah menjangkau setahun.

"Seringkali kerajaan akan cuba mengaburi mata rakyat dengan pelancaran demi pelancaran.

"Tidak kurang juga dengan pelbagai bentuk projek pecah tanah seolah-olah projek akan disiapkan dengan segera, sebaliknya rakyat pelancaran demi pelancaran.

"Tidak kurang juga dengan pelbagai bentuk projek pecah tanah seolah-olah projek akan disiapkan dengan segera, sebaliknya rakyat ditipu dengan janji-janji separuh jalan," tegasnya lagi.



Che Mazlina Che Yob

Oleh kerana itu tambahnya, rakyat negeri Perlis harus berhati-hati serta berwaspada dengan setiap janji kerajaan menjelang pilihan raya umum ini.

KCC adalah projek usahasama



Antara binaan terbengkalai di tapak projek KCC.

antara Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis dengan Safuan Group Holdings Berhad. Jika siap dibina, KCC akan dile-

ngkapi dengan hotel bertaraf lima bintang, pusat persidangan, pusat rekreasi, pusat membeli-belah serta 10 cineplex.

MBPP dapat datuk bandar baru, Maimunah ke PBB

GEORGETOWN: Pelantikan Ar. Yew Tung Seang sebagai Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sudah dijangka banyak pihak kerana bekas setiausaha bandaraya tersebut memang dikenali sebagai individu yang mempunyai pengalaman luas.

Tung Siang menggantikan Datuk Maimunah Mohd. Sharif yang dilantik sebagai Pengarah Eksekutif Program Habitat – UN di Nairobi, Kenya bermula 20 Jan lalu.

Pelantikan Tung Seang berkuatkuasa 20 Jan, dan acara istiadat mengangkat sumbah penerimaan jawatan tersebut berlangsung pada 22 Jan.

"Saya menerima pengumuman pelantikan jawatan ini dengan perasaan penuh rendah diri," ujar Tung Seang dalam sidang media bersama Ketua Menteri Lim Guan Eng dan Exco Kerajaan Tempatan Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow.

Hadir sama ahli-ahli Exco kerajaan negeri dan Setiausaha Kerajaan Negeri,

Datuk Seri Farizan Darus.

Dalam pada itu Pengarah Kejuruteraan MBPP Ir. Addnan Mohd. Razali diumumkan sebagai setiausaha MBPP menggantikan Tung Seang.

Dalam



Ar. Yew Tung Seang

majlis berasingan, Maimunah menyatakan hasrat untuk mempopularkan kejayaan Pulau Pinang sepanjang berkhidmat di Nairobi, Kenya.

"Di kediaman rasmi saya dekat Nairobi, Kenya nanti, saya berhasrat untuk mewujudkan sudut pameran khas mengenai kejayaan serta pengiktirafan dunia terhadap Pulau Pinang termasuk berkait MPSP (Majlis Per-



Guan Eng menyampaikan cenderamata kepada Maimunah di majlis perpisahan.

daran Seberang Perai), MBPP (Majlis Perbandaran Seberang Perai) dan GTWH (Perbadanan George Town Warisan Dunia)," ujarnya di majlis jamuan perpisahan anjuran ketua menteri di restoran atas puncak Komtar, 16 Jan lalu.

Majlis tertutup itu dihadiri ahli-ahli Exco kerajaan negeri dan setiausaha kerajaan negeri Datuk Seri Farizan Darus.

Maimunah dilantik pengarah eksekutif Per-

tubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) bagi Program UN-Habitat, dan akan mula melaporkan diri di Kenya pada 20 Januari ini.

Guan Eng ketika berucap melahirkan harapan agar Maimunah terus membawa jenama Pulau Pinang di peringkat global.

Farizan ketika berucap mengimbau beberapa kelebihan Maimunah ketika menjawat datuk bandar.

Jangan tumpu pembangunan hanya di Kota Kinabalu

KOTA KINABALU: Kerajaan BN Sabah digesa tidak hanya menumpukan pembangunan di bandar ini sehingga meminggirkan daerah-daerah lain yang turut memerlukan pembangunan.

Ketua Pemuda AMANAH Sabah Khairuddin Daud berkata, hasrat Menteri Sabah untuk menjadikan negeri ini seindah Singapura dan Dubai tidak membawa sebarang makna jika daerah-daerah lain dipinggirkan.

Tan Sri Musa Aman baru-baru ini dilapor berkata, projek Pembangunan Eko Tanjung Aru (TAED) dan Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC) yang dijangka siap pada tahun hadapan adalah gambaran hasrat beliau yang mahu melihat Sabah seindah Singapura dan Dubai.

Bagaimanapun, hasrat Musa itu tidak disenangi Khairuddin kerana dua projek itu telah meragut keindahan semula jadi Pantai Tanjung Aru yang menjadi tumpuan pengunjung pada hujung minggu.

"Penambakan laut yang dibuat bagi pembinaan hotel akan menjelaskan ekosistem semula jadi pantai dan pastinya merugikan kerana ekosistem yang rosak mengambil masa yang lama untuk pulih.

"Selain itu, ombak 'pantai tiruan' tersebut lebih tinggi dan berbahaya kepada para pengunjung akibat pemusnahan pantai semula jadi kesan penambakan pantai," katanya.

Menurut Khairuddin, projek itu tidak

hanya ditentang oleh parti-parti politik, malahan pertubuhan alam sekitar dan pelbagai pihak di bandar ini kerana merosakkan alam sekitar.

Sehubungan itu, beliau menggesa kerajaan negeri menarik balik peruntukan RM-500 juta kepada anak syarikat milik penuh kerajaan negeri bagi melaksanakan projek TAED.

Pemuda PH negeri juga, tambah beliau menggesa Musa menumpukan pembangunan di daerah lain yang juga mempunyai pantai yang indah.

"Tempat-tempat menarik tidak hanya terdapat di Kota Kinabalu, bahkan terdapat di daerah seperti Kudat yang terkenal dengan keindahan Simpang Mengayau.

"Terdapat satu lagi pantai iaitu pantai Kelambu di daerah Kudat yang tidak mendapat perhatian kerajaan negeri. Pantai Kelambu dibiarkan kotor dengan sampah sarap dan tidak menjadi tumpuan pelancong kerana tiada promosi dibuat," ujarnya.

Khairuddin turut mengetengahkan perkampungan atas air yang menjadi tradisi rakyat Sabah di beberapa daerah dan mampu menarik kehadiran pelancong.

Beliau kesal kerana kerajaan BN negeri gagal melihat potensi pelancongan yang ada di daerah-daerah lain sehingga ia jauh ketinggalan berbanding Kota Kinabalu.

"Lihat sahaja bagaimana daerah kecil Matunggong Kudat hanya mempunyai satu deret bangunan kedai," katanya.



Khairuddin (kanan) bersama pemimpin AMANAH Nasional dan negeri dalam satu program di negeri itu.

Beliau turut mempersoalkan komitmen kerajaan BN negeri dalam memajukan bidang pendidikan di negeri ini.

"Di pulau Banggi, pulau terbesar di Sabah dengan 36 buah kampung, hanya ada sebuah sekolah menengah.

"Para pelajar yang mahu meneruskan pengajian menengah terpaksa menaiki feri selama dua jam ke Kudat apabila sekolah menengah tersebut penuh. Bagi yang tidak kemampuan akan kecinciran," katanya.

Menurut beliau, apabila tiba musim pilihan raya banyak pengumuman projek sekolah, universiti dan kolej dibuat oleh BN,

namun selepas itu hanya papan tanda projek kelihatan.

"Buktinya janji BN pada 2012 untuk membina universiti di Tambunan hanya tinggal janji. BN menang, universiti hilang!" katanya sinis.

Sehubungan itu, Khairuddin menyeru rakyat Sabah agar tidak lagi terpedaya dengan janji-janji BN semasa kempeta pilihan raya.

"Sudah tiba masanya BN direhatkan oleh rakyat Sabah dan memilih Pakatan Harapan untuk kesejahteraan bersama," katanya.

Penduduk Temerloh gesa jambatan kedua segera dibina



Jambatan Temerloh sentiasa sibuk dengan kendaraan terutama di waktu puncak.

TEMERLOH: Penduduk Temerloh menggesa kerajaan negeri segera membina jambatan kedua merentasi Sungai Pahang

di daerah tersebut bagi menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas yang kian parah.

Menurut mereka, jambatan sedia ada tidak lagi mampu menampung keperluan penggunaan kenderaan yang semakin bertambah menghalau ke Kuantan dari Temerloh, dan dari Kuantan ke Temerloh terutama pada waktu puncak.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kuala Semantan, Syed Hamid Syed Mohamed berkata, laluan di jambatan berkenaan begitu sesak pada waktu-waktu puncak, iaitu ketika orang ramai bergegas ke tempat kerja pada waktu pagi dan balik dari tempat kerja pada waktu petang.

"Ia bukan sahaja menyulitkan penduduk tempatan yang berulang alik ke tempat kerja, tetapi mereka yang mahu beruruskan ke Kuantan atau mereka yang datang dari arah Kuantan mahu beruruskan di kawasan sebelah sini.

"Pada waktu-waktu tertentu keadaan be-

"Pada waktu-waktu tertentu keadaan begitu merumitkan, pergerakan kenderaan tersekat dan terhenti begitu lama," kata Timbalan Ketua AMANAH Temerloh itu.

Jumlah kenderaan yang semakin bertambah juga menyebabkan jambatan Temerloh mengalami kesesakan.

Menurut beliau, pihaknya telah mengajukan masalah dan syor berkenaan kepada pihak berwajib namun sehingga kini tidak sebarang tindakan diambil.

Malah sebaliknya, kata beliau pihak berkuasa didapati lebih menumpukan usaha membina jambatan baharu di Songsang yang keperluannya tidak begitu mendesak seperti di jambatan Temerloh.

Jambatan yang ada di Songsang, tambah beliau hanya perlu diperbaiki dan diperkemaskin sahaja dan keperluannya tidak begitu mendesak.

Selangor disaran contoh 'keadilan' Kerajaan Kelantan

KOTA BHARU: Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Salor Datuk Husam Musa gembira dengan kenyataan pemimpin Pas yang menegur Menteri Besar Selangor Datuk Seri Mohamed Azmin Ali atas isu pembekuan peruntukan Adun Pas Selangor.

"Saya gembira dengan dua kenyataan pemimpin parti Islam itu," kata Husam dalam status di laman sosial.

Dalam program himpunan parti di Shah

Alam, 21 Jan lalu, Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang mengingatkan Azmin supaya tidak mencampuradukkan isu politik dalam urusan pentadbiran kerajaan negeri.

Setiausaha Perhubungan Pas Kelantan yang juga Exco kerajaan negeri Datuk Che Abdullah Mat Nawi dilapor turut menyokong kenyataan Abdul Hadi.

"Terima kasih Presiden Pas dan Exco Kelantan kerana memperjuangkan ke-

adilan untuk saya," kata Husam sinis.

Kenyataan Husam yang juga Pengurus Pakatan Harapan (PH) Kelantan itu diperlakukan merujuk kepada tindakan kerajaan Pas negeri membekukan peruntukan beliau sebagai Adun Salor.

Menurut Husam, beliau akan menghantar senarai peruntukan kepada Kerajaan Kelantan demi rakyat Salor yang diwakilinya.

"Saya berharap Kerajaan Selangor meng-

ikut tindakan adil, demokratik dan Islamik Kerajaan Pas Kelantan nanti," katanya memulangkan paku buah keras.

Pas tidak mempunyai sebarang hubungan politik dengan DAP dan Keadilan yang membentuk Kerajaan Selangor.

Namun mereka kekal mengisi tiga jawatan Exco di negeri berkenaan atas alasan mandat Pakatan Rakyat yang telah terbubar.

Tanah Felda Jalan Semarak hilang buat selama-lamanya

SAYA memberi ruang sepenuhnya kepada kepimpinan Felda untuk meneruskan sandiwara mengenai tanah Felda yang dilaporkan hilang hak milik dan kemudianya telah mendapat kembali hak milik.

Sepanjang sebulan sandiwara ini dimulakan, saya menunggu sama ada Tan Sri Shahrir Samad akan menjelaskan perkara yang sebenarnya kepada rakyat. Malangnya, beliau terus terjebak dengan sandiwara politik untuk meredakan kemarahan rakyat mengenai kerosakan yang telah berlaku ke atas Felda, sehingga beliau sempat mengeluarkan sindiran seolah-olah 'kejayaan' Felda mendapatkan kembali tanah tersebut adalah hasil doa Perdana Menteri di Makkah.

Saya bersimpati kerana ramai rakyat kebanyakannya yang tidak biasa dengan selok belok pembangunan tanah dan undang-undang tanah yang dengan mudah boleh terpedaya dengan sandiwara politik tersebut.

Hari ini, saya ingin menegaskan bahawa tanah Felda yang diuar-uarkan kononnya telah didapati kembali hak miliknya, sebenarnya telah hilang buat selama-lamanya.

Saya ingin mengingatkan perkara-perkara berikut:

- Beberapa bidang tanah milik Felda ini telah diserahkan kepada sebuah syarikat pemaju yang bernama Symphony

Promenade Sdn Bhd (SPSB) untuk membangunkan beberapa menara pejabat dan kediaman mewah.

ii. Apabila pembangunan itu diteruskan, lot-lot bangunan itu akan dijual kepada pembeli-pembeli dan hak milik bangunan bertingkat itu akan bertukar dari hak milik tanah kepada hak milik strata (satu hak milik strata setiap satu ruang pejabat atau kediaman mewah yang dijual kepada pembeli).

iii. Hak milik bangunan tersebut akhirnya adalah milik pembeli-pembeli per-sendirian dan bukan lagi hak milik Felda, walaupun kini hak milik tanah masih lagi dalam pegangan Felda.

Sebab itu saya mahu mengingatkan Tan Sri Shahrir Samad bagaimana pendirian beliau sendiri telah berubah dalam tempoh sebulan mengenai pembangunan tanah-tanah tersebut.

Apabila beliau mula-mula mendedahkan sandiwara tanah ini, beliau dilaporkan oleh Berita Harian bertarikh 21 Disember 2017 bahawa Felda tidak berminat untuk meneruskan projek pembangunan KLVC di atas tanah-tanah Felda itu.

Saya faham kenapa Felda tidak berminat untuk meneruskan projek tersebut kerana sekiranya projek diteruskan, hak milik akan bertukar kepada hak milik strata dan keseluruhan bangunan dan lot-lot yang dijual itu akan

berpindah milik kepada pembeli-pembeli yang mendapat hak milik strata kelak.

Hanya dengan tidak meneruskan projek pembangunan KLVC itu barulah Felda dapat mengekalkan tanah-tanah tersebut menjadi pegangan Felda.

Malangnya tidak sampai sebulan dari kenyataan tegas tersebut, Tan Sri Shahrir Samad telah buat pusingan-U demi menjual sandiwara tanah Felda diperolehi kembali.

Saya petik laporan Utusan Malaysia bertarikh 15 Januari 2018 semasa Tan Sri Shahrir Samad dijulang menjadi wira mendapatkan kembali tanah Felda, di dalam laporan bertajuk "Felda dapat kembali hak milik tanah di Jalan Semarak".

Keputusan Felda untuk meneruskan projek pembangunan KLVC, yang kurang sebulan dari tarikh 15 Januari itu telah ditentang habis-habisan oleh Tan Sri Shahrir Samad sendiri, merupakan sandiwara utama episod tanah Felda yang hilang ini.

Saya memohon Tan Sri Shahrir Samad berdebat dengan saya untuk mendapatkan kepastian mengenai perkara-perkara ini:

- Hak milik tanah yang diperolehi oleh Felda yang diuar-uarkan sejak minggu lepas sebenarnya tidak bermakna kerana dengan pembangunan KLVC yang



**PENDAPAT
RAFIKI RAMLI**

diteruskan, hak milik strata akan dieluarkan kepada pembeli lot-lot bangunan dan ruang pejabat/kediaman. Merekalah pemilik sebenar harta tanah itu kelak, bukannya lagi Felda.

ii. Episod Felda mendapatkan kembali tanah adalah satu sandiwara kerana keadaan sekarang (walaupun Felda dilaporkan mendapat balik hak milik ke atas plot tanah tersebut) tidak berbeza dengan keadaan sebelumnya; iaitu tanah-tanah tersebut telah diserahkan kepada pemaju swasta untuk dijual sebagai lot ruang pejabat/kediaman.

Saya sudah mendapat beberapa dokumen yang saya akan tunjukkan untuk menguatkan lagi hujah saya bahawa tanah Felda itu telah hilang selama-lamanya.

Episod tanah Felda diperolehi kembali hanyalah sandiwara politik yang dimulakan oleh Tan Sri Shahrir Samad.

■ **Rafizi Ramli ialah Ahli Parlimen Pandan dan Naib Presiden Keadilan.**

Bayaran tetap diterima Terengganu bukan royalti minyak

SAYA ingin merujuk kenyataan bertajuk "Dakwaan Mengarut Pembangkang" oleh Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Razif Ismail seperti disiarakan akhbar Sinar Harian. Beliau turut menyatakan kerajaan pusat membayar RM210 juta setahun kepada negeri Terengganu sehingga 2020 sebagai bayaran balik royalti minyak Terengganu.

Terlebih dahulu, royalti minyak Terengganu mengikut perjanjian asal adalah sebanyak 5 peratus. Bayaran setiap tahun kepada Terengganu akan mengikut kiraan pengeluaran sebenar minyak tiap tahun dan juga harga minyak dunia semasa.

Oleh itu kenyataan Datuk Razif bahawa negeri Terengganu menerima RM-210 juta setahun tidak masuk akal dan tidak tepat. Tidak mungkin jumlah bayaran akan boleh ditetapkan kepada RM210 setahun kerana wujudnya dua angkubah (variables) iaitu jumlah pengeluaran minyak sebenar setiap tahun dan harga minyak dunia semasa yang pasti berubah dari semasa ke semasa. Kalau pembayaran mengikut secara royalti sudah pasti akan berubah pada tiap tahun.

Dengan itu sudah pasti bayaran tetap RM210 juta setahun bukannya royalti

tetapi adalah 'pemberian' kerajaan mengikut formula perjanjian lain yang telah ditetapkan di antara negeri dan pusat. Saya menuntut Datuk Razif menyatakan keadaan sebenar isu ini.

Kami berpendapat pemberian RM210 juta setahun kepada Terengganu adalah terlalu rendah dan jika mengikut perkiraan asal royalti 5 peratus, ianya akan menjadi jauh lebih tinggi. Ini adalah kerugian besar kepada Terengganu.

Datuk Razif mesti menjawab kenapa kerajaan Terengganu sanggup menerima bayaran yang lebih rendah dari yang sepatutnya.

Datuk Razif juga mesti menjawab apa telah terjadi kepada pendapatan telaga minyak baru Bertam 307 yang sepatutnya menjadi milik tuntutan Terengganu.

Mengikut pengumuman awal kerajaan, pendapatan dari Bertam 307 sahaja adalah RM100 juta setahun. Kenapa Kerajaan Terengganu senyap tentang tuntutan Bertam 307 yang diberitakan diberi kepada negeri Pahang.

Pendapatan RM100 juta setahun adalah hampir separuh dari jumlah RM210 juta yang dikatakan diterima oleh Terengganu setiap tahun.

Sebagai Menteri Besar, Datuk Razif mesti menjawab dua soalan utama ini

Dakwaan mengarut pembangkang'



bagi pengetahuan rakyat Terengganu. Pertama, kenapa penarikan hak royalti minyak Terengganu yang telah dihentikan atas permintaan ahli Umno Terengganu sendiri pada 1999, sehingga kini masih belum diminta dikembalikan oleh Umno Terengganu di bawah pimpinan Datuk Razif? Ini isu melibatkan hak dan maruah rakyat negeri Terengganu.

Kedua, mengapa Datuk Razif tidak menuntut telaga minyak Bertam 307 yang telah disahkan oleh perunding



**PENDAPAT
RAJA KAMARUL BAHRI**

antarabangsa - Lundin, berada dalam kawasan perairan Terengganu? Adakah Datuk Razif hanya akur dengan kenyataan serta kehendak Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan tidak berhasrat menuntut hak rakyat Terengganu?

Rakyat Terengganu menuntut Datuk Razif dan Umno negeri menebus maruah dan menuntut hak rakyat negeri Terengganu.

Kami juga mencabar Datuk Razif menghadiri perbahasan khas isu royalti Terengganu yang bakal dianjurkan dalam waktu terdekat ini.

■ **Raja Bahru Shah ialah Pengerusi Pakatan Harapan Terengganu dan Ahli Parlimen Kuala Terengganu.**

Homeless generation by 2020?

By AMMAR ATAN

LETS us be honest. It is official. The train has left the station, the ship has left the port. Median property prices are now officially deemed as unaffordable to the vast majority of the rakyat and this only expected to get worse in the coming years.

My position on this crucial crisis is confirmed in the 2016 Bank Negara Report which said "since 2012, the increase in house prices in Malaysia has outstripped the rise in income levels. Consequently, prevailing median house prices are beyond the reach of most Malaysians."

For months, AMANAH National Youth has raised warning bells that Malaysia is facing an impending housing crisis, where property prices have escalated drastically and are simply too expensive for the majority of rakyat.

If the crisis keep happening, Malaysia will face the largest homeless generation by year 2020, whereby an entire generation or even generations, especially those in the low to medium income groups, single

income earners and our younger generation which is the hope and future of our country will not be able to buy their own homes.

However, these concerns are not well accepted by few professional groups and they have undertaken various studies and pools to "menghalalkan" or to show that all is still well and the majority of aspiring house buyers do not think that the house prices are overpriced. Because of that, I was accused of being a "Prophet of doom".

I am not lying to become popular. But the vast majority of rakyat, especially those in M40 and B40 now find it almost impossible to buy their dream house based on the current income levels and the price of properties. Only 21% of new houses were priced below RM250,000 in 2014, when more than half Malaysian households needed to be priced at RM165,000 and below. Only 5.4 of the population could afford to buy houses priced above RM500,000.

By 2020, eight million homes will be needed to house over 22 million people,

but there will only about 6.5 million houses, says 1 Malaysia People's Housing Programme (PR1MA) CEO Datuk Abdul Mutalib Alias, citing in-house projections based on official data. The supply of new houses needs to grow by about 200,000 units a year until 2020 due to rapid urbanisation. The shrinking size of households and continued population growth, official estimates shows. PR1MA's estimate is 400,000 a year.

In 2013, BN has pledged to provide 1 million affordable housing units within a span of five years, by end 2018. Three years later, the target was slightly to 1.1 million to meet the high demand for affordable housing low and middle-income rakyat.

However, with the latest information on the number of new affordable houses in Malaysia, it is clear that the BN government is far from its own schedule in meeting the target. On top of that, a zoom into the performance of federal government-led PR1MA reveals a similar scenario.

Because BN to fail in meeting its affor-

dable housing target by end-2018. Thus, Pemuda Pakatan Harapan has pledged to provide 1 million housing units by one term or 5 years. However, this commitment has been attacked by Umno Youth Shahril Hamdan, that the housing policy is not economically wise and illogical. What he has forgotten, is the same promise also has been done by his party during GE13 in 2013, "Melayu mudah lupa".

Thus, is not impossible that my generation will be the generation that has the largest number of homeless by the year 2020 if this crucial problem is not addressed quickly. The time for action is here and now.

The government must stop listening to business groups with vested interest that things are still good and rosy. Whoever that lead the government after GE14, they also have the same responsibility to cure the crisis before it's too late.

■ Ammar Atan is Chairman of Housing Committee, AMANAH National Youth.

What Malaysian youths need today is a turning point

By KERK CHEE YEE

WHAT Tun Dr Mahathir Mohamad said about graduates in Malaysia becoming Uber drivers and nasi lemak sellers tells us something about the economy state we are in right now.

It is of course not to be misunderstood that Uber drivers or nasi lemak sellers are jobs that no graduates should take up. But we are talking about a situation where graduates in Malaysia face difficulty in getting jobs that match their level of skills or academic level, hence are forced to take up jobs that require lower level of skills and pay lower salaries.

When there are not enough job opportunities for the graduates, some of them were forced to work as Uber/Grab drivers or sell nasi lemak, and a dozens of other jobs that do not be fully utilise their skills and potentials.

The unemployment rate in Malaysia is 3.4%, while the unemployment rate for youths is a staggering 3 times of that figure. This means that 1 out of 10 Malaysian youths today is jobless. This of course has not included those who have resorted to becoming Uber drivers or selling nasi lemak, or those who have left Malaysia for jobs.

For those who are able to obtain

jobs of their choice, they are being paid with low wages. Half of those aged between 18 - 35 years old are earning below RM1,600 per month and the average pay for the same group is around RM2,000. This explains why we see many young Uber/Grab drivers on the road after working hour. Becoming a Uber/Grab driver often becomes the second job for many youths to earn extra pocket money to put food on the table. There are plenty of youths who are forced to take up 2 to 3 jobs, work more than 16 hours a day just to make ends meet.

Perhaps what the Barisan Nasional government did not realise was that unemployment rate, mismatch of skills, low wages have got everything to do with government's political will in seeking solution for Malaysians.

We have heard kind suggestions from Barisan Nasional Ministers to eat home-cooked food, plant our own vegetables, and take up second job such as selling nasi lemak or driving Uber/Grab as a way to ease our financial difficulty.

However, with the rising cost of living and government's refusal to acknowledge our state of economy frustration, Malaysians can't help but to ask "what is the government going to do for us in the long term?".

Job opportunities for Malaysian youths

- a top focus of Pakatan Harapan.

We have been the victim of both economic turbulence in Malaysia and Barisan Nasional's refusal to admit their weakness for some time now. What Malaysians need now is a turning point. Pakatan Harapan, in contrast to Barisan Nasional, has placed economic issues as one of the top priorities.

For instance, out of the many, Pakatan Harapan Youth has proposed in its manifesto to create 1 million job opportunities for Malaysian youths and they include good quality jobs that pay the graduates adequately for what they deserve.

First and foremost, what must be done to bring Malaysia out of the depressed economy we face today, amongst others, includes a boost of market confidence and aggregate demand. When Malaysians are finding their wages' real value diminishing, naturally spending patterns will be adjusted, causing a slump in economic activities amongst great number of Malaysians.

Amongst others, Pakatan Harapan's proposals to raise minimum wages from RM1,000 to RM1,500 and zero-rating of GST is an attempt to uplift economic activities, as well as to ease the financial burden of many Malaysian youths today.

Imagine half of the youths below 35 years old are earning below RM 1,600. What they are earning today is simply not enough for even a modest lifestyle. While Pakatan Harapan can zeroise GST and stabilise petrol price, the wages must go up. This is to ensure a healthy purchasing power amongst the people. There must be jobs that can correctly match the level of skills of many of our young people today, especially the graduates.

To achieve this, concurrent efforts will be executed in order to ensure sustainable and healthy development of various industries that will be able to provide good quality jobs to the youths. I foresee Malaysian youths to be employed for the skills that they can offer and maximise their potentials.

Youths have been the source of development in many great economies. One of youths' talents is to imagine without fear, and their potentials to do so must not be curbed by government's ignorance or incompetence.

■ Kerk Chee Yee is Political Secretary to DAP Parliamentary Leader Lim Kit Siang.

Sebuah peringatan buat bakal calon

KETIKA pilihan raya umum (PRU) ke-14 semakin hampir tiba, kita dapat bayangkan betapa para penggiat politik di berbagai lapisan ada yang sedang sibuk memperkirakan apakah mereka bakal dipilih atau terpilih lagi untuk menjadi calon parlimen atau Dewan Undangan Negeri (Dun).

Atau ada yang sudah mulai bekerja di kawasan masing-masing yang mereka jangkakan akan bakal bertanding. Mungkin pula ada yang berkira-kira kemungkinan dilantik menjadi senator sekiranya tidak menjadi calon atau sekurang-kurangnya sebagai anggota Majlis Kerajaan Tempatan, Majlis Bandaraya, Pengarah GLC sekiranya parti masing-masing memenangi banyak kerusi di peringkat persekutuan atau negeri.

Malah mungkin ada yang mula terlibat perebutan menjadi calon dan ikut mencaturkan diri dalam persaingan menjadi calon di mana-mana, mungkin ada yang sampai memikirkan laba atau keuntungan yang bakal diterima bila menduduki kerusi-kerusi strategik sebagai anggota kabinet atau Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco).

Bila mengenang semua ini saya teringat Burhanuddin al-Helmy, Ishak Hj Mohamad, Ahmad Boestamam dan lain-lain, tokoh-tokoh besar politik tanah air yang berkiprah sejak zaman penjajah, berkorban apa sahaja demi rakyat tercinta. Berulang kali mereka mendekam di penjara Inggeris mahupun di penjara Tanah Melayu merdeka. Tiada laba atau ghanimah yang diperolehi bahkan nikmat sebagai pelopor perjuangan kemerdekaan tidakpun mereka rasai. Dunia fana ini mereka tinggalkan tanpa diganjari sewajarnya, tanpa gelar kehormatan bintang atau pengkebumian negara.

Selain dari sekadar dinamakan jalan atau sekolah sesudah mereka tiada, yang lain tidak banyak boleh dibanggakan oleh rakan-rakan atau anak-anak mereka. Bahkan sampai sekarang ada yang masih tidak senang dengan tokoh-tokoh yang masih dianggap kiri dan menentang 'status quo bangsa'. Masih ada sejarawan, ahli akademik atau ahli-ahli politik yang sentiasa sinis dan tidak menyenangi semua nama Almarhum itu. Demikianlah kehidupan di dunia ini yang selalunya tidak berlaku adil terhadap mereka yang ikhlas dan berkorban jiwa raga untuk semua.

Hal yang sama juga terjadi kepada tokoh-tokoh negara seberang, ahli-ahli politik serumpun yang berjuang dan mengepalai revolusi berdepan dengan Belanda dan kemudiannya berkhidmat di medan politik republik sesudah merdeka. Nama-nama besar seperti Muhamad Hatta, Muhamad Natsir, Sutan Shahrir, Boerhanoeddin Harahap, Sjafruddin Prawiranegara yang pergi meninggalkan buana ini tanpa kesenangan atau kekayaan dunia malah mungkin ada yang sudah mula melupakan tokoh-tokoh besar umat rantau kita itu.



PENDAPAT
MOHD ANUAR TAHIR

Sebuah nama yang juga sudah mula dilupakan yang ingin saya perkenalkan kepada pembaca akhbar mingguan Amanah ialah Ketua Umum terakhir Masjumi, putera kelahiran Magelang Jawa Tengah iaitu Prawoto Mangkusasmito.

Di hujung kekuasaan rejim Order Lama Soekarno, mantan Timbalan Perdana Menteri Republik Indonesia itu bersama tokoh-tokoh politik dari Masjumi dan Partai Sosialis Indonesia telah dijebloskan ke penjara selama empat tahun empat bulan. Prawoto dan kawan-kawannya baru dibebaskan sesudah rejim Soekarno tumbang.

Setelah berbagai ikhtiar untuk menghidupkan kembali parti Masjumi menemui jalan buntu, Prawoto Ketua Umum terakhir parti tersebut kembali aktif ke masyarakat sebagai penasihat Serikat Tani Islam Indonesia, bersama kawan seiring Prawoto mendirikan Dewan Dakwah Islamiyah Indonesia (DDII).

Dalam kapasitinya sebagai penasihat STII, Prawoto mengunjungi para petani di desa Temuguruh, Banyuwangi, Jawa Timur. Dalam kunjungannya itulah, di tengah para petani yang dicintainya, Prawoto menghembuskan nafasnya yang terakhir pada 24 Julai 1970. Pak Prawoto dalam kata-kata yang masyhur pernah mengingatkan:

"Jangan tinggalkan tuntunan agama! Dipandang dari sudut parti politik yang mendasarkan perjuangannya atas kaedah-kaedah agama perlu kita renungkan kembali, apakah benar di dalam mengejar kemenangan-kemenangan yang bersifat sementara itu dapat dipertanggungjawabkan jika ditinggalkan ketentuan-ketentuan yang terang nasnya di dalam agama. Jika demikian, maka kerosakanlah yang akan menjadi bagian kita dan tidak ada guna, malah menyesatkan perkataan agama yang kita tempelkan pada papan nama (signboard) kita. Marilah kita buktikan bahawa kita dapat berpolitik dalam arti menegakkan hak dan kebenaran."

Mohamad Roem ketika berucap saat melepas jenazah Prawoto Mangkusasmito pada 25 Julai 1970, mengatakan:

"... Zusrab, Sri, Arif, Nur dan Bas. Relakanlah Pak Prawoto meninggalkan kalian dengan cara yang begini. Ini caranya seorang yang besar, orang yang selamanya memberi dan tidak pernah menerima. Kita tidak bisa menahan sama sekali air mata kita. Tapi marilah kita keluarkan air mata sedikit mungkin kerana menurut ajaran agama Islam, air mata itu hanya memberatkan perjalanan orang yang sudah meninggalkan kita."

Tadi malam tatkala saya duduk di halaman rumah Pak Prawoto, ada dua orang yang duduk di depan saya bercakap-cakap, "Apa besok Pak Prawoto dimakamkan di Taman Makam Pahlawan?"

"Yang satu lagi menanyakan, "Berapa bintang yang sudah didapat Pak Prawoto?"

"Pak Prawoto tidak mempunyai satu bintang pun, pada hari ini kita menghantar Pak



Prawoto Mangkusasmito (dua dari kiri) menghadap Presiden Sukarno membahas pembubaran Parti Masyumi dan Partai Sosialis Indonesia di Istana Merdeka, 24 Julai 1960.

Prawoto tidak ke Taman Makam Pahlawan, tetapi ke Blok P (Perkuburan Awam). Berhubung dengan percakapan dua orang itu yang tidak ada penyelesaiannya malam tadi, saya ingin menyampaikan kepada saudara-saudara supaya jangan ada salah terima sedikit pun, dan soalnya telah jelas. Kepada pemerintah telah diucapkan oleh keluarga dan panitia segala terima kasih yang tak terhingga atas fasilitas yang diberikan sehubungan dengan meninggalnya Pak Prawoto.

Dari pemerintah tidak ada sesuatu pun yang tidak dapat diberikan, semua sudah diberikan. Kalau orang bertanya berapa bintang yang didapat Pak Prawoto, kerana orang itu sering melihat banyak orang yang di dadanya bergeremilapan, kenapa Pak Prawoto tidak?

Mohamad Natsir ketika berucap di saat melepaskan jenazah Prawoto mengatakan:

... begitulah halnya mengenai Bapak Prawoto Mangkusasmito. Beliau meninggalkan kita tidak disangka-sangka mengingat kesihatannya tidak sangat terganggu. Beliau selalu memperlihatkan mukanya yang jernih menunjukkan hatinya yang tenang. Rupanya beliau pandai menyimpan dan menyembunyikan kepada kita semua. Segala apa yang dideritanya baik lahir mahupun batin.

Beliau sendiri tidaklah mengetahui lebih dahulu bahawa beliau akan menghembuskan nafas yang terakhir di suatu tempat jauh dari keluarga beliau sendiri, jauh dari kota, di tengah-tengah umatnya yang dicintainya dan mencintainya, di tengah-tengah kaum yang lemah dan duafa' di hujung Pulau Jawa ini.

Beliau seringkali berkata kepada saya, "Apabila saya kembali dari tour, melihat kampung-kampung dan desa-desa berbicara dengan para petani yang lemah itu, yang tidak pandai membaca surat khabar, dan yang tidak pernah disebut-sebut namanya di dalam surat khabar, saya berasa mendapat satu kekuatan yang baru."

Menurut Tan Eng Kie dalam Pos Indonesia, Agustus 1970 selepas kembalinya ke rahmatullah Mantan Timbalan Perdana Menteri Indonesia itu:

La bukan seorang politikus yang menggunakan politik untuk mencari duit. La berjuang untuk negara dan rakyat Indonesia,

dan ini kelihatan sekali dari penghidupannya. La hidup sangat sederhana dan yang mencari wang untuk hidup sehari-hari adalah isterinya, Ibu Prawoto sendiri. Kesempatan untuk menjadi Komisaris (Board of Directors) banyak sekali jika ia mau, apalagi ia pernah menjadi wakil Perdana Menteri dan bekas Pemimpin Utama dari Masjumi.

Tiap orang yang mengenal dia akan tertarik dengan wajahnya, dengan janggut dan kumis yang sudah ubanan. Jika bicara tidak ketinggalan ketawanya, dan kadang-kadang bersenda-gurau dengan disertai gerak gerinya. Tidak pernah kelihatan mukanya suram, ia senantiasa gembira.

Menurut Mara Karma dalam Kiblat, Agustus 1, 1970:

Orang sekarang banyak yang lurus, tapi mencari yang tak ada bengkoknya adalah sangat sukar. Orang sekarang banyak yang pintar, tetapi seorang pemimpin yang mempunyai integriti dan watak yang sangat kuat seperti Prawoto adalah tidak mudah.

Sebagai seorang yang mengaku dirinya pemimpin umat, ia benar-benar turun ke bawah menemui umat yang dipimpinnya tanpa melihat jarak dan derajat umat yang dipimpin. Kepergiannya ke Banyuwangi, yang terletak di hujung Pulau Jawa, masuk berpuluh kilometer ke dalam desa, di desa di mana ia kemudiannya menghembuskan nafasnya yang terakhir, jarang dilakukan oleh mereka, pemimpin-pemimpin yang hanya mementingkan kerusi, kehormatan dan bukan membuat jasa.

Kepada saudara-saudaraku yang bakal dipilih menjadi calon PRU ke-14 ini, saya menyarankan agar melihat kepada contoh dan teladan tokoh-tokoh besar yang telah meninggalkan kita.

Cuba dapatkan buku terbitan Kompas, Jakarta, "Alam Pikiran dan Jejak Perjuangan: Prawoto Mangkusasmito". Buku yang diterbit ulang sesudah cetakan yang pertama 41 tahun yang lalu. Dapatkan buku ini, saudara tidak akan menyesal, kalau benar-benar ingin menjadi ahli politik rakyat yang setulusnya.

Penulis ialah Setiausaha Agung AMANAH



Pejabat AMANAH Kawasan Jasin yang terletak di pekan Merlimau.

AMANAH Kawasan Jasin sedia galas amanah rakyat

JASIN: Bertitik tolak daripada Gerakan Harapan Baru (GHB) ekoran krisis dalaman dialami Pas pada 2015, AMANAH Kawasan Jasin ditubuhkan.

Mesyuarat pertama diadakan di Merlimau dengan kehadiran sebahagian bekas penggerak Pas kawasan. AMANAH Kawasan Jasin ditubuhkan pada Sept 2015, bulan yang sama AMANAH peringkat negeri dibentuk.

"Pembentukan jawatankuasa penaja di buat di rumah saya di Kampung Chinchin, Jasin. Seramai 50 orang penggerak awal hadir pappa perjumpaan itu," kata Ketua AMANAH Kawasan Jasin, Yuhaiزاد Abdullah.

Sebaik sahaja AMANAH kawasan dibentuk, ujar beliau proses penubuhan cawangan dilakukan secara berperingkat di Jasin Darat dan Jasin Pantai.

"Sambutan orang ramai terhadap AMANAH khususnya di kalangan ahli-ahli Pas amat memberangsang sehingga ada cawangan Pas yang 'mati' kerana ahli-ahlinya menyertai AMANAH khususnya di Merlimau," ujar bekas calon Pas pilihan raya kecil (PRK) Dun Merlimau itu.

Menurut beliau, walaupun di peringkat awal ramai yang menyertai AMANAH adalah ahli-ahli Pas yang tidak lagi yakin dengan halal tuju parti itu, namun mutakhir ini AMANAH kawasan turut disertai bekas ahli-ahli Umno dan 'orang atas pagar' (belum menyertai mana-mana parti politik).

AMANAH kawasan juga, katanya turut disertai aktivis badan bukan kerajaan (NGO) namun jumlahnya tidak seramai AMANAH di kawasan-kawasan lain seperti Alor Gajah yang dipimpin Naib Presiden AMANAH Dr Hasan Baharom.

Dorongan utama penubuhan AMANAH ujar beliau adalah untuk menghadapi BN.



"Dulu memang Umno-BN ini teruk, tapi kini lebih teruk sehingga membebankan hidup rakyat. Semuanya kerana kesilapan-kesilapan dasar pentadbiran BN di bawah pimpinan Datuk Seri Najib Razak," ujarnya.

Keperitan hidup dihadapi rakyat, kata beliau menyebabkan AMANAH mudah diterima masyarakat malah di kawasan Jasin AMANAH diterima oleh semua kaum.

"Kita sedang dalam proses menubuhkan sebuah cawangan di Jasin Lalang yang kesemua 35 anggotanya terdiri daripada kaum India," jelas Yuhaiزاد.

PERSEDIAAN PILIHAN RAYA

Selain berusaha menubuhkan cawangan bagi mengukuhkan kehadiran AMANAH di daerah Jasin, AMANAH kawasan juga sedang giat membentuk jentera di setiap Pusat Daerah Mengundi (PDM) bagi menghadapi pilihan raya umum (PRU) yang bakal berlangsung pada bila-bila masa.

"Di Dun Merlimau dan Dun Sungai Rambai, hampir semua PDM telah dibentuk jawatankuasa. Kita sedang berusaha membentuk jentera di Dun Rim, Dun Bemban dan Dun Serkam," katanya.

Menyentuh tentang aktiviti bagi mendekati masyarakat, Yuhaiزاد berkata pelbagai aktiviti kebajikan dilaksanakan AMANAH kawasan sepanjang penubuhannya.

"Kita mengadakan aktiviti bersesuaian dengan masa dan tempat. Sebagai contoh menjelang musim persekolahan, kita

mengadakan program 'Kembali ke Sekolah' bagi membantu keluarga-keluarga yang kurang berkemampuan menyediakan kelengkapan persekolahan anak-anak," katanya.

Menurutnya, AMANAH Kawasan memperuntukkan RM60,000 hingga RM70,000 setiap tahun bagi membantu golongan asnaf membuat persediaan menyambut Aidilfitri.

Pihaknya juga turut memberikan bantuan bulanan kepada keluarga asnaf yang benar-benar memerlukan hasil sumbangan ahli dan orang ramai.

"Di Dun Merlimau kita adakan program 'Putus beras, jumpa kami': Di rumah setiap ahli jawatankuasa AMANAH kawasan memang ada stok beras untuk kita berikan kepada keluarga susah yang keputusan bekalan makanan. Program ini berjaya membantu keluarga yang dalam kesusahan," katanya.

AMANAH Kawasan juga, menganjurkan program 'Pasar Peduli Rakyat' yang menawarkan barang keperluan harian pada harga yang lebih rendah daripada harga pasaran.

Program perintis yang diadakan di Sungai Rambai, katanya mendapat sambutan hangat.

"Program 'Pasar Peduli Rakyat' ini dicontohi BN Kawasan Jasin apabila mengadakan program 'Jualan Sentuhan Rakyat Parliment Jasin' di perkarangan Stadium Jasin, 26 Jan lalu," kata Yuhaiزاد.

Yuhaiزاد yang juga Timbalan Speaker Konvensyen AMANAH Nasional berkata, walaupun pada awalnya tumpuan parti lebih kepada kawasan Dun Sungai Rambai dan Dun Merlimau, namun setelah kawasan parliment Jasin diserahkan kepada AMANAH dalam pembahagian kerusi pilihan raya Pakatan Harapan (PH), usaha dibuat bagi mengaktifkan jentera parti di tiga Dun lain.



Menziarahi warga tua yang uzur.



Yuhaiزاد dan Pengurus AMANAH Melaka, Adly Zahari menerima borang keahlian daripada keluarga India.



Mengacau bubur lambuk bagi diagihkan di bulan Ramadan.

"Kita dalam proses membentuk bilik gerakan di Dun Bemban, Dun Rim dan Dun Serkam selepas menerima berita AMANAH akan bertanding di Parlimen Jasin.

"Sebelum ini kita sudah pun membuka bilik gerakan di Dun Merlimau dan Dun Sungai Rambai," katanya.

Mesyuarat jawatankuasa AMANAH kawasan juga, tambah beliau telah menyenaraikan lima orang calon bagi Parlimen Jasin untuk diserahkan kepada AMANAH negeri.

KERJASAMA PH

Yuhazad berpuas hati dengan kerjasama ditunjukkan parti-parti gabungan PH di kawasan Jasin, malah sebelum sekretariat PH dibentuk di peringkat negeri, PH Kawasan Jasin sudah pun dibentuk dan melaksanakan aktiviti bersama.

"Jasin adalah kawasan terawal membentuk sekretariat PH yang dianggotai AMANAH, Keadilan, PPBM dan DAP. Program-program bersama telah pun dibuat sebelum sekretariat PH peringkat negeri dibentuk," ujarnya.

Sikap saling bantu membantu di kalan-gan parti anggota PH meyakinkan Yuhazad tentang potensi PH di kawasan Jasin bagi menghadapi BN.

Bagi Yuhazad, tiada halangan besar yang dihadapi AMANAH dan PH di kawasan Jasin apatah lagi pihaknya mengamalkan sikap sal-

ing hormat menghormati dengan pelbagai pihak termasuk para pemimpin parti lama yang pernah dianggotainya.

Kehadiran orang ramai dalam program-program dilaksanakan AMANAH dan PH juga menandakan penerimaan masyarakat umum terhadap gabungan politik saingen BN itu.

Isu utama yang memberi kesan kepada penduduk tempatan, katanya adalah peningkatan kos sara hidup.

"Dengan harga getah (sekerap) RM2 hingga RM2.20 sekilo, para pekebun kecil getah amat terasa dengan kenaikan harga barangan keperluan harian sekarang," katanya.

"Kegagalan BN dalam menuaikan janji-janji pilihan raya, sebagai contoh janji membi na bangunan baru SJK (Tamil) di Jasin Lalang yang tidak tertunai turut mengundang rasa tidak puas hati penduduk," ujarnya.

Beliau berharap PH akan terus menguku-hkan kesepakatan bagi menghadapi PRU apatah lagi rakyat pada keseluruhannya ingin melakukan perubahan politik.

Yuhazad juga mengakui telah ditemui beberapa pemimpin Umno tempatan yang melahirkan kegusaran terhadap masa depan negara.

"Perkara ini tidak pernah berlaku sebelum ini dan bagi saya inilah masa terbaik untuk kita melakukan perubahan," ujarnya men-gakhiri perbualan.



Program Kembali ke Sekolah memanfaatkan lebih 100 pelajar.



Bantuan diberi tanpa mengira kaum dan agama.



JAWATANKUASA AMANAH KAWASAN JASIN SESI 2016 - 2018

| | |
|---------------------------|-------------------------------|
| Ketua | : HJ YUHAIZAD ABDULLAH |
| Timbalan Ketua | ADEL JANTAN |
| Naib Ketua | HALIM SAID |
| Naib Ketua | AMINUDDIN ABD JALIL |
| Setiausaha | AMIR SAMAD |
| Bendahari | HAMEDZ ZAKARIAH |
| Penolong Bendahari | AZAHARI AHMAD |
| Ketua Komunikasi | ADESHAM NOOR |
| Md Shahren Md Jan | MD SHAHREN MD JAN |
| Ketua Pemuda | MOHD ZULKHAIRO AB AZIZ |
| Ketua Awan | RAHAYU HAMZAH |

Ahli Jawatankuasa

- AZRIN AB MAJID
- NOOR ISMAIL AYOB
- ZABIDI ABD MAJID
- HAMZAH AMIN
- KHAIRIL ANUAR MAHPOB
- HJH SAPIAH MANSOR
- NAJIB MOHD ZIN
- MOHD KHALID ROSLAN
- MOHD KADIR MOHD YASSIN
- ZULKIPLY HARUN
- MOHD SYAFIQ MOHYIDDIN

PROMOSI TERBARU!!

JOM IKLAN DENGAN AKHBAR AMANAH

SERENDAH (SATU MUKA)
RM 500

TEMUI 50 RIBU PEMBACA ANDA SEKARANG

APA YANG ANDA AKAN DAPAT JIKA BERIKLAN DENGAN KAMI?

1) Mencapai pembaca sehingga ke Singapura, Sabah dan Sarawak.
2) Percuma akhbar AMANAH setiap keluaran.


BETULKAH SHAFEE

UNTUK TEMPAHAN ATAU MAKLUMAT LANJUT:
01132334322 (EN HAKIM)

6 Undi pembangkang melonjak bila muafakat

12 Hutang negara cecah RM1 trilion menjelang 2021

13 Komitmen Malaysia bantu pelarian Rohingya diragui



PP18978/03/2016(034450)

Amanah

BIL 87 | 28 JANUARI - 3 FEBRUARI 2018

FELDA HILANG TANAH SELAMANYA



Tanah Felda bakal hilang apabila ia menjadi tapak Projek KLVC dan akan dimiliki oleh pembeli bangunan itu nanti, dakwa Rafizi Ramli.



"Saya ingin menegaskan bahawa tanah Felda yang diwar-warkan kononnya telah didapati kembali hak miliknya, sebenarnya telah hilang buat selama-lamanya."

Rafizi Ramli

FELDA telah hilang pemilikan tanahnya di Jalan Semarak buat selama-lamanya apabila projek KLVC dilaksanakan di atas tanah tersebut.

Tanah ini hilang apabila menjadi tapak pembangunan projek itu dan bakal dimiliki secara strata oleh pembelinya nanti, kata ahli parliment Pandan, Rafizi Ramli.

→ Laporan penuh muka 2

Bongkar kelemahan BN, beritahu tawaran kita

JENTERA komunikasi Pakatan Harapan di seluruh negara perlu memberi fokus kepada memberi penerangan berhubung tawaran-tawaran kepada rakyat jika diberi mandat memerintah negara pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) nanti.

Pada masa sama, Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH) Mohamad Sabu berkata, jentera juga perlu membongkar segala kelemahan dan kerosakan yang telah dilakukan oleh kerajaan Umno Barisan Nasional khususnya dalam isu skandal

rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

"Tidak perlu terlalu banyak fokus. Terangkan kepada rakyat berkenaan tawaran Pakatan Harapan, belanjawan Pakatan Harapan dan pada sama ceritakan kelemahan pentadbiran Umno Barisan Nasional.

"Itu tumpuan kita selaku jentera penerangan perlu buat sehingga hari mengundi," katanya dalam taklimat penerangan di Alor Setar.



Mohamad menyerahterahkan kit penerangan untuk jentera PH di Alor Setar.



- HANDMADE
- NO HARMFUL CHEMICALS
- PARABEN FREE
- HALAL

Contact Info:
TEL: +6013 754 9335
EMAIL: drolivebodycare@gmail.com
WEBSITE: www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare

OTHER PRODUCTS:

SOAP
BODY SCRUBS
SERUMS
DEODORANT
SUNSCREEN
TEA
SUPPLEMENTS

